

**KELUARGA DIRAJA
KELANTAN DARULNAIM**



Gambar Kulit

Kulit Depan: KDYMM Al'Sultan, Tengku Ismail Petra
Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra

DYMM Raja Perempuan,
Tengku Anis Bt. Tengku Abdul Hamid

Kulit Belakang
Istana Negeri, Kubang Kerian



KDYMM AL-SULTAN KELANTAN



DYMM RAJA PEREMPUAN KELANTAN

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Oleh
Mohd. Zain Saleh

KANDUNGAN

Jawatankuasa Penerbitan Buku "Keluarga Di Raja Kelantan Darulnaim"	
Muka Sembilan	
Junjungan Kash	
Muka Sepuluh	
Kata-Kata Aluan Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Buku	
"Keluarga Di Raja Kelantan Darulnaim"	
Muka Sebelas	
Persembahan Kata	
Muka Dua Belas	
Seulas Kata	
Muka Tiga Belas	
Membuka Helaian Sejarah	
Muka Lima Belas	
BAB I	
Long Muhamad Putera Long Yunus Sebagai Sultan Muhammad I	
Muka Tujuh Belas	
BAB II	
Long Senik Mulut Merah Putera Long Tan Temenggong	
Sebagai Sultan Muhamad II	
Muka Dua Puluh	
BAB III	
Long Kundur Putera Long Sulung Sebagai Sultan Muhamad III	
Muka Dua Puluh Enam	
BAB IV	
Long Mansur Sebagai Sultan Mansur	
Muka Tiga Puluh	
BAB V	
KDYMM Tengku Long Senik Putera Long Kundur	
Sebagai Sultan Muhamad IV	
Muka Tiga Puluh Enam	
BAB VI	
KDYMM Tengku Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhamad IV	
Sebagai Sultan Ismail	
Muka Lima Puluh Dua	
BAB VII	
KDYMM Tengku Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Muhamad IV	
Sebagai Sultan Ibrahim	
Muka Enam Puluh Enam	
BAB VIII	
KDYMM Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim	
Sebagai Sultan Yahya Petra	
Muka Tujuh Puluh Enam	
BAB IX	
KDYMM Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra	
Sebagai Sultan Ismail Petra	
Muka Satu Ratus Lima	

576933

520.7045012
R-25

20 APR. 1992
Perpustakaan Negara
Malaysia

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Jawatankuasa Penerbitan Buku
Keluarga Di Raja Kelantan Darulnaim

YBM Tengku Ahmad Panglima Raja Bin Tengku Abdul Ghaffar — Pengurus
YB Dato' Nik Ishak Bin Dato' Hj. Nik Daud
YB. Dato' Hj. Yusoff Zaky Yaacob
Y.Brs Mohd. Zain bin Saleh

Junjungan Kasih

Setinggi-tinggi Junjungan Kasih Dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan, Tengku Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan, Tengku Anis Bte Tengku Abdul Hamid dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Zainab II kerana Keampunan izin Mempergunakan Gambar-Gambar Dalam Simpanan Baginda-Baginda semua untuk Menghiasi Sebahagian Daripada Lembaran Buku Ini.

KATA-KATA ALUAN DARIPADA
PENGERUSI JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU
"KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM"

Bismillahir Rahmani Rahim,

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNya dapatlah saya merakamkan sepatih dua kata dalam buku "Keluarga Di Raja Kelantan Darulnaim" ini.

Orang-orang tua kita ada meninggalkan kata-kata hikmat yang berbunyi, "Tak Kenal Maka Tak Cinta", maka adalah diharapkan buku ini akan menjadi anak kunci untuk membuka pintu pengenalan yang dekat dengan maksud yang terkandung dalam tajuk buku ini, iaitu "Keluarga Di Raja Kelantan Darulnaim", supaya dengan itu akan timbul rasa cinta yang lebih murni dan unggul, terutama terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan serta putera dan puteri Baginda sekaliannya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah menaiki takhta kerajaan pada tahun 1979 yang menjadi batu tanda penting terhadap Negeri Kelantan Darulnaim dan rakyatnya sebagai titik permulaan menempuh zaman kemajuan baik di bidang jasmani dan juga rohani berkat pemerintahan Tuanku yang bijaksana.

Mengambil kesempatan ini, saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T. supaya dilanjutkan usia zaman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan juga Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan kekal di atas singgahsana Kerajaan dengan berlebih-lebih kemuliaan dan kebesaran dalam naungan nikmat dan rahmat Allah yang yan berpanjangan.

Amin Yan Rabal Alamin.

Kota Bharu
16 Julai 1987

Pengerusi

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Persembahan Kata

Bismillahir Rahmani Rahim,

Segala puji puja bagi Allah, Salawat dan Salam Ke atas junjungan Nabi Besar Muhammad S.A.W., keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikutnya yang setia sekalian.

Ampun Tuanku Beribu-ribu ampun.

Bersyukur patik ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNya dapatlah patik menyusun buku yang tidak seperti ini hingga selesai diterbitkan dalam keadaannya yang ada sekarang sebagai tanda taat setia dan kasih yang patik terhadap Tuanku, Sultan Dan Yang Di Pertuan bagi Negeri Kelantan Darulnaim, serta juga Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan yang patik hormati.

Patik terlebih dahulu menyusun jari memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kesalahan di dalam buku yang tidak seperti ini kerana patik sedar sebagai hamba Allah patik tidaklah sunyi daripada salah dan silap.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun.

Patik memohon doa ke hadrat Allah S.W.T. semoga dilanjutkan usia zaman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan serta dikurniakan oleh Allah sihat walafiat sepanjang masa.

Amin Yan Rabal Alamin.

Pengarang

Kota Bharu,
16 Julai, 1987

SEULAS KATA

Bismillahi Rahmanir Rahim,

Penulisan buku ini bermula dari titik tolak kesedaran bahawa sejarah Negeri Kelantan Darulnaim yang unik ini telah membuktikan bahawa establishmen Di Raja mempunyai kedudukan yang tersendiri, sebagai sebuah establishmen yang mulia, aktif, berpengaruh dan juga berperanan penting dalam menentukan perjalanan arus sejarah negeri ini yang telah terterap menjadi hakikat sejarah yang agong di sepanjang titian zaman.

Malah di sepanjang-panjang sejarah yang lalu itu apa yang dikatakan sejarah negeri ini adalah bererti sejarah pemerintahan Beraja itu sendiri kerana kedudukannya yang agong itu, bahkan jatuh bangun sesebuah negeri ataupun kerajaan di masa itu adalah tergantung kepada keunggulan Takhfat-Takhta Kerajaan yang memerintah yang menjadi lambang kedaulatan negeri yang dipayunginya itu. Andainya Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka tidak jatuh ke tangan penjajah Barat dalam tahun 1511, maka kemungkinan besar sejarah negara kita akan berlainan dari sekarang, kerana tanpa kuasa penjajah yang berkembang pengaruhnya itu, negara kita tetap menjadi sebuah negara bebas, merdeka dan berdaulat yang tidak akan terdedah kepada pengaruh-pengaruh barat secara berleluasa yang telah merubah bentuk bahasa, budaya pemerintahan dan cara-cara hidup kita seluruhnya.

Dalam kontek tersebut, setiap kemajuan yang dicapai di negeri ini, mempunyai pertalian yang erat dengan Takhfa Kerajaan yang memerintah, sebagai contohnya, kelahiran institusi penting Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1915 adalah dengan keampuan perkenan Almarhum Baginda Sultan Muhammad yang Keempat yang begitu banyak jasanya kepada Negeri Kelantan Darulnaim ini. Malah berbagai-bagi kemajuan fizikal yang dicapai di Negeri Kelantan Darulnaim adalah kerana wujudnya establishmen Di Raja itu sendiri.

Di samping pembangunan fizikal, establishmen Di Raja juga mempunyai peranan yang penting dalam bidang pembangunan kerohanian ummah sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh sejarah. Dari sejak dulu hingga sekarang, establishmen Di Raja menjadi nadi utama kepada kemajuan dan perkembangan Agama Islam yang maha suci, di samping menjadi pelindung yang utuh daripada berbagai-bagi ancaman anasir-anasir perosak Islam, dengan kedudukan Raja yang tinggi sebagai Ketua Agama Islam sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan negeri-negeri dan juga Perlembagaan Malaysia. Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Pertama) di bawah Perkara 6 (1) menegaskan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ialah Ketua Agama Islam negeri ini.

Establishmen Di Raja juga merupakan benteng yang pejal kepada berbagai-bagi ancaman dari dalam dan juga dari luar dengan menjadi suteru pengikat taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi dalam satu wadah yang unggul dalam masyarakat majmuk Malaysia yang unik ini. Perpaduan rakyat yang kental dapat dilahirkan dengan adanya ikatan taat setia rakyat

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

kepada Raja-Raja mereka yang dikasih. Melalui establishmen di Rajalah, keamanan telah dapat dipulihkan kembali dengan jayanya selepas dilanda petaka 13 Mei, 1969 dengan kewujudan kembali Demokrasi Berparlimen dan pulihnya kembali pengharapan dan aspirasi rakyat negara ini.

Dalam pengertian Demokrasi Berparlimen sekarang, Kerajaan adalah rakyat, kerana setiap anggota yang memerintah di dalam Kerajaan adalah dipilih oleh rakyat yang menjadi sebuah badan mentadbir kerajaan di mana Raja telah dilantik menjadi payung menaunginya.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa establishmen Di Raja mempunyai peranan yang besar sekali dalam pembinaan seni dan budaya, bukan sahaja menjadi penaung dan pelindung, tapi juga menjadi sumber yang subur tempat memancaranya seni dan budaya bangsa.

Demikianlah establishmen Di Raja menjadi payung yang teduh tempat bernaung, benteng yang pejal tempat berlindung, nadi yang giat menggerakkan dan tonggak yang kukuh tempat menggantungkan pengharapan rakyat jelata seluruhnya.

Dengan keagongannya yang luhur, penuh keadilan dan kebijaksanaan itu establishmen Di Raja yang telah wujud di seluruh dunia sejak zaman berzaman terus berkekalan hingga ke hari ini dengan kedudukannya yang tidak terjejas, malah akan bertambah utuh selagi ia mendapat tempat di hati rakyat jelata sekalian. Pertalian antara Raja dan rakyat amatlah erat sekali, tidak terpisah-pisah lagi, kerana tidak ada rakyat kalau tidak ada Raja, demikian jugalah tidak ada Raja kalau tidak ada rakyat.

Adalah diharapkan buku ini akan menjadi jambatan penghubung yang lebih dekat antara rakyat dan Raja-Raja Pemerintah Negeri Kelantan Darulnaim dari sejak dahulu hingga sekarang, khususnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Tengku Anis Bte Tengku Abdul Hamid dan putera serta puteri Baginda yang dikasih sekaliannya.

Semoga buku ini memberi manfaat kepada pembaca-pembaca serta diiringi dengan doa semoga Allah melimpahkan rahmatNya dengan taufik dan hidayah kepada kita semua.

Kota Bharu,
Jun, 1987

Pengarang

Membuka Helaian Sejarah

Lintasan Sejarah

Negeri Kelantan yang mempunyai senibudaya tradisional yang unik ini juga mempunyai sejarah persinggahsanaan yang menarik. Sebagai pembuka lembaran sejarah perkembangan persinggahsanaan Negeri Kelantan itu sehingga kemunculan Long Muhammad Putera Long Yunus menuaki singgahsana Kerajaan Kelantan dari tahun 1801 hingga tahun 1837 di mana buku sejarah 'Keluarga Di Raja Kelantan Darulhaim In' membuka panggung pembincaraannya membawa ke zaman pemerintahan KDYMM Sultan Tengku Ismail Petra Ibm Almarhum Sultan Yahya Petra.

Dalam 1411M (814H) di Negeri Kelantan terdapat seorang Raja yang beragama Islam bernama Raja Kumar. Tapi hingga kini ahli-ahli sejarah masih belum dapat mengesani daripada manakah asalnya Raja Kumar ini walaupun Baginda Raja Kumar telah menjalankan hubungan muhibah dengan Maharaja China, dan sebaliknya dalam 1412M, Baginda Raja Kumar telah menerima persembahan bala berupa kain-kain sutera dan surat kepujian daripada Maharaja China itu.

Selepas pemerintahan Raja Kumar lahir pula pemerintahan Sultan Iskandar sehingga 1465M. Kemudian Negeri Kelantan diperintah pula oleh putera Baginda Sultan Mansur. Dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur nama Negeri Kelantan telah menjadi masyhur ke merata-tempat. Kemasyhuran Negeri Kelantan telah sampai ke Negeri Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Pada 1477M, Raja Melaka ini telah menghantarkan bala tenteranya untuk menyerang Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun ia berakhir dengan satu simpulan peristiwa yang menarik, di mana Baginda Sultan Mahmud Shah telah berkahwin dengan puteri Sultan Mansur yang bernama Onang Kening, yang kemudian menjadi bonda kepada Raja Perak yang pertama, iaitu Sultan Muzaffar Shah (1528M).

Bila Sultan Mansur Shah mangkat pada 1526M (928H), maka putera Baginda Raja Gombak ditabah menjadi Sultan dengan gelaran Sultan Gombak. Setelah Baginda Raja Gombak mangkat, maka cucunda Baginda yang telah dijadikan putera angkat Baginda, iaitu Raja Ahmad ditabah menjadi Sultan Kelantan pada 1584M (992H) dengan gelaran Sultan Ahmad. Baginda telah berkahwin dengan Cik Banut puteri Seri Nara D'Raja, iaitu sepupu kepada Raja Hussin di sebelah isteri Lela Wangsa Pahang. Baginda

kedua telah dikurniakan dengan seorang puteri yang dinamakan Cik Wan Kembang.

Baginda Sultan Ahmad mangkat pada 1589M, sewaktu puteri Baginda Cik Wan Kembang berusia 4 tahun, oleh sebab itu Raja Hussin dari Johor telah dilantik menjadi Pemangku Raja pemerintah Kelantan. Bila Raja Hussein mangkat pada 1610M (1018H), maka Cik Wan Kembang pun ditabah menjadi Raja Kelantan. Baginda bersemayam di Gunung Chinta Wangsa, Ulu Kelantan, kira-kira 27 batu arah ke Tenggara Kuala Krai.

Pemerintahan Cik Wan Kembang di Gunung Chinta Wangsa menjadi masyhur, menyebabkan banyak dikunjungi oleh dagang sentri dari dalam dan luar negeri, termasuk juga orang-orang Arab yang menggelarkan Che Wan Kembang dengan panggilan "Paduka Che Siti". Baginda mempunyai seekor kijang yang amat digemari oleh Baginda, iaitu persembahan daripada rakyat Baginda yang tinggal di Gunung Ayam. Gambar kijang ini telah diterap di atas wang emas perbelanjaan negeri, dan kemudiannya diabadikan pulak sebagai sebahagian daripada lambang kebesaran Negeri Kelantan yang berkekalan hingga ke hari ini dengan megalahnya.

Dalam masa pemerintahan Cik Siti Wan Kembang memerintah di Gunung Chinta Wangsa itu, maka di sebelah Timur Laut Negeri Kelantan telah timbul sebuah lagi kerajaan berpusat di Jembal, di bawah pemerintahan Raja Sakti 1638M (1046H). Setelah Baginda mangkat, maka putera Baginda, Raja Loyar telah ditabah menjadi Raja pada 1649M (1059H). Baginda dianugerahkan dengan dua orang cahayamata, iaitu seorang putera, Raja Sakti yang mangkat sejak kecil lagi, dan seorang puteri bernama Puteri Saadong.

Hubungan baik telah terjalin di antara Kerajaan Che Siti Wan Kembang di Gunung Chinta Wangsa, dengan Kerajaan Loyar di Jembal. Baginda Che Siti Wan Kembang telah mengambil Puteri Saadong sebagai anak angkat yang akan mewarisi takhta kerajaan sepeninggalannya nanti, kerana Baginda tidak mempunyai puteri ataupun putera sebab Baginda tidak berkahwin.

Puteri Saadong seorang gadis ayu yang cantik dan jelita, dan digelar oleh penduduk Gunung Chinta Wangsa sebagai Puteri Wijaya Mala. Perihal kecantikan Puteri Saadong ini telah

sampai kepada Maharaja Siam yang menghantar utusan untuk meminang Puteri Saadong, tapi telah ditolak. Kemudiannya Puteri Saadong telah dikahwin dengan sepupunya Raja Abdullah putera Raja Bahar Bendahara dengan tujuan untuk menyelamatkan pertalian Di Raja. Raja Abdullah telah dirajakan di Kampung Chetok Pasir Mas, dan kemudiannya berpindah ke Kota Jelasin atau Kota Mahligai. Oleh sebab mendapat tekanan yang hebat dari Maharaja Siam, maka Raja Abdullah mengizinkan permasurinya Puteri Saadong berangkat ke Siam. Bila Puteri Saadong kembali dari Siam, maka tercetuslah perbalahan antara kedua suami isteri itu menyebabkan Raja Abdullah mati tertikam dengan pemancak sanggul Puteri Saadong.

Selepas kemangkatan Raja Abdullah, Puteri Saadong telah melantik Raja Abdul Rahim saudara Raja Abdullah menjadi Sultan di Kota Jelasin pada 1671M (1082H) dan dikahwin dengan janda Raja Abdullah, anak Penghulu Ngah Jembal. Selepas itu Puteri Saadong menjadi Raja di Bukit Marak dan sejak itu kisahnya tidak dapat dikesani lagi. Tidak lama selepas itu Raja Abdul Rahim telah mangkat ditikam oleh rakyatnya di tepi Tasek Lelaway Mandi, dengan itu putuslah sejarah Kerajaan Mahligai dan wujud pula kembali Kerajaan Jembal yang pada waktu itu terletak di bawah pemerintahan Raja Omar yang bergelar Sultan Omar pada 1675M (1086H).

Sultan Omar adinda kepada Raja Loyar yang sebelum itu telah bergelar Temenggong. Sultan Omar mempunyai lima orang putera dan puteri, iaitu Raja Kecil Sulung, Raja Ngah yang bergelar Raja Hudang, Raja Nah, Raja Sakti dan Raja Pah. Setelah Sultan Omar mangkar pada 1721M (1132H), Baginda Raja Bahar telah ditabalkan menjadi Sultan di Jembal atas kehendak putera sulungnya, Raja Kecil Sulung. Baginda Long Bahar ialah putera Raja Petani yang bergelar Datuk Pengkalan Tua yang berhijrah ke Kelantan bersama dengan ayahandanya dan berkahwin dengan Raja Nah puteri Sultan Omar dan memerintah di Sening dekat Jembal dan juga Kota Kubang Labu pada 1702M. Bila Baginda memerintah Jembal, maka Kota Kubang Labu diseraf kepada Long Sulaiman, putera Baginda dengan isteri Baginda di Patani.

Setelah Baginda Long Bahar mangkat pada 1733M (1146H), maka putera Baginda Long Sulaiman ditabalkan menjadi Raja menggantikan Baginda dan terus bersemayam di Kota Kubang Labu, bukannya di Jembal yang terus ditinggalkan dan akhirnya menjadi sebuah perkampungan.

Long Sulaiman mempunyai seorang putera bernama Long Yunus dan dua orang puteri, iaitu Tuan Dewi dan Tuan Kembang yang berkahwin dengan Long Deraman putera Tuan Senik Getting yang memerintah di Legui. Pada 1756M (1169H) telah berlaku serangan untuk merebut takhta yang akhirnya telah membawa kemangkatan Long Sulaiman. Berikutannya Long Pendek, sepuh Long Sulaiman, telah dilantik menjadi Raja Kubang Labu, dan adiknya pula Long Muhammad dilantik menjadi Raja Muda.

Kemudiannya pada 1758M, Long Pendek telah mangkat di tangan Long Deraman kerana membela dendam terhadap perbuatan Long Pendek membunuh isternya Tengku Tengah, iaitu adik Long Deraman. Selepas itu Long Muhammad dilantik menjadi Sultan di Kota Kubang Labu.

Dalam masa pemerintahan Long Muhammad telah meletus perperangan antara pihak Long Muhammad yang dibantu oleh Long Deraman dengan pihak Long Yunus putera Long Sulaiman yang dibantu oleh Long Ghaffar, putera Raja Roman di Ulu Perak. Dalam perperangan pada 1762M Long Muhammad dan Long Deraman telah tumpas dan kerajaan Kubang Labu telah dapat dikusai oleh Long Yunus. Bagi mengenang jasa Long Ghaffar yang membantunya dalam perperangan itu, maka Baginda Long Yunus telah melantik Long Ghaffar menjadi Perdana Menteri memerintah dari Kawasan Jeram sampai ke Sungai Pasir Tumbuh. Baginda Long Yunus telah berjaya menyatakan seluruh pemerintahan Negeri Kelantan yang banyak itu dan meletakkannya di bawah satu pemerintahan pusat sahaja.

Baginda Long Yunus mempunyai tujuh orang putera dan lima orang puteri, dan seorang daripada puteri Baginda yang bernama Cik Ku Tuan Nawi telah berkahwin dengan Tengku Muhammad, putera Sultan Mansur Terengganu, dan putera sulung Baginda Long Muhammad adalah bakal mewarisi takhta Kerajaan Baginda. Baginda Long Yunus mangkat 1798M (1209H) dan dimakamkan di Permakaman Raja Langgar, Kota Bharu.

BAB I

**Long Muhamad
Putera Long Yunus
Sebagai Sultan Muhamad I
(1801 – 1836)**

Long Muhamad Putera Long Yunus Sebagai Sultan Muhamad I (1801 — 1836)

Baginda Long Muhamad

Long Yunus putera Long Sulaiman adalah seorang Raja Kelantan yang terukir namanya sebagai seorang Raja yang agong. Baginda menaiki takhta kerajaan pada tahun 1762M, dan dengan kegigihannya berjaya menyatupadukan seluruh Negeri Kelantan di bawah satu panji pemerintahan sahaja, tidak lagi tercaing-caing dengan beberapa orang raja dan pemerintahannya seperti di masa-masa yang lalu. Jasa-jasa Baginda yang besar itu menjadi kenangan yang abadi kepada pemerintah-pemerintah Kelantan yang menaiki takhta kerajaan kemudiannya hingga sekarang. Baginda Sultan Muhamad IV telah mengabdiakan nama Baginda Long Yunus kepada nama Bintang Kehormatan untuk para kerabat Diraja yang amat dihormati yang dinamakan ‘Al Yunus’.

Baginda Long Yunus mempunyai 7 orang putera dan 5 orang puteri, di mana putera sulung Baginda ialah Long Muhamad yang sepatusat menaiki takhta kerajaan bila Long Yunus mangkat pada 1798M. Sebelas orang putera puteri Baginda Long Yunus lagi ialah Long Tan, Long Jenal, Long Ismail, Long Muda, Long Yusof dan Long Pandak, dan puteri-puteri Baginda Long Yunus pula terdiri dari Che’ Ku Penambang, Che’ Ku Tuan Nawi (Che’ Ku Wan Teh), Che’ Ku Telur, Che’ Ku Wan Naman dan Che’ Ku Che’ Wok.

Long Yunus

—	Long Muhamad (Sultan Muhamad I)
—	Long Tan
—	Long Jenal
—	Long Ismail
—	Long Muda
—	Long Yusof
—	Long Pandak
—	Che’ Ku Penambang
—	Che’ Ku Tuan Nawi (Che’ Ku Wan Teh)
—	Che’ Ku Telur
—	Che’ Ku Tuan Naman
—	Che’ Ku Che’ Wok

Baginda Sultan Muhamad yang menaiki takhta pada tahun 1801M adalah seorang raja yang gemar membuat amal kebajikan.

Setiap tahun Baginda Sultan Muhamad I mengeluarkan sedekah dan khairat untuk faedah rakyat di dalam dan di luar Negeri Kelantan, untuk luar negeri Baginda bermurah hati mendirikan rumah-rumah wakaf di Mekah, Judah dan Madinah.

Baginda seorang Raja yang mandul, tidak ada zuriat untuk menyambung warisan takhta kerajaannya. Oleh sebab itu selepas kemangkatannya Baginda digelar Marhum Mandul, di samping gelaran Marhum Tuah. Semasa hidupnya Baginda telah mengambil anakanda saudaranya Tuan Senik Mulut Merah, yang bergelar Raja Temenggong Aria Pahlawan, putera Long Tan Temenggong sebagai anak angkat dan tinggal bersama-sama Baginda di istana. Ayahanda Tuan Senik Mulut Merah, iaitu Long Tan Temenggong telah mangkat terbumih ketika menjalankan tugasnya di Galas Setelah memerintah selama 36 tahun, maka Baginda Long

Muhamad yang bergelar Sultan Muhamad I itu pun iatu gering dan mangkat pada tahun 1837M (29 Safar 1251H). Baginda mangkat dengan meninggalkan jasabakti yang besar yang tidak ternilai harganya, terutama sekali sebagai wira yang telah berkobar mempertahankan takhta kerajaan Negeri Kelantan terus berkekalan berada dalam kekuasaan pewaris takhta yang berhak mewarisinya dengan mengadai nyawa Baginda sendiri dan dengan semangat yang gigih dan penuh keperwiraan. Sebagai mengingati jasanya yang besar itu, pewaris takhta yang kemudian iaitu Sultan Muhamad IV telah mewujudkan Bintang Darjah Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia yang dinamakan ‘Al Muhammadi’ mengambil sempena nama Baginda Sultan Muhamad I. Bintang-bintang itu diadakan dalam tiga derjah, satu, dua dan tiga. Di samping itu Baginda juga berjaya membuat tapak kemajuan yang penting untuk Negeri Kelantan berkembang maju di zaman-zaman berikutnya, dan muncul sebagai sebuah kerajaan yang hebat dan berdaulat. 1

Peristiwa Semasa

Bila Baginda Long Yunus mangkat pada tahun 1798M, maka timbulah kesulitan tradisional untuk mencari penggantinya, kerana tidak ada kata sepakat antara putera dan puteri Baginda yang seramai 12 orang itu, sedangkan almarhum Baginda Long Yunus

pula tidak pernah semasa hayatnya melantik sesiapa ataupun meninggalkan sebarang wasiat tentang penggantinya itu, apa lagi pada zaman tersebut sudah menjadi tradisi pula berlakunya perebutan takhta bila ada seorang raja yang mangkat. Oleh sebab itu, menantu almarhum Long Yunus, Tengku Muhammad iaitu putera Sultan Mansur Yang Di Pertuan Terengganu (1740 – 1793M) telah dilantik menjadi Pemangku Sultan untuk selama 100 hari bagi membolehkan jenazah Baginda Long Yunus dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar dan membolehkan pemerintahan negeri berjalan seperti biasa. Upacara Penabalan Tengku Muhammad sebagai Yang Di Pertuan Kelantan pada tahun 1795M telah dilakukan oleh Yang Di Pertuan Terengganu, Sultan Zainal Abidin II, kekanda kepada Tengku Muhammad sendiri.

Kemudian pada tahun 1801M, Baginda Long Muhammad putera Long Yunus pula menaiki takhta kerajaan sebagai Yang Di Pertuan dengan gelaran Sultan Muhamad dan akhirnya dipanggil Sultan Muhamad I. Perlantikan Baginda mendapat restu daripada saudara-saudara Baginda yang mendapat kata sepakat dengan pembesar pembesar negeri. Baginda Long Muhammad adalah wangsa Long Yunus yang pertama sekali memakai gelaran Sultan, dan mempunyai sistem pemerintahan yang lebih mantap dari pemerintahan sebelumnya.

Bila Raja Terengganu menyedari bahawa Sultan Muhamad I telah membuat ikatan setia dengan Raja Siam, maka Raja Terengganu pun turut menghantar perwakilannya ke Bangkok untuk menialm ikatan setia dengan kerajaan Siam seperti Negeri Kelantan juga. Sejak terjalinnya hubungan baik antara Bangkok dengan kedua-dua negeri itu, maka hubungan antara Negeri Kelantan dan Terengganu pun bertambah mesra.

Oleh sebab Baginda Sultan Muhamad I tidak mempunyai putera ataupun puteri, maka Baginda telah mengambil anak saudaranya, Tuan Senik Mullet Merah sebagai anak angkat yang akan mewarisi takhta kerajaan selepas kemangkatannya nanti. Bagi mempastikan hasrat Baginda untuk menabalkan Long Senik Mullet Merah sebagai penggantinya itu terlaksana bila Baginda mangkat nanti, maka Baginda pun menghantar deligasi kedua untuk ke Bangkok bagi menyampaikan hasratnya itu, dan

deligasi itu telah diterima baik pula oleh Istana Bangkok dan berjanji akan mempastikan hasrat Baginda itu terlaksana nanti.

Baginda Long Muhamad juga telah berjaya menegakkan sebuah kerajaan pusat yang kuat serta bebas dan berdaulat dan dengan itu maka hak kepertuanan Terengganu ke atas Kelantan sebelumnya telah terhapus dengan rasminya.

PERKEMBANGAN NEGERI

Baginda Sultan Muhamad I telah membina sebuah kota istana lain sebagai ibu negeri Kelantan di suatu tempat bernama Pulau Saba yang terletak di tepi tebing timur Sungai Kelantan di mana sekarang terletaknya jeti tambatan kastam. Di Pulau Saba ini juga dibina bangunan-bangunan lain dan sebuah masjid dan juga di sinilah terletaknya pusat pemerintahan Negeri Kelantan selama 42 tahun, daripada tahun 1800M hingga tahun 1842M.

Dalam zaman pemerintahan Sultan Muhamad I Negeri Kelantan berada di dalam kemakmuran, sawah-sawah padi dan kebun buah-buahan telah dibuka dengan seluas-luasnya oleh rakyat jelata sekalian dengan itu peluang pekerjaan bertambah banyak untuk memenuhi keperluan penduduk yang kian meningkat dari masa ke masa. Keadaan Negeri Kelantan kembali aman dan makmur, sehingga termasyur ke luar negeri.

BAB II

**Long Senik Mulut Merah
Putera Long Tan Temenggong
Sebagai Sultan Muhammad II
(1836 – 1886)**

Long Senik Mulut Merah Putera Long Tan Temenggong Sebagai Sultan Muhammad II (1836 — 1886)

Baginda Long Senik

Long Senik adalah putera Long Tan Temenggong (adinda Sultan Muhammad I) yang mangkat terburun di Galas, Ulu Kelantan ketika menjalankan tugasnya. Baginda Long Senik telah diambil dan dijadikan anak angkat semasa Long Tan Temenggong masih ada hayatnya. Baginda tinggal bersama-sama dengan Sultan Muhammad I di istana sebagai bakal pewaris takhta kerajaan Kelantan, kerana Baginda Sultan Muhammad I tidak mempunyai putera ataupun puteri untuk mewarisi takhta kerajaannya. Baginda Sultan Muhammad telah menyampaikan hasrat Baginda itu kepada Raja Siam.

Baginda mempunyai empat orang adik beradik, iaitu Long Senik Mulut Merah (Sultan Muhammad II), Tengku Long Nik Gagap (Tengku Sri Indera), Tengku Tuan Bongsu (Raja Muda Penambang), dan Tuan Kota (Tengku Senik).

LONG TAN TEMENGGONG

ARIA PAHLAWAN

- Long Senik Mulut Merah (Sultan Muhammad II)
- Tengku Long Nik Gagap (Tengku Sri Indera)
- Tengku Tuan Bongsu (Raja Muda Penambang)
- Tuan Kota (Tengku Senik)

Baginda Long Senik yang kemudiannya bergelar Sultan Muhammad II dikurniakan dengan 3 orang cahayamata, iaitu dua orang putera dan seorang puteri sulung Baginda bernama Tengku Sulung (Tengku Ahmad), putera yang bongsu ialah Tengku Jaafar (Temenggong), dan puteri Baginda pula ialah Engku Na Nik bergelar Engku Raja yang berkahwin dengan Tengku Putih anak Tengku Besar Raja Patani.

LONG SENIK MULUT MERAH (SULTAN MUHAMAD II)

- Tengku Sulung, Sultan Ahmad (Sultan Tengah)
- Tengku Na Nik (Engku Raja)
- Tengku Jaafar (Tengku Temenggong)

Setelah memerintah selama kira-kira 48 tahun, maka Baginda Sultan Muhammad II pun jatuh gering beberapa lama kerana sakit tua, yang membawa kemangkatan Baginda pada tahun 1886M (1304H), dan dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar. Selepas kemangkattannya itu Baginda dikenali dengan gelaran "Marhum Mulut Merah", ataupun "Sultan Muhamad Mulut Merah".

Raja To'

Raja To' ialah pemaisuri kepada Sultan Muhamad II. Raja To' adalah sepupu kepada Baginda, iaitu puteri Long Yusof, Raja Bukit Panchur, adik beradik kepada Long Tan Temenggong, puteri kepada Long Yunus. Baginda adalah seorang Sultanah

yang memberi sumbangan besar di samping suaminya di bidang pembangunan Negeri Kelantan dalam pemerintahan Baginda Sultan Muhamad II.

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Peristiwa Semasa

Bila Sultan Muhamad I mangkat pada tahun 1837M, peristiwa lama yang tradisional berulang kembali, kerana harapan Almarhum Sultan Muhamad I untuk menabah putera angkatnya, Long Senik menaiki takhta kerajaan tidak terlaksana, sebab Long Jenal yang bergelar Raja Bendahara Banggol segera mengisyitiharkan dirinya sesuka hati menjadi Raja tanpa merujukkan kepada para kerabat. Sebelum ini Long Jenal telah dihalau ke Patani oleh Almarhum Sultan Muhamad I kerana didapati terlibat dalam pembunuhan Long Tan Temenggong di Galas, Ulu Kelantan berpunca dari rasa cemburu hati terhadap Long Tan dan puteranya Long Senik yang dijadikan anak angkat serta pewaris takhta kerajaan oleh Almarhum Sultan Muhamad I. Tapi bila mendengar khabar Sultan Muhamad I gering, maka Long Jenal pun segera kembali ke istana, dan bila Sultan Muhamad I mangkat, maka Long Jenal pun segera mengisyitiharkan dirinya sebagai Raja Kelantan dengan gelaran "Yamtuan Kelantan".

Untuk mentertamakan keadaan, Long Jenal telah memberi gelaran kepada Long Senik Mulut Merah sebagai Temenggong Aria Pahlawan, dan gelaran Bendahara kepada Tengku Senik Penambang (Raja Penambang), serta memberi gelaran Raja Muda kepada Tengku Long Ahmad Bukit Marak. Namun begitu, perkara itu tidaklah selesai dengan begitu mudahnya kerana tindakan Long Jenal mengusai takhta itu telah mencetuskan rasa marah dan dendam di kalangan kerabat-kerabat yang merasa terhina dan tersingkir di mana akhirnya telah mencetuskan krisis yang sangat. Kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam krisis politik Kelantan ini masing-masing telah menghubungi Kerajaan Siam dengan menghantar surat dan utusan ke Bangkok meminta sokongan dan bantuan bagi menyelesaikan krisis yang akhirnya banyak menumpahkan darah kedua-dua belah pihak. Dalam krisis itu pihak Siam telah memahami dan menyokong Long Senik Mulut Merah mungkin kerana mereka mengetahui duduk perkara yang sebenarnya sebagaimana hasrat Almarhum Sultan Muhamad I yang telah disampaikan pada Raja Siam.

Akhirnya krisis politik yang panas itu telah meletus jadi perang saudara pada bulan Mac 1839M. Perang saudara ini adalah perang saudara yang besar dan panjang dalam sejarah Kelantan, di mana satu pihak diketuai oleh Long Jenal untuk mempertahankan takhta yang telah dikuasainya itu dan di situ

pihak lagi diketuai oleh Long Senik Mulut Merah untuk mendapat kembali takhta kerajaan yang telah diwariskan kepada Baginda itu.

Perang saudara ini telah berakhir pada bulan Ogos 1839M di mana Long Jenal Raja Bendahara Banggol telah tewas dan tersingkir dari istana lalu lari ke Jukang dekat Bangnara; dari sana Long Jenal melancar serangan balas, tapi dapat dipatahkan oleh Long Senik yang berjuang dengan gagah dan berani, serta mendapat bantuan daripada orang-orang Siam, dengan itu Long Jenal terpaksa membawa diri dan berundur ke Terengganu.

Kemudian Long Senik Mulut Merah pun ditabah menaiki takhta kerajaan dalam istiadat yang diadakan secara besar-besaran. Peristiwa ini berlaku pada akhir tahun 1839M. Perlantikan Baginda dipersetujui oleh saudara-saudaranya dan juga orang-orang besar negeri, serta diketraf oleh istana Bangkok, di mana masa itu di bawah pemerintahan Rama III, Pra-Nang Klan (1824 – 1851M). Istiadat penabahan itu turut dihadiri oleh pembesar-pembesar Siam, di mana Raja Siam juga telah menyembahbhkan kepada Sultan dengan berbagai-bagai persembahan alat-alat kebesaran kerajaan termasuk persalmian dan pakaian kebesaran negeri pada waktu itu. Orang-orang Siam itu menggelarkan Long Senik sebagai "Phya Pipit Pakdi" yang bermaksud "Sultan Muhamad II" sementara Long Senik Raja Penambang digelarkan "Phya Chao Puan" yang bererti "Sultan Dewa".

Untuk melicinkan pentadbiran negeri Baginda telah melantik Engku Limbat sebagai Perdana Menteri bergelar "Engku Perdana Menteri". Engku Limbat adalah bekas Perdana Menteri pertama dalam zaman pemerintahan Long Yunus (1762 – 1837M). Selain dari itu Tuan Besarong digelarkan Raja Muda dan Tengku Long Senik Gagap digelarkan Tengku Sri Indera Mahkota dan seorang lagi bernama Syed Jaafar telah digelar Engku Hussin.

Baginda Sultan Muhamad II adalah seorang yang bijaksana dan berpandangan jauh. Untuk mengelak daripada berlakunya pertumpahan darah yang tidak diingini berpunca dari cetusan rasa kecawa Long Senik Raja Penambang yang bergelar Raja Dewa (Phya Chao Puan) itu dan Tuan Besar Putera Long Ismail Raja Muda Kampung Laut maka Baginda telah meminta bantuan daripada Raja Legor untuk menyelesaikannya, di mana dalam tahun 1842M Raja Legor telah menghantar wakilnya, iaitu

Phraya Tai Nam Raja Chaiya dan Phya Sangka, Menteri Legor ke Kelantan. Dengan kebijaksanaan mereka, kedua-dua raja itu telah berjaya dibawa keluar dari Kelantan tanpa penumpahan darah, di mana Raja Dewa dibawa dan dijadikan Raja di Jambu, suatu wilayah dekat Patani, dan kemudiannya Tuan Besar Raja Muda Kampung Laut diangkat jadi Raja Patani dengan gelaran Sultan Muhamad. Baginda adalah pengasas keturunan diraja Patani yang terakhir hingga tahun 1921.

Dalam zaman pemerintahan Sultan Muhamad II Negeri Kelantan bertambah kukuh dan stabil serta termasyhur di dalam dan di luar negeri.

Perkembangan Negeri

Dari segi fizikalnya Negeri Kelantan amnya, dan bandar Kota Bharu khasnya selalu ditenggelami oleh banjir dari masa ke masa. Perkara ini berlaku sejak beratus-ratus tahun dulu lagi, dan menjadi ancaman kepada keselamatan nyawa dan harta benda manusia, di mana kadang-kadang ianya berlaku lebih dari sekali dalam setahun. Perkara ini juga yang dihadapi oleh Sultan Muhamad II (1837 – 1886), menyebabkan Baginda rasa bimbang keselamatan kota istannya di Pulau Saba itu akan musnah ditelam banjir, kerana ianya setiap tahun sedikit demi sedikit telah terhakis oleh banjir yang sentiasa mengancam, terutama bila tu musim tengkujuh.

Pada tahun 1840M, Baginda telah mengeluarkan perintah supaya digali sebuah anak sungai di tebing sebelah barat Sungai Kelantan bertempat di Kampung Kutan untuk meredakan rempuhan air Sungai Kelantan ke Pulau Saba. Anak sungai gali itu lebarnya 3 depa, dalamnya kira-kira 5 depa dan panjangnya $3\frac{1}{2}$ batu hingga sampai ke Bendang Mokrat, berhampiran dengan Palekhang sekarang, dan ianya selesai digali pada tahun 1841M, dan boleh didapati hingga sekarang dipanggil "Sungai Raja Gali". Baginda Sultan Muhamad II sendiri telah bersusah payah berangkat merasmikan pelancaran projek tersebut. Tapi dalam masa tidak sampai setahun, Sungai Raja Gali itu tidak lagi dapat berfungsi mengalir air dengan baik kerana tertimbuk oleh timbunan lumpur

dan pasir yang dibawa oleh arus Sungai Kelantan, dengan itu tebing Sungai Kelantan terutama di sebelah timurnya mulai terancam kembali oleh keruntuhan akibat hakisan sungai dan dilanda banjir, dan Kota Istana Pulau Saba itupun turut terancam semula, dan tidak ada jalan lagi untuk menyelamatkannya.

Suatu tempat baru terpaksa dicari untuk mengganti Pulau Saba yang terancam itu, maka pada tahun 1844M (1261H), Baginda Sultan Muhamad telah memilih suatu kawasan baru yang letaknya arah ke timur Pulau Saba dan Kebun Menseta (sekarang Padang Merdeka), dan dikeluarkan perintah supaya dibina kota dan istana di tempat yang baru itu. Di dalam kota yang baru itu terdapat sebuah balai besar, sebuah rumah besar yang merupakan istana kediaman raja, sebuah surau, dan sebuah rumah tempat pengawal-pengawal raja. Bangunan istana dan balai besar itu dibuat mengikut tradisi Melayu; di sekeliling kota dan istana itu dipagar dengan pagar kayu cengal setinggi kirikira sepuluh kaki.

Seluruh bangunan itu dibina atas tapak seluas kira-kira 40 ekar yang dikelilingi oleh parit dan dipagari oleh pokok-pokok buluh peleting seluas 25 ekar yang dipanggil kawasan "Buluh Kubu", dan kemudiannya disebut "Dalam Kubu". Di dalam kubu inilah didirikan rumah-rumah kediaman kerabat-kerabat raja, orang-orang besar dan orang-orang yang setia dan berjasa kepada raja. Kawasan ini adalah menjni hak milik setiap Sultan yang memerintah Negeri Kelantan secara turun-temurun.

Pada tahun 1844M (1261H) Baginda Sultan Muhamad II pun berangkat berserayam di istana yang baru siap dibina itu, kota dan istana yang baru dibina itu dipanggil "Kota Bharu" mengambil sempena yang ianya baru dibina. Akhirnya kota dan istana yang baru dibina ini telah berkembang menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan Negeri Kelantan, dan juga Ibu Negeri Kelantan hingga ke hari ini. Untuk mengelak kekeliruan di mana dua tempat mempunyai nama yang serupa, iaitu "Kota Bharu" untuk kota istana yang baru dibina, dan "Kota Bharu" juga untuk ibu negeri Kelantan, maka Baginda Sultan Muhamad II berkenaan menamakan kota istana tempat Baginda berserayam itu sebagai "Istana Balai Besar" dan mengekalkan nama "Kota Bharu" sebagai ibu Negeri Kelantan.

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Sejak tahun 1844M, Istana Balai Besar adalah sangat penting, di mana berlangsungnya berbagai-bagai upacara seperti istadat pertabalan, pengurniaan gelaran dan bintang-bintang dan scumpamanya dan ia juga pernah dijadikan tempat Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kelantan, dan di sini jugalah terletaknya Pejabat Sultan.



Oleh sebab Baginda seorang yang berjiwa Islam, maka Baginda menjalankan pemerintahan mengikut al-Quran dan Hadis, seperti menjatuhkan hukuman potong tangan kepada pencuri, dan menjatuhkan hukuman bunuh orang yang didapati salah kerana membunuh, kecuali diminta oleh keluarga si mati sendiri supaya hukuman itu diringankan, maka pesalah hanya dikenakan denda sebanyak \$1,200.00.

Pada tahun 1867M (1284H), Baginda telah memerintahkan supaya dibina sebuah masjid kayu yang baru atas tapak masjid lama yang telah berusia ratusan tahun dan masjid itu telah pun runtuh dilanda banjir pada tahun 1847M. Kemudianya masjid itu telah bertukar menjadi masjid batu, dan dinamakan Masjid Muhammadi mengambil sempena nama Sultan Muhamad IV.

Dalam masa pemerintahan Sultan Muhamad II kemajuan dalam bidang pemilikan tanah juga telah dicapai. Pada tahun 1882M (1299H) Baginda telah memerintah supaya dibuat peraturan untuk mendaftar tanah-tanah di seluruh Negeri Kelantan untuk mempastikan berapa banyak jumlah tanah yang dimiliki oleh kerajaan dan berapa banyak pulu yang dimiliki oleh rakyat, kerana sebelum itu orangramai di Negeri Kelantan telah banyak menjualkan tanah-tanah mereka untuk mengatas kemelesetan ekonomi yang telah melanda Negeri Kelantan.

Walau bagaimanapun dalam zaman pemerintahan Baginda banyak tanah-tanah padi telah dibuka, di antaranya ialah satu kawasan tanah padi di Pendek Jalan Salor Pasir Mas yang dikhaskan untuk Raja-Raja, kemudian tanah itu telah disyartharkan sebagai Kawasan Sultan (Sultanate Land).

Di dalam bidang pentadbiran pula Baginda Sultan Muhamad II telah mengambil langkah menubuhkan sebuah Jemaah Menteri sebanyak 7 portfolio yang diketuai oleh 7 orang pembesar negeri yang diberi tanggungjawab memikul tugas-tugas tertentu mengikut portfolio masing-masing, mereka adalah merupakan




MUKA SEBELAH, ATAS:

Pintu dan pagar bahagian hadapan Istana Balai Besar.

KIRI: Pintu Pagar luar bahagian hadapan Istana Balai Besar. (1910)

BAWAH: Pandangan dari atas sebahagian daripada Istana Balai Besar, termasuk pagar dan pintunya. (1986)



Ahli Mesyuarat Negeri yang penuh. Jemaah Jemaah Menteri itu terdiri daripada Jemaah Menteri Perbandaran yang dianggotai oleh Tengku Bendahara, Sri Maharaja, Sri Fikrama Raja dan Sri Akar Raja, kedua Jemaah Menteri Peperangan yang dianggotai oleh Tengku Temenggong Aria Pahlawan, Sri Nara Di Raja, Laksamana dan Sri Kelana Di Raja, ketiga Jemaah Menteri Pentadbiran dan mengimarahkan negeri yang dianggotai oleh Sri Paduka Raja, Sri Amar Di Raja, Sri Setia Raja dan Sri Di Raja, keempat Jemaah Menteri luar yang dianggotai oleh Biji Sura, Biji Wangsa, Lela Utama dan Lela Negara, kelima Jemaah Menteri Dalam Negeri yang anggotanya terdiri dari Kaya Purba, Kaya Pahlawan, Kaya Hulubalang dan Kaya Perwira, keenam Jemaah Menteri Istana yang dianggotai oleh Sri Rakna Di Raja, Bentara Guna, Bentara Setia dan Penghulu Balai dan ketujuh Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman yang dianggotai oleh Mufti selaku Ketua Hakim, Kadi sebagai pegum hukum syarak dan hakim sebagai pegum mengenai yang bukan hukum syarak.

Di samping itu Baginda juga menubuhkan sebuah Jemaah Menteri lagi yang dipanggil Jemaah Penashiat Raja yang dianggotai oleh Tengku Bendahara, Tengku Temenggong dan Sri Paduka.

Sepanjang pemerintahan Sultan Muhamad II dari tahun 1838 — 1886M, suasana di Negeri Kelantan bertambah aman tenteram dan makmur, pemerintahan Baginda berada dalam kestabilan dan dalam masa yang panjang, di mana keharuman nama Negeri Kelantan telah semerbak di dalam dan di luar negeri.

BAB III

**Long Kundur
Putera Long Sulung
Sebagai Sultan Muhamad III
(1889-1890)**

**Long Kundur Putera Long Sulung
Sebagai Sultan Muhamad III
(1889-1890)**

Baginda Long Kundur

Long Kundur adalah putera sulung kepada Long Sulung (Sultan Ahmad), iaitu putera sulung pula kepada Sultan Muhamad II (1837 — 1886). Selepas kemangkatan Sultan Muhamad II pada tahun 1886M maka anakanda Baginda Long Sulung telah ditabah menaiki takhta kerajaan dengan gelaran "Sultan Ahmad" di samping itu Baginda Sultan Ahmad juga terkenal dengan gelaran Sultan Tengah.

Sebelum ditabah menjadi Sultan, Baginda Long Sulung telah mempunyai 12 orang putera dan 13 orang puteri, iaitu Tengku

Long Kundur (Sultan Muhammad III), Tengku Long Mansur (Sultan Mansur), Tengku Long Salleh, Tengku Besar Tuan Long Mahmud, Tengku Sulaiman, Tengku Besar Tuan Yusuff, Tengku Chik Tuan Abdullah, Tengku Muhammad Patani, Tengku Aris, Tengku Ibrahim, Tengku Abdul Kadir Tuan Kob, Tengku Abdul Rahman, Tengku Putih, Tengku Biru, Tengku Besar Maimunah, Tengku Besar Ning Aminah, Tengku Chik Halimah, Tengku Kembang Petri, Tengku Tengah, Tengku Merah, Tengku Zubaidah, Tengku Yah (Sofiah), Tengku Wok Jamilah, Tengku Kalthum dan Tengku Zainab.

LONG SULUNG (SULTAN AHMAD/SULTAN TENGAH)		Puteri
Putera		
Tengku Long Kundur (Sultan Muhamad II)		Tengku Putih
Tengku Long Mansur (Sultan Mansur)		Tengku Biru
Tengku Long Saleh (Tengku Temenggong)		Tengku Besar Maimunah
Tengku Besar Tuan Long Mahmud (Tengku Sri Maharaja)		Tengku Besar Ning Aminah
Tengku Sulaiman (Tengku Sri Fikrama Raja)		Tengku Kembang Petri
Tengku Besar Tuan Yusuff (Tengku Besar Indera Raja)		Tengku Tengah
Tengku Chik Tuan Abdullah (Tengku Bendahara)		Tengku Merah
Tengku Muhammad Patani		Tengku Zubaidah
Tengku Aris (Tengku Petra Semerak)		Tengku Yah (Sofiah)
Tengku Ibrahim		Tengku Wok Jamilah
Tengku Abdul Kadir Tuan Kob		Tengku Kalthum
Tengku Abdul Rahman (Tengku Asmara Raja)		Tengku Zainab

KANAN: Istana Jahar yang telah dibabuhsai sebagai Muzium Negeri (1981).

Baginda Sultan Ahmad tidaklah lama memerintah, pada tahun 1889M, Baginda pun jatuh gering dan mangkat, jenazahnya telah dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar, Kota Bharu. Selepas itu putera sulong Baginda, iaitu Long Kundur telah menaiki takhta kerajaan, pada mulanya-mulanya sebagai Pemangku Sultan, dan terus bersemayam di Istana Jahar. Kemudian apabila perlantikan Baginda diiktiraf oleh Kerajaan Siam maka Baginda pun secara rasmi digelar Sultan Muhammad III, dan di samping itu Baginda juga terkenal dengan dua nama gelaran lagi iaitu 'Sultan Banggi' dan 'Raja Bendahara'.

Baginda Sultan Muhammad III mempunyai 9 orang cahayamata, iaitu lima orang putera dan empat orang puteri sekawektu Baginda bergelar Bendahara lagi, iaitu Tengku Long Senik bergelar Tengku Sri Indera, Tengku Besar, Tengku Zainal Abidin, Tengku Ismail, Tengku Abdul Rahman, Tengku Wok, Tengku Yah, Tengku Biru dan Tengku Embung.

TENGKU KUNDUR (SULTAN MUHAMMAD III)

- Tengku Long Senik
(Tengku Seri Indera)
- Tengku Besar Tuan Long Ahmad
- Tengku Zainal Abidin
(Raja Muda)
- Tengku Ismail
(Tengku Sri Jaya Raja)
- Tengku Abdul Rahman
- Tengku Wok
- Tengku Yah
- Tengku Biru
(Isteri Tengku Selia Raja)
- Tengku Embung
(Isteri Tengku Indera Segara Besut)

Baginda mangkat secara tidak diduga pada tahun 1890M (1308H) semasa dalam peraduan di Istana Jahar, dan jenazah Baginda dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar, Kota Bharu.

Peristiwa Semasa

Suatu perkara tradisional yang sering kali berlaku bila seorang raja mangkat ialah timbulnya masalah untuk mencari pengantinnya. Perkara seperti ini berlaku bukan sahaja di Negeri Kelantan, tapi juga di lain-lain negeri pada masa itu, seperti di Perak. Selangor dan Pahang dalam abad yang sama; hal ini berlaku akibat kelonggaran sistem peraturan dan politik pada masa itu yang menyebabkan takhta di raja itu menjadi rebutan bukan sahaja di kalangan anak-anak raja yang mangkat, tapi juga di kalangan adik beradiknya.

Bagi mencegah perkara yang tidak diingini seperti itu daripada berulang lagi, maka Baginda Sultan Muhammad III semasa hayatnya telah membuat peraturan mengenai penyusunan bakal bakal Sultan Kelantan. Mengikut peraturan yang dibuat oleh Baginda itu, bakal Sultan yang pertama hendaklah bergelar Raja Kelantan, bakal Raja yang kedua hendaklah bergelar Raja Muda dan bakal Sultan yang ketiga hendaklah bergelar Tengku Sri Indera.

Setelah membuat peraturan tersebut, maka Baginda pun mengangkat adikanda Baginda, Tengku Mansur yang telah bergelar Raja Muda sebagai Raja Kelantan, jawatan yang kedua dikosongkan oleh Baginda, dan jawatan yang ketiga sebagai Tengku Sri Indera diberikan kepada putera sulong Baginda sendiri, Tengku Long Senik. Sejauh mana kekesan peraturan yang dibuat oleh Baginda itu adalah di luar perbincangan buku ini, tapi yang pentingnya Baginda Sultan Muhammad telah meletak asas untuk mencegah pertumpahan darah di kalangan kerabat di raja kerana merebut takhta.

Perkembangan Negeri

Sebelum Sultan Muhammad III menaiki takhta kerajaan, Sultan Kelantan waktu itu ialah Long Sulong yang bergelar Sultan



Ahmad (1886 — 1889). Dalam masa pemerintahan Sultan Ahmad yang singkat itu, Baginda tidak dapat melakukan banyak kemajuan. Namun begitu, Baginda meneruskan pemerintahan yang telah diletak batu asasnya oleh Sultan Muhammad II yang berjalan dengan aman dan makmur.

Pada tahun 1887M (1305H) Baginda Sultan Ahmad telah memerintah supaya dibina sebuah Istana di halaman Istana Balai Besar untuk putera sulong Baginda, Tengku Kundur yang waktu itu bergelar Raja Bendahara, dan selepas itu diangkat jadi Tengku Sri Indera. Istana ini telah dijadikan tempat persemayaman Tengku Kundur bersama dengan isterinya Tengku Embong Patani. Pada mulanya istana itu dipanggil Istana Raja Bendahara iaitu gelaran yang diberikan kepada Tengku Kundur, tapi kemudian ia dikenali dengan nama "Istana Jahar", kerana terdapat pokok-pokok jahar ditanam di halaman istana itu. Pada hari ini Istana Jahar itu telah diubahsuai dan ditempatkan Muzium Negeri.

Selepas kemangkatan Sultan Ahmad, Long Sulong telah menaiki takhta kerajaan pada tahun 1889M dengan gelaran Sultan Muhammad III. Walaupun pemerintahan Baginda singkat,

tapi beberapa kemajuan juga telah dicapai di zaman pemerintahan Baginda. Baginda juga menjalankan pemerintahan mengikut hukum syarak, di mana pencuri-pencuri yang didapati bersalah akan dipotong tangannya.

Baginda Sultan Muhammad III juga memerintah supaya dibina rumah-rumah ibadat untuk orang-orang Islam seperti mendirikan masjid, surau dan madrasah.

Pemerintahan Sultan Muhammad III berjalan dengan adil, menyebabkan Negeri Kelantan bertambah maju dengan pesatnya, banyak jalanraya dibuka, hutan belantara ditebas dan ditebang untuk dijadikan sawah padi dan kebun-kebun buah-buahan dan sayur-sayuran yang boleh memberi sumbangan kepada ekonomi Negeri Kelantan dan rakyatnya.

BAB IV

**Long Mansur
Putera Sultan Ahmad
Sebagai Sultan Mansur
(1890 – 1899)**

**Long Mansur Putera Sultan Ahmad
Sebagai Sultan Mansur
(1890 – 1899)**

Baginda Long Mansur

Long Mansur adalah saudara kepada Long Kundur, putera Long Ahmad (Sultan Ahmad). Baginda Long Mansur menaiki takhta kerajaan pada tahun 1890M bila Long Kundur (Sultan Muhammad III) mangkat, kerana pada masa itu putera almarhum Sultan Muhammad III, iaitu Long Senik masih lagi kecil. Pada mulanya Baginda Long Mansur menaiki takhta kerajaan dengan gelaran "Raja Kelantan" sahaja, hanya pada tahun 1898M barulah Baginda dipanggil "Sultan Kelantan", namun begitu Baginda lebih suka dipanggil dengan gelaran "Raja Kelantan" juga.

Baginda Sultan Mansur tidak bersemayam di Istana Balai Besar, rapi di Istana Baginda sendiri yang dipanggil "Kota Raja Muda," yang terletak di sebelah hilir pawagam Odeon yang mulai tahun 1986M telah dibahhsuai dan dijadikan Bangunan UMNO Negeri Kelantan Darulnaim. Istana ini kemudiannya didiami oleh Long Kundur yang bergelar Raja Muda (1900 – 1944M), dan selepas itu pula didiami oleh Raja Dewa (1944 – 1945M).

Baginda seorang Raja yang berjaya Islam dan suka berdampingan rapat dengan alim ulama pada waktunya.

Baginda mangkat pada hari Khamis 10hb. Februari, 1899M (8 Syawal 1317H) di Istana Jahan, Kota Bharu, setelah jatuh gering diserang demam yang berpanjangan tanpa sembuh hingga ke akhir hayat Baginda. Jenazah Baginda dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar, Kota Bharu.

Peristiwa Semasa

Sultan Mansur yang mempunyai semangat keislaman itu telah membuat peraturan pakaian kepada rakyat Negeri Kelantan Darulnaim, untuk lelaki dan juga wanita di mana pada tahun 1898M (1316H) Baginda telah menetapkan supaya setiap orang Islam hendaklah berpakaian yang menutup aurat, dengan meninggalkan pakaian tradisional yang mendedahkan selama ini. Baginda memerintah supaya wanita Islam Kelantan memakai kain sarung, baju kurung dan sehelai kain tudung kepala untuk mengganti pakaian tradisional wanita Kelantan ketika itu, iaitu kain sarung dan berkemban; kepada lelaki Islam pula Baginda

menetapkan pakaiannya ialah kain sarung dan baju teluk belanga, menggantikan pakaian tradisional lelaki, iaitu berkain sarung, berikat bengkung dengan kain lepas yang diselitkan dengan sebilah keris dan sehelai tengkolok (kain setangan isih) di kepala. Mana-mana orang Islam yang tidak mematuhi perintah itu dan keluar ke jalan-jalan raya, mereka akan dilumurkan dengan belangkin di situ juga sebagai mana diperintahkan oleh Baginda.

Untuk mengelak daripada berlakunya perburuan takhta di kemudian hari, Baginda telah mengikur langkah-langkah yang telah diambil oleh bekandanya, Almarhum Sultan Muhammad III iaitu dengan melantik bakal-bakal pewaris Kerajaan semasa usia Baginda lagi. Mereka yang telah dilantik oleh Baginda ialah anak saudara Baginda, Tengku Long Senik putera sulong Long Kundur (Sultan Muhammad III) yang bergelar Tengku Sri Indera sebagai Raja Kelantan, iaitu pewaris pertama takhta kerajaan bila Baginda mangkat nanti dan Tengku Zainal Abidin putera Long Kundur juga digelar Raja Muda. Kemudiannya kedua-dua perlantikan itu telah diiktiraf oleh Kerajaan Siam. Dalam bahasa Siamnya Raja Kelantan disebut "Phya Decha" dan Raja Muda pula dalam bahasa Siam ialah "Phya Rat Sada". Selain itu Baginda Long Mansur juga telah diiktiraf oleh kerajaan Siam sebagai "Sultan Kelantan".

Pada awal zaman pemerintahan Baginda iaitu sekitar tahun 1918M (1336H) di Negeri Pahang telah meletus peperangan menentang penjajah British yang diketuai oleh Dato' Bahaman dan pahlawan-pahlawan Melayu Pahang yang lain. Dalam perang itu pahlawan-pahlawan Melayu Pahang terpaksa berundur dan ada diantaranya telah sampai ke Kelantan dan diberi bantuan serta perlindungan oleh Sultan Mansur di antaranya ialah Pahlawan Mat Kilau.

Perkembangan Negeri

Di bidang pembangunan negeri, jasa-jasa Baginda Sultan Mansur tidak juga dapat dilupakan sebagai penyambung asas-asas kerajaan yang telah diletak oleh Baginda Long Yunus dulu. Pada tahun

1898M (1316H) Baginda Sultan Mansur telah memerintah supaya didirikan sebuah Pejabat Tanah di Kota Bharu untuk memudahkan pengurusan orang ramai mengenai hal tanah, dan inilah Pejabat Tanah yang julung-julung kali di Negeri Kelantan. Pejabat Tanah itu juga yang menjadi pejabat yang mentadbir perjalanan bandar Kota Bharu sebagai Ibu Negeri Kelantan pada waktu itu. Beberapa tahun kemudian, iaitu pada tahun 1901M (1319H), Baginda telah memerintah pula supaya kedudukan tanah-tanah di Negeri Kelantan dikaji dan dikeluarkan grant-grant pada pemilik pemiliknya. Dari sekajur itu grant-grant tanah itu bertulis dengan tulisan Jawi hingga 31 Disember, 1965.

Baginda juga mengambil perhatian yang berat terhadap keselamatan Negeri Kelantan dan rakyatnya. Baginda telah memerintah supaya bangunan penjara atau pilidirikan di mana orang-orang yang didapati bersalah boleh diletakkan untuk menjalani hukumannya.


Di samping itu untuk menjaga ketenteraman awam Baginda telah memerintah supaya ditubuhkan sepasukan polis yang kebanyakannya anggotanya terdiri dari orang Sikh dan India yang didatangkan dari Singapura.

Satu lagi jasa Baginda yang besar juga ialah di bidang perhubungan di mana pada tahun 1898M (1315H) Baginda Sultan Mansur telah menandatangani suatu perjanjian dengan pihak British yang pada masa itu telah berkuasa di negeri-negeri di Pantai Barat dan Singapura untuk membawa mel sekaligus sebuah ke Kelantan menerusi kapal laut.

Pemerintahan Baginda Sultan Mansur berjalan dengan adil dan saksama menyebabkan rakyatnya hidup dalam keamanan dan membolehkan Negeri Kelantan beransur-ansur melangkah ke arah kemajuan di zaman-zaman yang berikutannya.

BAB V

**KDYMM Tengku Long Senik
Putera Long Kundur
Sebagai Sultan Muhamad IV
KCMG
(1899 – 1920)**



KDYMM SULTAN MUHAMMAD IV



DYMM SULTANAH ZAINAB PERMAISURI SULTAN MUHAMMAD IV

**KDYMM Tengku Long Senik
Putera Long Kundur
Sebagai Sultan Muhamad IV
(1899 — 1920)**

Baginda Tengku Long Senik

Tengku Long Senik adalah putera sulung kepada Long Kundur (Sultan Muhamad III) yang mangkat pada tahun 1890M. Oleh sebab masa itu Baginda masih kecil, maka tidaklah dapat Baginda menaiki takhta kerajaan mengambil tempat ayahandanya yang mangkat itu. Tapi sebaliknya ayahanda saudaranya, Long Mansur telah menaiki takhta kerajaan sebagai Sultan Mansur. Tapi bila Sultan Mansur mangkat pada tahun 1899M tanpa meninggalkan sebarang putera, ataupun puteri, maka Baginda Tengku Long Senik pun menaiki takhta kerajaan pada 10 Februari 1899M (8 Syawal 1317H), memakai gelaran Raja Kelantan sehingga tahun 1911 (1328H), dan hanya selepas itu, iaitu setelah Baginda ditabah menjadi Sultan pada 22 Jun 1911M (25 Jamadilakhir 1328H) barulah Baginda digelarkan 'Sultan Muhamad IV' sehingga ke akhir hayat Baginda. Baginda bersemayam di Istana Balai Besar, Kota Bharu. Perlantikan Baginda Long Senik sebagai Sultan Muhamad IV diakui oleh Kerajaan Siam.

Sebelum itu, dalam masa pemerintahan Sultan Mansur, Baginda Long Senik telah dilantik menjadi 'Raja Kelantan' yang membawa makna pewaris atau bakal Sultan yang pertama bila Sultan Mansur mangkat nanti.

Baginda telah dikurniakan dengan bintang K.C.M.G. oleh Raja England pada tahun 1913M (1330H) yang disampaikan sendiri oleh Pesuruh Jaya Tinggi British yang melawat Kelantan pada tahun tersebut dengan diringi oleh Lady Avelyn Young, Lady Brockman dan Sir Edward K.C.M.G. Upacara pengurnian bintang itu berlangsung di Istana Balai Besar, Kota Bharu.

Baginda dikurniakan 9 orang putera dan puteri, iaitu Tengku Ismail, Tengku Sri Indra, Tengku Embong, Tengku Kembang Petri, Tengku Ibrahim, Tengku Yusoff, Tengku Zubaidah, Tengku Zainab, Tengku Mahmud dan Tengku Muhammad.

Baginda Sultan Muhamad IV mempunyai watak yang terpuji, seorang Raja yang cergas dan bersertai dengan rakyatnya, gerakgerimnya halus, tegur sapa dengan siapa-siapa yang mengadapnya, pandar menuis dan mengarang dan ialah seorang Raja yang mempunyai siasat yang halus dan sentiasa berdamping dan menerima nasihat dari para menteri dan Ahli Mesyuarat Negeri. Demikian pendapat sejarawan tempatan, Assad Syukri Hajji Muda dalam bukunya 'Sejarah Kelantan' mengenai peribadi Baginda Sultan Muhamad IV.

**TENGKU LONG SENIK
(SULTAN MUHAMAD IV)**

- Tengku Ismail (Sultan Ismail)
- Tengku Embong (Tengku Maharami)
- Tengku Kembang Petri
- Tengku Ibrahim (Raja Kelantan)
- Tengku Yusoff
- Tengku Zubaidah
- Tengku Zainab
- Tengku Mahmud
- Tengku Muhammad

Setelah memerintah Negeri Kelantan selama 20 tahun dengan membawa berbagai-bagai kemajuan dan perubahan yang besar kepada Negeri Kelantan, maka pada malam Selasa, 7 Disember, 1920M Baginda pun jatuh gering dan akhirnya mangkat pada malam Khamis 23 Disember, 1920 (12 Rabul Akhir 1339H) dan dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar, Kota Bharu.

**Nik Wan Zainab
Sebagai Sultanah Zainab**

Nik Wan Zainab ialah permaisuri Sultan Muhamad IV, ditabah menjadi Sultanah Zainab pada 15 Februari, 1916M dalam satu

istiadat yang diadakan secara besar-besaran di Istana Balai Besar, Kota Bharu. Baginda Nik Wan Zainab adalah salah seorang

isteri yang paling dikasih oleh Baginda Sultan Muhammad IV, kerana jasanya yang besar kepada Baginda.

Baginda adalah isteri Raja atau Sultan Kelantan yang kedua yang disyitharkan secara rasmi sebagai Permaisuri; isteri Sultan Kelantan yang pertama disyitharkan secara rasmi sebagai permasuri ialah Tengku To' (طعّون), isteri almarhum Sultan Muhammad II.

DYMM Baginda Sultanah Zainab mangkat pada tahun 1928M (1347H) dalam usia 51 tahun. Jenazah Baginda dimakamkan di Permakamam DiRaja Langgar, Kota Bharu di sisi makam suaminya almarhum Sultan Muhammad IV yang mangkat pada tahun 1920M (1339H). Untuk mengenangkan jasanya, maka sebatang jalan yang panjang dan penting di Kota Bharu telah dinamakan sempena dengan nama Baginda, iaitu Jalan Sultanah Zainab, pada mulanya bermula dari Padang Bank (Padang Merdeka) sampai ke Simpang Tiga Jalan Gajah Mati, tapi kemudiannya jalan itu telah diperlanjutkan dari Padang Bank ke Simpang Tiga Kubang Pasu dan dari Simpang Tiga Jalan Gajah Mati ke Simpang Tiga Kampung Sireh, tapi tahun 1985M simpang itu tidak ada lagi kerana sebatang jalan menghalang ke Jalan Kuala Krai telah ditutup untuk dibinaan dengan projek Kota Darulnaim yang mengandungi kompleks pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

Peristiwa Semasa

Tengku Long Senik telah menaiki takhta kerajaan pada tahun 1990M, mulanya dengan gelaran 'Raja Kelantan' sahaja, hanya 11 tahun kemudian baru Baginda menerima gelaran 'Sultan Muhammad IV'. Baginda menaiki takhta kerajaan tanpa menghadapi banyak permasalahan, walaupun pada mula-mulanya ada kalangan kerabat yang merasa tidak puas hati dengan kedudukan Baginda itu. Tapi dengan pertolongan kerajaan Siam, Baginda telah berjaya menaiki takhta kerajaan secara aman.

Kerajaan Siam menyokong Baginda Long Senik, kerana diperpercaya Baginda telah membuat perjanjian dengan kerajaan

Siam bahawa jika kerajaan Siam menyokong dan membantunya menaiki takhta kerajaan, Baginda akan mematuhi segala syarat-syarat Kerajaan Siam untuk campurtangan dalam pemerintahan Negeri Kelantan, sebab itulah selepas sahaja Baginda menjadi Raja Kelantan, kerajaan Siam telah menempatkan seorong Pesuruhjaya Siam dan askar-askarnya di Kota Bharu untuk mengawasi pentadbiran negeri ini.

Malah beberapa bulan selepas menaiki takhta kerajaan, maka pada 25 Mei, 1900 Maharaja Siam telah berangkat ke Kelantan untuk melihat sendiri sejauh mana kestabilan politik Negeri Kelantan pada waktu itu. Satu perjumpaan telah berlangsung di atas kapal Maharaja Siam di antara Maharaja Siam, Raja Kelantan Tengku Long Senik, Raja Muda, Tengku Temenggong, Tengku Petra dan Tengku Chik Penambang.

Pada tahun 1900M itu juga Baginda Long Senik memberi pajak tanah kepada Syarikat Duff. Satu perjanjian pajakan tanah itu telah ditandatangani pada 10 Oktober, 1940 antara Baginda dengan seorang saudagar Inggeris bernama Robert William Duff, yang memberi kuasa kepada syarikat tersebut menguruskan tanah seluas 1904.4 batu persegi kira-kira sesuatu daripada Negeri Kelantan yang luasnya 5,713 batu persegi. Perjanjian itu memakan masa hampir 40 tahun dan akan tamat pada 10 Oktober, 1940. Tapi belum cukup tempohnya kerajaan British mengambilbalik tanah tersebut, dan terpaksa membayar pampasan sebanyak \$2,500,000.000.00.

Pemajakan tanah yang dibuat antara Baginda Long Senik dengan Syarikat Duff ini merupakan satu kes yang mencetuskan persengketaan politik antara kerajaan British dan Siam mengenai siapa yang sebenarnya berkuasa di atas Negeri Kelantan.

Dalam suasana tegang antara Kerajaan British dan Siam itu maka pada tahun 1901M (1318H) Baginda Tengku Long Senik telah berangkat ke Bangkok dengan kapalapi melalui Singapura, dan Baginda tinggal selama dua bulan. Mungkin lawatan ini ada hubungannya dengan persoalan yang menjadi pertikaian antara kedua kerajaan, Siam dan Inggeris itu.

Akhirnya pada 6 Oktober, 1902 Kerajaan British dan Siam telah menandatangani deklarasi bersama di London yang dikenali dengan nama 'Perjanjian British — Siam 1902' ('Anglo Siamese Treaty of 1902') yang menentukan kekuasaan ke atas Negeri

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

KANAN: Dalam masa pemerintahan Sultan Mubahad IV (1900 — 1920) Raja Siam Chulalongkorn dan rombongannya melawat Negeri Kelantan pada tahun 1905. KDYMM Sultan Mubahad IV masa itu bergelar Raja Kelantan nombor sepuluh dari kanan dan disebelah Baginda nombor sebelas salah Chulalongkorn


Kelantan. Kandungan perjanjian itu mengakui naungan Siam ke atas Negeri Kelantan (dan juga Terengganu) dan kandungan perjanjian itu juga menyebut bahawa Negeri Kelantan hendaklah ditadbir secara "Sistem Penasihat" (Advisory System), di mana Kerajaan Siam hendaklah melantik dua orang pegawai dari bangsa Inggeris untuk bertugas di Negeri Kelantan. Gobenor Negeri Selat, Sir Frank Swettenham telah berkunjung ke Kelantan dan mendapat datangnya Baginda Long Senik menerima perjanjian tersebut.

Bagi memenuhi perjanjian tersebut, maka 25 Julai, 1903 Kerajaan Siam telah menghantar dua orang Inggeris ke Kelantan sebagai Residen dan Pesuruhjaya Tinggi Siam di Kelantan dan seorang lagi timbalannya William Armstrong Graham seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Siam sebagai Residen dan Pesuruhjaya Tinggi dan H.W. Thomson seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Melayu Bersatu sebagai timbalannya. Kedua-duanya sampai di Kelantan pada 25 Julai 1903 daripada Bangkok dengan menaiki kapal perang Siam.

Setelah 7 tahun Kerajaan Siam menaungi Negeri Kelantan, maka pertukaran kuasa pula telah berlaku, iaitu dari tangan Siam kepada tangan British. Pada 10 Mac, 1909 kerajaan British dan Siam telah menandatangani satu perjanjian di Bangkok untuk menyerahkan Kelantan bersama Terengganu, Kedah, Perlis dan sebahagian daripada Roman kepada Kerajaan British yang diwakili oleh Paget dan Kerajaan Siam pula oleh Putera Deracourgee Varaprakar Menteri Luar Siam. Perjanjian ini disahkan pada 9 Julai, 1909. Pada 15 Julai 1910, James Scott Mason telah tiba di Kota Bharu sebagai Penasihat kepada Raja Kelantan untuk mengambil alih tugas pentadbiran daripada Graham. J.S. Mason adalah Penasihat British yang pertama di Kelantan. Mengikut perjanjian yang telah dipersetujui itu semua perkara mestilah dirujukkan kepada Penasihat British, kecuali mengenai Adat Istiadat Melayu dan Agama Islam yang terletak di bawah bidang kuasa Baginda Sultan.

Lima hari kemudian, iaitu pada 19 Julai, 1909 Gobenor dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Selat telah tiba di Kelantan bersama dengan Major General Perrot C.B. yang menaiki kapal Sea Mew, ikut serta berkunjung ke Kelantan ialah Sir William





TIGA PULUH SEMBILAN



Tylor K.C.M.G. dengan menaiki kapal F.M.S. Yacht Sea Belle dengan diiringi oleh H.M.S. Ladimus. Ketibaan mereka disambut oleh Baginda Sultan dan pembesar-pembesar negeri yang lain. Rombongan itu telah dibawa melawat pejabat-pejabat kerajaan, bandar-bandar dan pekan-pekan hingga ke Kuala Lebir, Ulu Kelantan, dan rombongan itu juga telah melawat ladang getah kepunyaan Duff Kompeni yang kontroversial itu.

Pada 22 Oktober, 1910M satu perjanjian lagi telah dibuat antara Kerajaan British dengan Kerajaan Kelantan merupakan lanjutan daripada perjanjian 10 Mac, 1909, tujuannya ialah untuk memperkuatkan perjanjian itu, di antara kandungannya memberi kuasa kepada British mengendalikan hubungan luar Negeri Kelantan, dan memberi kuasa kepada Kerajaan British melantik seorang Penasihatnya kepada Raja Kelantan untuk memerintah negeri ini. Kerajaan British diwakili oleh Gabenor Negeri Selat dan saksi-saksinya terdiri dari Sir John Anderson dan Kolonel Jackson dan R.E. Stubbe, sementara Kerajaan Kelantan diwakili

oleh Baginda Sultan Long Senik sendiri, dan saksi-saksinya pula terdiri dari Tengku Sri Indera Mahkota (Tengku Ismail bin Tengku Long Senik), dan Tengku Chik Besar Abdullah (ayahanda saudara kepada Raja Kelantan). Perjanjian itu ditandatangai di Istana Balai Besar, Kota Bharu dan dibuat dalam dua bahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.

Setelah kira-kira 2 tahun Negeri Kelantan terletak di bawah British dan 11 tahun Long Senik menjadi Raja Kelantan, maka pada tahun 1911M (1329H) barulah Baginda Tengku Long Senik digelar "Sultan Muhammad IV" yang merupakan gelaran istimewa kepada beberapa orang Raja Kelantan sebelumnya.

Setelah 15 tahun lamanya Baginda Sultan Muhammad IV memerintah Kelantan dengan aman dan makmur, maka pada 29 April, 1915M telah meletus satu kekacauan di Pasir Puteh yang secara tradisinya dikenali dengan panggilan "Musuh Tok Janggut". Peperangan ini berlaku antara Haji Mohd. Hassan anak Panglima Manas yang terkenal dengan panggilan "Tok Janggut" serta

KIRI, DARI KIRI KE KANAN: Tengku Ismail bin Tengku Senik/Sultan Muhamad IV (Tengku Seri Indera Mahkota). Tengku Embong binti Tengku Senik. Tengku Senik bin Tengku Kundor/Sultan Muhamad III (Sultan Muhamad IV). Nik Zainab binti Nik Muhd. Amin @ Wan Zainab binti Wan Muhd. Amin (Sultana Zainab), dan Tengku Ibrahim bin Tengku Senik (1900).

KANAN: Bendera Tubuh KDYMM Sultan Muhamad IV. bendera ini juga dijadikan bendera Negeri Kelantan Darulnaim.

pengikut-pengikut setianya dengan kerajaan British yang telah 6 tahun memerintah Kelantan. Peperangan ini berlaku kerana rakyat Pasir Puteh tidak puas hati dengan pengenaan cukai yang tinggi selain dari cukai tanah oleh pemerintah Inggeris, seperti cukai kepala \$1.00 seorang setahun, pokok buah-buahan 3 sen seohon, kelapa 3 sen setandang dan pokok sirih 5 sen sejungun. Dengan bantuan daripada askar-askar yang didatangkan dari Singapura dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Tok Janggut dan kumpulan-kumpulannya telah dapat ditumpaskan. Beliau telah terkorban, mayatnya telah dibawa ke Kota Bharu, sebelum dibawa ke Pasir Pekan untuk dikelumbukan. Banyak nyawa yang telah terkorban dari kedua-dua belah pihak dalam pertempuran itu selain itu pihak British telah mengalami kerugian yang bernilai sebanyak \$89,000.000 semata-mata Kota Jeram kepunyaan orang kuat Tok Janggut. Engku Besar telah musnah dibakar oleh Inggeris.

Selpas peperangan itu Negeri Kelantan kembali aman tenteram dan dengan itu dapatlah Baginda memikir langkah-langkah yang patut diambil untuk memaju dan membangunkan Negeri Kelantan seperti di masa beberapa tahun yang lalu. Untuk menggalakkan rakyat negeri ini membuat jasa dan bakti, Baginda Sultan Muhammad IV telah mewujudkan Bintang-Bintang Penghormatan untuk dianugerahkan kepada mereka yang telah menabur jasa dan bakti itu. Bintang-Bintang itu pula dinamakan oleh Baginda mengambil sempena nama Raja-Raja dan Sultan-Sultan yang berjaya sebelum Baginda. Pada tahun 1916M (1334H) Baginda telah mengadakan Bintang Kebesaran Al-Yunus" mengambil sempena nama almarhum Baginda Long Yunus yang berjasa besar menyatupadukan negeri ini; bintang itu ialah Bintang Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati", dan sejenis Bintang lagi dipanggil "Bintang Al-Muhamadi" dinamakan mengambil sempena nama Sultan Muhammad I yang berjasa mengembalikan takhta kerajaan Kelantan kepada zuriat yang berhak di atasnya; bintang itu ialah Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia" yang dibahagikan kepada tiga darjah, iaitu Darjah Yang Pertama Sri Paduka Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia atau Al-Muhamadi I, Darjah Yang Kedua Dato Paduka Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia atau Al-Muhamadi II, dan Darjah Yang Ketiga



Paduka Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia atau Al-Muhamadi III. Baginda juga mewujudkan Bintang Seri Kelantan dan Bintang Seri Mahkota Kelantan. Kemudian pada tahun 1919M (1337H) Baginda Sultan Muhammad IV telah berkenan mewujudkan sebuah bintang kebesaran lagi mengambil sempena nama Sultan Muhammad II yang dikenali dengan nama "Bintang Pahlawan Yang Amat Gagah Perkasa Yang Amat Mulia" (PYGP).

Baginda Sultan Muhammad IV sangat suka mengambil tahu tentang keadaan Negeri Kelantan dan rakyat jelatanya. Baginda adalah Sultan Kelantan yang pertama memulakan tradisi membuat lawatan ke jajahan-jajahan secara rasmi. Pada bulan Mei 1916, Baginda telah berangkat secara rasmi melawat Jajahan Ulu Kelantan yang berpusat di Kuala Krai, dan pada tahun 1916M pula Baginda berangkat membuat lawatan rasmi ke Pasir Puteh yang berpusat di Limbongan. Tradisi melawat jajahan yang telah diletak asasnya oleh Baginda ini telah diteruskan oleh Sultan-Sultan Kelantan yang kemudiannya, terutama pada hari ulangtahun keputeraan Baginda Sultan.


Pada 1 Mac 1919M, Baginda Sultan Muhammad IV telah berangkat ke Singapura untuk mengucapkan selamat bersara kepada Gobenor Negeri Selat Sir R. Young yang akan pulang ke London bila tempuh perkhidmatannya tamat.

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

BAWAH: DYMM Raja Kelantan, Tuan Long Senik bin Long Kundur, bersama-sama dengan adindanya Raja Muda, Tuan Zainal Abidin bin Long Kundur (1905)

KANAN, DUDUK DARI KIRI KE KANAN: Tuan Yusof bin Tuan Sulong @ Tuan Soh bin Sultan Ahmad (Tengku Besar Indera Raja), Tuan Mahmud bin Tuan Sulong @ Tuan Mahmud bin Sultan Ahmad (Tengku Seri Maharaja), Tuan Senik bin Tuan Kundur @ Tuan Senik bin Sultan Muhammad III (Raja Kelantan), Tuan Zainal Abidin bin Tuan Kundur @ Tuan Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III (Raja Muda 1900 — 1910, Raja Dewa 1911 — 1915) dan Tuan Saleh bin Tuan Sulong @ Tuan Saleh bin Sultan Ahmad (Tengku Temenggong) 1909






EMPAT PULUH TIGA



ATAS: DYMM Sultan Kelantan, Sultan Mubahmad IV (enam dari
diri) bergambar bersama-sama dengan Ahli-Ahli Dewan Undangan
Negeri dan Gobernor Sir John Anderson dan anggota anggota

EMPAT PULUH EMPAT



rombungannya ketika beliau membuat lawatan yang pertama ke Kelantan pada bulan Julai 1909.

EMPAT PULUH LIMA

Baginda Sultan Muhammad IV telah menggunakan lambang kebesaran yang mengandungi ayat suci Al-Quran yang terdiri dari ayat 13 surah Ash-Shaff yang berbunyi:

نصر من الله وفتح قریب وبشر المؤمنين

Dalam bentuk sekor harimau yang sedang berdiri yang bermaksud "Petolongan daripada Allah dan kemenangan yang dekat kerana itu sampaikanlah berta kegembiraan kepada orang-orang mukmin." Demikian juga bendera Negeri Kelantan mempunyai bentuk yang sama dengan bendera tubuh Baginda Sultan itu.

Perkembangan Negeri

Mulai tahun 1902M Negeri Kelantan terus berkembang maju hingga Jepun melanggar dan mendarat di Negeri Kelantan pada tahun 1941M. di mana kemajuan itu terhenti buat sementara waktu kerana zaman meleset yang menimpak di seluruh negara.

Pentadbiran

Pada tahun 1904M Baginda Long Senik telah menyusun semula Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya perjalannya lebih teratur, dan sidangnya yang pertama selepas penyusunan semula itu diadakan pada tahun tersebut juga. Majlis Mesyuarat ini bertanggungjawab menggubal undang-undang dan membuat keputusan-keputusan Kerajaan Negeri. Dengan itu Negeri Kelantan memasuki era baru di bidang pemerintahan, kerana sejak itu semua peraturan dan undang-undang dibuat oleh Majlis Mesyuarat tersebut bukan lagi secara mulut menerusi titah perintah Baginda Raja sahaja seperti di masa-masa sebelumnya.

Anggota Majlis Mesyuarat itu berjumlah seramai 15 orang, di mana Raja sebagai Pengerusi, dan 14 orang lagi terdiri dari orang-orang berpengaruh di dalam masyarakat, termasuklah Penasihat Kerajaan Negeri dan Timbalannya. Sejak itu Majlis

Mesyuarat tersebut telah meluluskan berbagai-bagai peraturan dan undang-undang seperti undang-undang keadilan, polis, pemungut hasil tanah dan sebagainya.

Sistem pentadbiran negeri juga telah diubah iaitu dengan membahagi-bahagikan Negeri Kelantan kepada lima jajahan, iaitu Kota Bharu, Batu Mengkebang yang kemudiannya dikenali dengan nama Ulu Kelantan, Pasir Puteh, Kuala Kelantan dan Kuala Lebir, di mana setiap jajahan itu diketuai oleh seorang pegawai yang dipanggil Ketua Jajahan yang juga bertindak sebagai Majistret dan juga Pegawai Pemungut Hasil Tanah (PHT).

Jajahan-jajahan itu pula dibahagi-bahagikan kepada daerah-daerah yang diketuai oleh Penggawa-penggawa yang dipanggil Tok Kweng pada waktunya, dan daerah-daerah itu pula dibahagi-bahagikan kepada mukim-mukim yang ditadbirkan oleh penghulu-penghulu yang dipanggil Tok Nebeng pada masa itu. Biasanya pada masa itu jawatan Tok Kweng dilantik oleh Baginda Raja sendiri, iaitu setelah ditinjau pendapat penduduk-penduduk tempatan di daerah yang berkenaan.

Perundungan

Pasukan Polis yang sedia ada telah disusun semula dengan lebih kemas dan teratur serta bertanggungjawab. Berek-berek polis telah dibina, demikian juga balai-balai polis yang mempunyai tempat kediaman telah dibina di seluruh Negeri Kelantan. Pada bulan Ogos 1904, sebuah Balai Polis pusat telah didirikan di Kota Bharu. Dalam tahun 1904M (1322H) anggota Pasukan Polis Kelantan berjumlah seramai kira-kira 250 orang, separuh daripadanya dilengkapkan dengan senjata moden, iaitu rifel. Dengan itu anggota polis telah menjadi alat kerajaan yang berkesan untuk menegakkan peraturan dan undang-undang di negeri ini.

Sistem perundungan juga telah diperbaharu. Dalam tahun 1905M (1322H) beberapa jenis mahkamah telah ditubuhkan, di Kota Bharu iaitu Mahkamah Tinggi dipanggil Mahkamah Balai letaknya di Istana Balai Besar, Mahkamah Tengah dan Mahkamah Rendah letaknya di Bangunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, dan sebuah Mahkamah Rendah telah

didirikan di Batu Mengkebang, Ulu Kelantan yang dikendalikan oleh Ketua Jajahannya sendiri, demikian juga di Pasir Puteh didirikan sebuah Mahkamah Rendahnya sendiri. Mahkamah-mahkamah itu tidak menganggu perjalanan mahkamah-mahkamah Syariah yang membicarakan kes-kes mengenai agama Islam, termasuklah nikah cerai dan pembahagian harta pusaka.

Sistem penjara yang sedia ada telah disusun semula, terutama demi kepentingan banduan-banduan bagi mendapat layanan yang lebih berperikemanusiaan. Tenaga banduan-banduan ini telah digunakan untuk menjalankan kerja-kerja mendobi kain, membersih jalan-jalanraya di dalam bandar Kota Bharu dan juga untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain, setengah-setengah banduan pula menjalankan kerja-kerja di Istana Raja, dan yang lainnya pula membuat pekerjaan tangan, seperti perabut, bauluk dan jahitan, dan barang-barang yang dihasilkan oleh banduan-banduan di dalam penjara itu dijual kepada orang ramai. Sebuah penjara pusat telah didirikan di Kota Bharu dan digunakan dalam tahun 1907M (1325H), dan sebuah cawangan penjara telah dibina di Batu Mengkebang, Ulu Kelantan.

Pada tahun 1909M (1327H) pengharaman dadah yang merbahaya, iaitu candu telah diperketat, demikian juga pengharaman terhadap perjudian telah diperketatkan.

Pelajaran

Dalam pelajaran pula Sultan Muhammad IV telah meletak asas-asas sistem persekolahan yang meliputi kawasan-kawasan luar bandar yang belum terdapat di Kelantan pada masa itu. Pada akhir tahun 1904M (1322H) sebuah bangunan sekolah Melayu telah dibina di Padang Bank (Padang Merdeka), Kota Bharu. Bangunan ini kecil sahaja, dan ianya dikendalikan oleh Dato' Mohd. Ghozali bin Mohd. Ariffin, kemudiannya beliau menjadi Pegawai Pelajaran (sekarang dipanggil Pengarah) yang pertama di Negeri Kelantan dari tahun 1922M — 1930M (1341 — 1349H). Mata pelajaran yang diajar di sekolah Melayu ini ialah menulis, membaca dan ilmu alam yang diajar menerusi Bahasa Melayu. Lepasan sekolah inilah yang diambil bekerja sebagai

pegawai-pegawai kerajaan dan guru-guru sekolah. Penubuhan sekolah ini setahun lebih awal daripada penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905M (1323H).

Pada 5 Ogos 1917M Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah membuka sebuah institusi persekolahan yang dipanggil "Madrasah Muhamadiyah" mengambil sempena nama Baginda Sultan Muhammad IV. Mata pelajaran yang diajar ialah Bahasa Melayu, Arab dan Inggeris, tapi Bahasa Inggeris diajar di sekolah petang. Sekolah inilah banyak melahirkan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, pengarang-pengarang dan para penulis. Pada mulanya sekolah ini terletak di Bangunan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Jalan Raja, Kota Bharu, dan kemudiannya berpindah di Jalan Merbau, Kota Bharu, dan kini dikenali dengan nama Sekolah Ma'had Al-Muhamadi Merbau.

Kewangan Dan Perdagangan

Sebuah Pejabat Perbendaharaan Negeri yang baru telah ditubuhkan, dan terletak dalam kawasan Istana Balai Besar, Kota Bharu. Baginda Sultan Muhammad IV telah bersetuju menerima habuan mengikut ketetapan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bukan lagi mengambil sesuka hati daripada perbendaharaan itu seperti di masa-masa yang lalu; di mana bakinya yang didapat daripada kutipan hasil akan dimasukkan ke dalam Perbendaharaan bagi kegunaan membayai jabatan itu yang dikendalikan dengan lebih cekap dan teratur, seperti penggunaan resit-resit pembayaran dan juga pendaftaran.

Pada tahun 1906M (1324H) Kerajaan Negeri Kelantan dengan persetujuan Baginda Sultan Muhammad IV telah mengeluarkan wang sendiri yang dipanggil "pitis" untuk kegunaan orang ramai di samping wang ringgit yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Selat. Pitis ini diperbuat daripada timah berbentuk bulat berkeping dan berlubang ditengahnya, dan nilaiya 5 keping bersamaan dengan 1 sen. Sebelah pitis tersebut termeteri tulisan jawi perkataan "Perbelanjaan Kerajaan Kelantan", dan disebelah

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

lagi bertulis perkataan yang bererti ‘dikeluarkan pada bulan Zulhijah 1321H’.

Dengan berjalannya cara pemungutan cukai yang lebih teratur dan kemas itu sejak tahun 1904M (1322H) maka jumlah hasil yang dapat dipungut kian meningkat dari masa ke masa sebagaimana berikut: 1904M sebanyak \$168,108.00, 1905 sebanyak \$207,979.00, 1906 sebanyak \$279,783.00, tahun 1907 sebanyak \$367,988.00, tahun 1908 sebanyak \$332,247.00, tahun 1909 sebanyak \$370,968.00, tahun 1910 sebanyak \$379,670.00, tahun 1911 sebanyak \$428,239.00, tahun 1912 sebanyak \$466,606.00, tahun 1913 sebanyak \$610,884.00, dan tahun 1914 sebanyak \$701,331.00.

Pada tahun 1907 sebuah pasar telah dibina di kawasan di mana terletaknya di Taman Sekebum Bunga, di Jalan Post Office lama sekarang.

Perhubungan

Pada 16 Julai 1910, Kerajaan Kelantan telah siap membina sebuah jambatan merentangi Sungai Keladi yang menghubungi bandar Kota Bharu dengan kawasan-kawasan tepi pantai, Laut China Selatan. Jambatan ini dinamakan ‘Gertak Mason’ mengambil sempena nama Penasihat British yang pertama di Kelantan, ianya dirasmikan sendiri oleh Baginda Sultan Muhammad IV. Kemudian-nya Gertak Mason yang diganti dengan jambatan batu yang baru dan moden sebagaimana yang ada sekarang.


Pada tahun 1913M (1332H) jalan keretapi yang julung-julung kali di Kelantan telah siap dibina. Jalan keretapi ini menghubungi Tumpat dengan Bukit Rimah, Tanah Merah, dan ianya sebuah keretapi tambang. Pembinaan jalan keretapi ini adalah hasil perundingan antara Sultan Muhammad IV dengan kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

Pada tahun 1914M (1333H) telah dibina jalan keretapi dari Tumpat ke Thailand, dan terus ke Padang Besar untuk menyambungnya dengan keretapi Tanah Melayu di Negeri Kedah.

Keagamaan

Pada 24 Disember, 1916M Baginda Sultan Muhammad IV telah berkenaan menubuhkan secara rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, sebuah institusi keagamaan yang tertua di negeri ini. Tujuan utamanya ditubuhkan ialah untuk mengembangkan Syiar Islam dengan lebih teratur. Institusi ini dibangun dengan dayatutama Dato’ Sri Paduka Raja, Nik Mahmud bin Haji Nik Ismail (1915 – 1945M) dengan nasihat daripada Haji Awang bin Haji Mohd. Yusuf seorang ulamak terkenal yang lebih dikenali dengan gelaran ‘Tok Kenali’ yang telah dititah oleh Baginda Sultan supaya merangka peraturan dan undang-undangnya. Perasmian penubuhan institusi ini disempurnakan oleh Baginda Sultan Muhammad IV sendiri, di antara lain dalam ucapan tahniahnya Baginda menyeru setiap umat Islam di negeri ini supaya memberi sokongan penuh terhadap Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang baru ditubuhkan itu. Institusi ini mempunyai sebuah Majlis Mesyuarat yang dilantik oleh Baginda Sultan sendiri, dan ianya diberi kuasa otonomi dan dilekat secara langsung di bawah Baginda Sultan. Di antara fungsi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ialah pengurusan zakat fitrah, harta baitulmal, harta-harta wakaf, tempat-tempat ibadat seperti masjid dan surau, persekolahan dan pengembangan Syiar Islam di negeri ini.

Di samping menubuhkan Madrasah Muhammadi pada tahun 1917M, maka pada tahun 1918M Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan juga telah menerbitkan akhbar ‘Pengasuh’ yang pada mula-mulanya diterbitkan setiap hari Isnin, dengan harga 10 sen senaskah, dan keluaran sedungnya lahir pada 1 Januari, 1918M, ialah banyak mengandungi rencana-rencana mengenai agama dan soaljawab agama di samping mendedahkan kepentingan-kepentingan masyarakat serta masalah ekonomi dan sosial orang Melayu. Akhbar Pengasuh ini kemudiannya



ditukar kepada Majalah Pengasuh dan diterbitkan sehingga ke hari ini setelah mengalami pasang surutnya.

Gelaran Darulnaim

Pada bulan Julai 1916M Baginda Sultan Muhammad IV telah bersetuju dan berkenan menggunakan gelaran "Darulnaim" untuk Negeri Kelantan dengan sebutan "Negeri Kelantan Darulnaim". Nama ini telah dicadangkan oleh Mufti Kelantan, Haji Muhammad. Pada masa itu negeri-negeri lain di Semenanjung telahpun mempunyai nama timang-timangannya sendiri.

Dalam zaman pemerintahan Baginda Sultan Muhammad IV (1900 – 1920M) Negeri Kelantan Darulnaim mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang rohani dan jasmani yang menuju ke arah pemodenan, dengan sistem pemerintahan yang lebih demokrasi kemas dan teratur, dengan pembukaan pejabat-pejabat dan sekolah-sekolah yang menjadi asas yang kukuh untuk Negeri Kelantan Darulnaim berkembang maju di zaman-zaman yang berikut.

ATAS: DYMM Sultan Muhamad IV (Tuan Long Senik bin Long Kundur) menuiki motokar Baginda yang julus-julung kali di bawa masuk ke Negeri Kelantan Darulnaim (1912).

BAB VI

**KDYMM Tengku Ismail Ibni
Almarhum Sultan Muhamad IV
Sebagai Sultan Ismail
(1920 – 1944)**



KDYMM SULTAN ISMAIL

**KDYMM Tengku Ismail
Ibni Almarhum Sultan
Muhammad IV Sebagai Sultan Ismail
(1920 — 1944)**

Baginda Sultan Ismail

Tengku Ismail adalah putera Sultan Muhammad IV (Tengku Long Senik) yang menaiki takhta bila ayahandanya mangkat pada 23 Disember, 1920M (12 Rabiul Akhir 1339H), masa itu Baginda Tengku Ismail bergelar "Raja Kelantan". Baginda Tengku Ismail dimahkotakan pada 28 April 1921M (20 Syaaban 1339H) dalam suatu istiadat yang berlangsung secara besar-besaran dan digelarkan "Sultan Ismail".

Baginda Tuanku Ismail ataupun Tengku Ismail diputerakan pada 21 Julai 1880M (23 Zulhijah 1306). Sejak kecil lagi Baginda mendapat didikan kebangsawanan di samping itu mendapat didikan dan pelajaran agama Islam daripada beberapa orang alim ulama yang khas. Baginda juga belajar Bahasa Melayu dan Inggeris.

Baginda Sultan Ismail tidak bersemayam di Istana Balai Besar, tapi diistanyanya sendiri, iaitu Istana Jahar yang terletak berhampiran dengan Istana Balai Besar, dan kini dijadikan Muzium Negeri Kelantan Darulnaim.

Sebelum mewakil takhta kerajaan sebagai Sultan Kelantan Baginda Sultan Ismail telahpun dilantik secara rasmi sebagai pewaris takhta kerajaan dengan gelaran "Raja Kelantan" oleh ayahandanya Almarhum Sultan Muhammad IV dalam satu istiadat di Istana Balai Besar. Sebelum itu Baginda telah dikurniakan dengan gelaran Tengku Seri Indra Mahkota.

Kira-kira sebulan selepas ditabah menjadi Sultan, maka 25 Januari 1921M Baginda buat pertama kalinya telah melawat Penjara Besar Kota Bharu dan mengampuni 10 orang banduan yang melakukan kesalahan besar dalam masa pemerintahan Sultan Muhamad IV yang lalu.

Selain daripada membuat lawatan di dalam negeri Baginda Sultan Ismail juga membuat lawatan keluar negeri, yang dapat menambah pengetahuan Baginda untuk memerintah negeri ini. Pada 19 Mac, 1922M Baginda berangkat ke Singapura dengan keretapi menerusi Thailand untuk menyambut ketibaan YTM. Prince of Wales dari England yang berkunjung ke Singapura. Pada 19 Jun, 1922M juga Baginda berangkat melawat Patani, Selatan Thailand sehingga 12 Jun, 1922M. Pada 9 September, 1924M Baginda telah berangkat melawat Jawa secara tidak rasmi selama sebulan, termasuk Singapura.

Baginda juga seorang yang mengambil berat tentang pelajaran, pada 24 April 1937M Baginda Sultan Ismail telah berangkat

melawat madrasah Muhamadiyah, yang didirikan pada tahun 1917M di zaman Sultan Muhammed IV bertempat di Bangunan Majlis Agama Islam Jalan Raja, Kota Bharu.

Pada 11 Oktober 1930M. Baginda Sultan Ismail berangkat ke Singapura kerana menghadiri Persidangan Darber atau Persidangan Raja-Raja Melayu yang pertama yang dihadiri oleh semua Raja-Raja Melayu.

Pada 22 — 24 April, 1934M Baginda Sultan Ismail melawat Terengganu dengan menaiki kapal laut yang dipanggil "kapalapi" pada masa itu.

Pada 4 Februari, 1934M. Baginda Sultan Ismail sekali lagi berangkat ke Singapura untuk menghadiri Persidangan Darber kali kedua dan juga dihadiri oleh semua Raja-Raja Melayu dan pada 1 — 11 November, 1934M. Baginda sekali lagi berangkat ke Singapura kerana menghantar padukah anakanda saudara Baginda Tengku Yahya Petra yang akan berangkat untuk melanjutkan pelajaran ke England.

Baginda adalah seorang yang pemurah. Mulai 1 Februari 1932M Baginda Sultan Ismail memperkenankan untuk memberi bantuan peribadi Baginda sendiri sebanyak \$1,405.00 sebulan kepada Perbadanan Negeri Kelantan Darulnaim untuk menampung kekurangan kewangannya. Bantuan ini akan diteruskan sehingga hasil Negeri Kelantan Darulnaim meningkat sebanyak \$2,570,550.00

Pada 3 Januari 1922M Baginda telah dikurniakan dengan K.C.M.G. oleh Raja England.

Oleh sebab Sultan Ismail tidak mempunyai sebarang putera ataupun puteri, maka Baginda telah melantik adindanya Tengku Ibrahim yang bergelar Tengku Sri Indera Mahkota sebagai Raja Kelantan Darulnaim, iaitu pewaris takhta yang pertama selepas Baginda nanti.

Setelah menduduki takhta kerajaan selama 24 tahun maka pada malam Rabu, jam 7.10 mimit malam 20 Jun 1944 (3 Jamadil Akhir, 1363) Baginda Sultan Ismail pun mangkat di Istana tempat persemayaman Baginda, iaitu di Istana Jahar dan dimakamkan di Perkuburan Diraja Langgar. Baginda mangkat semasa Tanah Melayu berada di bawah penjajahan Jepun, dan Negeri Kelantan Darulnaim pun terletak di bawah naungan Siam yang menyebab-

kan rakyat hidup dalam kemelesetan. Namun begitu Baginda sempat juga membawa berbagai-bagai perubahan dan kemajuan disepanjang pemerintahan Baginda itu.

Peristiwa Semasa

Sultan Ismail adalah Raja Kelantan yang pertama menjalani istiadat kemahkotaan; tujuannya salah untuk menyempurnakan lagi kedaulatan dan kebesaran takhta kerajaan Kelantan Darulnaim.



Selepas ditabah menjadi Sultan pada 23 Disember, 1920, Baginda telah bertitah supaya mengadakan lambang-lambang kebesaran kerajaan sebagai berikut untuk digunakan dalam istiadat kemahkotaan yang akan diadakan nanti:

1. Sebuah mahkota kebesaran sebagai lambang kebesaran Diraja Pemerintah Kelantan.
2. Sebuah Petrarakna.
3. Sekumpulan alat-alat dan lambang-lambang kebesaran Diraja, terdiri dari empat batang tombak iejabu, empat bilah pedang, dua logam iaitu logam agama dan logam alam, dua helai bendera tubuh diraja dan bendera negeri.

Bagi menggalakkan rakyat Baginda berbuat jasa, maka pada tahun 1925 Baginda Sultan Ismail telah memerintah supaya diadakan sekumpulan bintang-bintang untuk dianugerahkan kepada rakyat yang berjasa kepada raja, negeri dan masyarakat umum. Kumpulan bintang-bintang itu dikenali dengan nama Bintang Darjah Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia atau Ismaili yang mempunyai 3 Darjah:

1. Darjah yang pertama Sri Paduka Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia — Ismaili I
2. Darjah Yang Kedua Dato' Paduka Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia — Ismaili II
3. Darjah Yang Ketiga Paduka Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia — Ismaili III, dan
4. Bintang Ahli Kelantan (A.K)
5. Pingat Bakti (P.B)
6. Pingat Taat (P.T)
7. Pingat Perangai Baik (P.P.B)

Dalam masa Negeri Kelantan Darulnaim sedang terus berkembang maju di bawah payung pemerintahan Sultan Ismail, dengan tiba-tiba sahaja Negeri Kelantan Darulnaim terlibat dalam

KIRI: Tengku Ismail bin Tengku Senik, Sultan Muhamad IV (Tengku Seri Indera Mahkota).


KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

KANAN, DUDUK DARI KIRI KE KANAN: Tengku Ahmad bin Tengku Sulaiman (Tengku Seri Mara Raja), Tengku Muhamad Petra bin Tengku Idris (Tengku Seri Utama Raja), Tengku Ibrahim bin Sultan Muhamad IV (Raja Kelantan), Tengku Ismail bin Sultan Muhamad IV (Sultan Ismail), Nik Mahmud bin Haji Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) dan Tengku Abdul Rahman @ Tengku Bongsu bin Sultan Muhamad III (Tengku Seri Jaya)

kancang perperangan dunia ke dua bila Jepun melanggar dan menduduki Negeri Kelantan Darulnaim pada pukul 12.10 minit, 8 Disember, 1941 di Pantai Sabak. Pada 18 Disember, 1941 seluruh Negeri Kelantan Darulnaim telah jatuh ke tangan Jepun, dengan itu Negeri Kelantan Darulnaim terletak di bawah pentadbiran terentu Jepun atau Pejabat Kambo yang terletak di bawah perintah seorang Gobenor Jepun yang dipanggil Cakan Ka Kakka. Walaupun Jepun memerintah Negeri Kelantan Darulnaim, tapi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail tetap diaku oleh Jepun sebagai Ketua Agama Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Gobenor Jepun yang pertama di Kelantan Darulnaim ialah Yashushi Sunakawan yang berkhidmat sehingga 22 April, 1943 dan Gobenor Jepun yang kedua ialah Kikura Fun Sawa.

Pemerintahan Jepun telah menghapuskan Jawatan Penasihat British di Kelantan Darulnaim dan juga menutup Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang mempunyai peranan yang besar dalam masa pemerintahan British, sebaliknya pemerintahan Jepun adalah secara langsung menerusi Gobenorinya. Walau bagaimanapun Jepun masih mengekalkan institusi ke sultanan dengan kuasaanya yang terbatas dalam hal etikal agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sahaja. Tujuan Jepun berhuat demikian adalah semata-mata untuk mengabui mata orang-orang Melayu supaya menyokong Jepun kerana konominya Jepun menghormati Raja Melayu.


Dalam zaman Jepun Pejabat Setiausaha Kerajaan tidak berperanan lagi, kerana pada 2 Julai 1942 pentadbiran negeri telah diambil alih oleh Pejabat Sombudi atau Pejabat Pentadbiran Awam yang diketuai oleh Sombudi Tyo. Di samping itu beberapa buah pejabat juga telah disusun semula, iaitu Pejabat Tanah, Tanaman, Hutan, Cukai, Ukar dan Pejabat Buruh di mana semuanya diletak di bawah Pejabat Perusahaan atau Sangyo-Bayo yang diketuai oleh orang Jepun dan dibahagikan kepada beberapa seksyen tertentu iaitu cawangan am, cawangan perusahaan dan penerangan dan hasil barang-barang laut, cawangan tanaman dan hutan, cawangan tanah termasuk Pejabat Ukar, dan cawangan perjalanan. Di samping itu jabatan-jabatan baru juga telah ditubuhkan iaitu Pejabat Kawalan Pengangkutan (Keimudi Tyo Kelantan), Pejabat Propaganda, dan Pejabat Kawalan Makanan



yang semuanya diketuai oleh Jepun. Sementara itu setengah-setengah pejabat pula terus dikekalkan Orang Melayu sebagai ketuanya, antaranya Pejabat Pelajaran, Pejabat Cukai, Pejabat Polis dan Pejabat Khazanah. Walaupun begitu Jepun melantik Penasihat Jepun di kebanyakan Pejabat ataupun di pejabat-pejabat yang penting.

Jawatan Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar terus dikenalpasti, iaitu masing-masing dipegang oleh Dato' Nik Mahmud bin Haji Ismail dan Dato' Nik Ahmad Kamil bin Datuk Nik Mahmud. Namun begitu kuasa pentadbiran tetap terletak di tangan Jepun, dan pengekalan jawatan itu juga semata-mata untuk mengabui mata orang ramai bahawa anak-anak tempatan diberi kuasa untuk mentadbir negeri oleh Jepun.

Jepun juga telah menubuhkan Pejabat Ketua Jajahan Besar (Tiho Ka Tyo) yang bertanggungjawab kepada Sombudi To




yang Ibu Pejabatnya terletak di Kota Bharu; tujuan pejabat ini ditubuhkan ialah untuk mengawal pentadbiran jajahan yang dikendalikan oleh Ketua-Ketua Jajahan, iaitu Kota Bharu, Ketua Jajahannya Dato' Adik Datuk Mahmud bin Haji Mohamed, Pasir Puteh Ketua Jajahannya Datuk Sri Nara Di Raja, Datuk Nik Muhammad bin Datuk Haji Nik Mahmud, Bachok Dato Perwira Raja, Dato' Wan Daud, Ulu Kelantan, Syed Abdul Rahman, dan Pasir Mas Ketua Jajahannya ialah Tengku Ahmad.

Dalam masa pemerintahan Jepun ia telah cuba menjepunkan rakyat Kelantan Darulnaim dengan berbagai cara seperti mengenakan aturan supaya kakitangan dan pegawai kerajaan menggunakan waktu mengikut jam Jepun dan pada urusan surat menyurat dan lain-lain digunakan tahanan mengikut kelender Jepun bukannya tahun Masehi seperti di masa-masa yang lalu dan urusan-urusan di Pejabat pejabat dan juga urusan-urusan kerajaan juga menggunakan

kan Bahasa Jepun. Namun begitu pada umumnya usaha Jepun itu kurang berjaya.


Selain itu oleh kerana ekonomi meleset, Jepun telah mengambil tindakan mengurangkan kakitangan-kakitangan kerajaan dengan memberhentikan mereka yang tidak penting dan memotong gaji kakitangan kerajaan mengikut kadar yang telah ditetapkan. Sehingga 7 Disember 1941 jumlah seluruh kakitangan kerajaan Kelantan Darulnaim ialah seramai 1969 orang termasuk Menteri Besarnya sekali. Kadar pemotongan gaji yang telah ditetapkan oleh Jepun ialah di antara \$51.00 — \$200.00 sebulan sebanyak 20%, \$101.00 — \$200.00 sebulan sebanyak 20 — 30%, \$201.00 — \$300.00 sebulan sebanyak 30 — 40%, \$301 — \$600.00 sebulan sebanyak 40 — 50% dan lebih \$600.00 sebulan sebanyak 50 — 60%. Kakitangan-kakitangan yang berpendapatan kurang dari \$50.00 sebulan dikecualikan dari pemotongan gaji.



ATAS. DUDUK DARI KIRI KE KANAN: Tengku Ismail bin
Tengku Senik Sultan Muhamad IV (Raja Kelantan) Tengku
Zainal Abidin bin Sultan Ahmad II (Sultan Zainal Abidin III
Sultan Terengganu) Tengku Senik bin Tengku Kundor Sultan
Muhamad III (Sultan Muhamad IV/Sultan Kelantan) dan
Yang Di Pertua Muda Terengganu

BERDIRI DARI KIRI KE KANAN: Hassan bin Mohd Saleh
(Dato' Menteri Besar Kelantan). Tengku Muhamad Petra bin
Tengku Idris (Tengku Seri Utama Raja). Hj. Naah bin Mohd
Yusof (Menteri Besar Terengganu). Tengku Ibrahim bin Tengku
Senik Sultan Muhamad IV (Tengku Seri Indera Mahkota)
Tengku Chik (Tengku Bijaya Terengganu). Nik Jaajar bin Hj.
Nik Abdul Kadir (Dato' Bentara Dalam). Nik Mahmud
bin Hj. Ismail (Dato' Bentara Setia). Hj. Mohd. Saleh
(Dato' Kaya Bakti Kelantan). Nik Abdul Rahman bin Nik
Yusof (Dato' Seri Amar Raja dan J.S. Mason (Penasihat
British di Kelantan) 1911


KANAN. DARI KIRI, DI HADAPAN: Tengku Senik
bin Sultan Muhamad III (Sultan Muhamad IV) nombor sembilan,
Tengku Ismail bin Sultan Muhamad IV (Raja Kelantan) nombor
sebelas, Tengku Ibrahim bin Sultan Muhamad IV (Tengku Seri
Indra Raja) nombor dua belas, dan Tengku Zainal Abidin bin
Sultan Muhamad III (Raja Muda) nombor empat belas
Bergambar semasa menyambut Puja Umur DYMM Sultan
Muhamad IV




Jepun hanya memerintah Kelantan Darulnaim selama 2 tahun 8 bulan dan 2 hari sahaja, kerana pada 4 Julai, 1943 Perdana Menteri Jepun, Hidaki Tojo telah mengisyiharkan bahawa Negeri-Negeri Melayu di Utara, iaitu Kelantan Darulnaim, Terengganu, Kedah dan Perlis akan diserahkan kepada Siam untuk memenuhi Perjanjian Sulit Jepun — Siam. Pada 18 Oktober, 1943 Negeri Kelantan Darulnaim dan ketiga negeri lagi itu telah diletak secara rasmi di bawah pentadbiran tentera Thai yang berpusat di Alor Star, Kedah. Tujuan sebenar penyerahan ini adalah untuk mendapat kerjasama Siam bagi menentang dan menewaskan pihak BERIKAT. Sebuah Ibu Pejabat Ketua Turus Angkatan Tentera Thai yang diketuai oleh Field Marshall Pibul Sanggaram telah ditubuhkan untuk pentadbiran negeri-negeri Melayu Utara itu yang diserahkan kepada pentadbiran Pesuruhjaya Tinggi Tentera (Khaluang Thaharn Besar) di mana jawatan tersebut telah dipegang oleh Major General Kamol Sribhasiradikaran Jotikasart dengan pembantunya Kapten Momrajuwse Chalerlas Tharennang yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Tentera (Khaluang Thaharn Pranchara Rath) yang bertugas sebagai pembantu kepada Khaluang Thaharn Besar atau Pesuruhjaya Tinggi.

Pentadbiran Tentera Thai mulai berkuatkuasa pada 18 Oktober, 1943 di Kelantan Darulnaim dan juga Kedah, Terengganu dan Perlis. Sepanjang pemerintahan Thai itu Negeri Kelantan Darulnaim mempunyai dua orang Pesuruhjaya Tentera (Khaluang Thaharu Pracham Rath Chamrat, di mana Pesuruhjaya yang pertama ialah First Lt. Charu Chaichan, dan yang kedua R.T. Tharin Rawang Phu. Dalam masa pemerintahan Thai kuasa Raja telah diserahkan kembali untuk pentadbiran negeri bersama dengan Majlis Mesyuarat Negeri atau Majlis Montri Spa yang ditubuhkan oleh pemerintah Siam, dengan itu kuasa raja terletak di atas sekali segi pentadbiran. Ini berbeza dengan zaman Jepun di mana kuasa Raja hanya terbatas kepada perkara-perkara Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sahaja.

Majlis Montri Spa yang mulai berkuatkuasa pada 1 Januari 1944 adalah satu badan perundungan yang paling tinggi di dalam pentadbiran Negeri Kelantan yang berkuasa untuk mengubah undang-undang atau membuat keputusan penting mengenai pentadbiran negeri. Majlis Montri Spa dipengerusikan oleh KDYMM Sultan sendiri dan anggota-anggotanya terdiri dari mereka yang pernah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri semasa Kerajaan British, iaitu Yang Dipertua KDYMM Sultan, Naib Yang Dipertua YTM Raja Kelantan, Setiausaha Am YBM Tengku





Muhammad Hamzah bin Tengku Zainal (Setiausaha Kerajaan Kelantan), dan Ahli-ahlinya terdiri daripada Y.A.B. Nik Mahmud bin Haji Ismail (Datu Menteri Besar), Y.B.Nik Ahmad Kamil bin Haji Nik Mahmud (Timbalan Menteri Besar) YBM Tengku Indera bin Tengku Ibrahim (Timbalan kepada Timbalan Menteri Besar), YBM Tengku Mohamed bin Tengku Idris, YBM Tengku Abdul Rahman Ibnu Almarhum Sultan Ahmad, YBM Tengku Mohd Yusuf Ibnu Almarhum Sultan Muhammad IV, YBM Tengku Ab. Majid bin Tengku Besar Tuan Soh dan YAB. Tengku Mohammad Ibnu Almarhum Sultan Muhammad IV, YAB. Tengku Yahya Petra bin Tengku Ibrahim, YBM. Tengku Ahmad bin Tengku Jaafar, YB. Encik Mahmud bin Haji Mohammad dan YB. Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail.

Ada perbezaan antara Majlis Mesyuarat Negeri semasa British dengan Majlis Montri Spa semasa pemerintahan Thai; dalam Majlis Mesyuarat Negeri, Penasihat British dan Penolongnya adalah anggota tetap majlis, tapi dalam Majlis Montri Spa, Khaluan tidak menjadi anggotanya di samping itu dalam Majlis Montri Spa tidak ada wakil orang asing di dalamnya, tapi dalam Majlis Mesyuarat Negeri terdapat seorang wakil kaum asing iaitu Datuk Kaya Pati, Datuk Yeap Hing Ghee.

Pada 6 Januari 1944 Pejabat Setiausaha Kerajaan yang ditutup oleh Jepun telah dibuka semula dan pegawai-pegawainya telah diarah supaya bekerja semula seperti sebelumnya. Setiausaha Kerajaan tetap tidak berubah iaitu Tengku Sri Maharaja Tengku Muhammad Hamzah bin Tengku Zainal, pejabat-pejabat yang terletak di bawah pejabat perusahaan atau Sanyo — Bu telah disusun semula mengikut sebelumnya peperangan dulu. Ketua-ketua jajahan adalah bertanggungjawab kepada Setiausaha Kerajaan, bukannya kepada Ketua Jajahan Besar (Tithoka) seperti di zaman Jepun.

Dalam masa pemerintahan Jepun, Jepun menjalankan dasar untuk menjepunkan rakyat Kelantan, tapi tidak demikian dengan pemerintahan Siam yang menjalankan dasar untuk memberi peluang anak-anak tempatan sendiri memerintah negeri ini, oleh sebab itu semua pejabat-pejabat kerajaan mempunyai pegawai-pegawai Melayu. Kerajaan Siam juga telah meluluskan peruntukan sebanyak \$50,000.00 untuk membayar tuggakan gaji yang dipotong oleh Jepun dulu.


Walauapun pemerintahan Jepun selama beberapa tahun itu telah menimbulkan berbagai-bagai pengalaman pahit dan maung, tapi ia juga telah menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat

KANAN DUDUK DARI KIRI: Tengku Ibrahim bin Sultan Muhamad IV (Raja Kelantan), Tengku Ismail bin Sultan Muhamad IV (Sultan Ismail 1920 — 1941) dan Tengku Muhd. Petra bin Tengku Idris (Tengku Sri Utama Raja)

BERDIRI DARI KIRI: Tengku Abdul Rahman @ Long Abdul Rahman bin Tengku Muhd. Petra dan Encik Muhamad @ Encik Ariffin (Dato' Muhamad) — ADC kepada Sultan Ismail (1930 — 1939)

KIRI: Hari Pertabalan KDYMM Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Mubaham IV dalam tahun 1937 sebagai Sultan Kelantan KDYMM Baginda Sultan Ismail berdiri di hadapan kanan dan KDYMM Baginda Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Mubaham IV berdiri di hadapan kiri (1937)

KANAN: Istiadat menyambut Puja Umur KDYMM Baginda Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Mubaham IV, (dua dari kanan ke arusun hadapan), di Kota Bharu (1930an)



KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

pribumi, bahawa bangsa Inggeris bukanlah satu bangsa yang unggul yang tidak boleh dicabar, dan kesedaran itu telah mencetus semangat yang berkubar-kubar untuk menuntut kemerdekaan dari tangan penjajah British.

Perkembangan Negeri

Pada 1 April 1921 satu bancian mengenai penduduk Negeri Kelantan Darulnaim telah dilakukan di mana didapati berjumlah seramai 309,300 orang yang terdiri kaum-kaum berikut iaitu Melayu 286,363 orang China, 12,755 orang India, 3,575 orang Eropah 127 orang Serani, 35 orang, dan lain-lain bangsa 6,445 orang. Jumlah penduduk seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu ialah seramai kira-kira 2,907,000 orang (10.1%).

Pada 1 April 1931M penduduk Negeri Kelantan Darulnaim dibanci sekali lagi, di mana jumlahnya didapati kira-kira seramai 364,000 orang, berbanding dengan banci penduduk Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu berjumlah kira-kira seramai 3,788,000 orang (9.6%).

Baginda Sultan Ismail juga telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk memajukan pentadbiran Negeri Kelantan Darulnaim, antaranya dengan mengadakan pejabat-pejabat baru, seperti Pejabat Tanah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah, Pejabat Cukai, Pejabat Polis, Penjara, Hospital, Pejabat Kerajaan, Pejabat-Pejabat Jajahan, Pejabat Khazanah, Pejabat Telegraf, Pejabat Mufti dan Kadi, sementara itu Pejabat yang baru dibuka ialah Pejabat Audit, Pejabat Menteri, Pejabat Setiausaha, Pejabat Mufti, Pejabat Pelajaran, Pejabat Tanaman, Pejabat Hutan, Pejabat Penasihat Perkara-Perkara Tanah Dan Galian, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pejabat Pendakwa Raya, Pejabat Pos, Pejabat Parit dan Talair, Pejabat Bandaran, Mahkamah Kadi Jajahan-Jajahan, Mahkamah Rendah Jajahan-Jajahan dan Pejabat Elektrik.

Lagu Dan Lambang Kebesaran

Pada tahun 1921 Baginda Sultan Ismail bertitah mengarahkan ahli-ahli muzik di negeri ini mengubah sebuah lagu kebangsaan

Negeri Kelantan Darulnaim. Menyahut seruan itu, Encik M.S. Menzis, Bangsa Gou yang menjadi Ketua Pencaragam Pasukan Polis Kelantan Darulnaim telah mengubah sebuah lagu untuk dipersembahkan kepada Baginda. Pada 5 Julai, 1927, Baginda Sultan memberi keampunan supaya lagu itu dimainkan pada hari ulang tahun keputeraan Baginda dengan nama "Selamat Sultan" dan empat tahun kemudian iaitu dalam tahun 1930 bardul senikata untuk lagi itu digubah oleh Tengku Mahmud Mahyidin, Pegawai Pelajaran Kelantan waktu itu. Mulai tahun 1945 lagu "Selamat Sultan" itu mulai diajar di sekolah-sekolah negeri ini. Kemudian dalam zaman pemerintahan Sultan Ismail Petra Ibh Al-Marhum Sultan Yahya Petra lagu tersebut telah diperendahkan lagi seperi sekarang.

Pada tahun 1922M Baginda Sultan Ismail telah mengubah bentuk bendera tubuh Baginda dan mengubah bentuk bendera Negeri Kelantan Darulnaim yang telah digunakan di zaman almarhum Sultan Muhammad IV. Bendera tubuh Baginda yang



ATAS: Lambang Negeri Kelantan Darulnaim

baru ini tanahnya putih, ditengahnya terletak bulan bintang warna kuning, dan di atas bintang itu terletak mahkota warna kuning, dan sekelilingnya dilindungi oleh 2 lelepas daun kelapa berwarna biru yang hujung daunnya bertangkup. Bendera baru ini telah dikibarkan secara rasmi buat pertama kalinya pada 9

Oktober, 1922M. Demikian juga bendera Negeri Kelantan Darulnaim yang digunakan di zaman Almarhum Sultan Muhammad IV telah ditukar oleh Baginda Sultan Ismail dengan bendera baru bertanah merah, dan di tengahnya terletak bulan bintang warna putih, dan di atas dada bulan itu terpacak 2 batang tombak, serta ditanduk bulan itu terselit dua bilah keris terhunus. Bendera Negeri yang baru ini pula dikibarkan pada 20 November, 1922M.

Bendera (1) Bendera tubuh Raja lambang Raja pemerintah yang berniat suci dan berdaulat (2) Bendera negeri lambang Negeri Kelantan Darulnaim sebagai sebuah negeri yang merdeka.

Payung (1) Payung putih lambang kebesaran Raja pemerintah Kelantan Darulnaim daripada keturunan pemerintah



KIRI: Bendera
Negeri Kelantan Darulnaim

Dalam zaman pemerintahan Bagindalah berbagai-bagai lambang untuk menunjukkan kebesaran Raja-Raja Kelantan telah mula dipergunakan dan Lambang Diraja terus dipakai hingga sekarang

Mahkota lambang kebesaran Raja yang memerintah daripada keturunan Raja pemerintah yang asal

Tombak, pedang dan keris lambang senjata pertahanan kedaulatan Negeri Kelantan Darulnaim.

Cogan (1) cogan agama lambang Raja pemerintah Kelantan berdasarkan Agama Islam (2) cogan alam lambang Negeri Kelantan Darulnaim sebagai sebuah negeri yang merdeka

Kelantan yang suci niatnya (2) Payung kuning lambang kebesaran Raja Pemerintah daripada darah Raja-Raja.

Perundangan Dan Pentaadbiran

Dalam bidang perundangan pula, Baginda telah memerintah supaya undang-undang lama dipinda dan diperbaharui dan mengadakan undang-undang tambahan, di antaranya ialah Undang-Undang Majlis Agama Islam Dan Mahkamah Syariah, Undang-Undang Tanah, Undang-Undang Mahkamah dan Jenayah, Undang-Undang Cukai, Undang-Undang Peraturan Memakai Bintang-Bintang Kebesaran 1939M, Undang-Undang Volunteer (Tentera sukarela), Undang-Undang Penjara, Undang-Undang Bandar, dan di antara undang-undang yang ditambah ialah Undang-

Undang Keterangan, Undang-Undang Peraturan Guaman, Mal dan Jenayah, Undang-Undang Tanaman, Undang-Undang Parit dan Talair, Undang-Undang Peguambele Dan Peguamcara, Undang-Undang Penulis Petisin, Undang-Undang Biyah atau Galan, Undang-Undang Permainan, Undang-Undang Kesalahan Kecil, Undang-Undang Imigresen, Undang-Undang Kawalan Hutan dan Kayu Kayan, dan Undang-Undang Mergastua.

Pada tahun 1923M. Baginda Sultan Ismail telah berkenan menubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat yang dinamakan "Ewan Segera Negara" atau "Dewan Negara", bertempat di Istana Balai Besar, Kota Bharu. Anggota-anggota Dewan ini adalah terdiri daripada orang-orang besar yang bergelar Tengku-Tengku dan Dato'-Dato'.

Dalam zaman Baginda juga Pejabat Jajahan Bachok — Pasir Puteh diasingkan bagi pentadbiran kedua-dua jajahan yang luas itu.

Dalam tahun 1922 sepasukan tentera sukarela yang digelarkan Pasukan Jiwa Setia telah ditubuhkan yang anggota-anggotanya terdiri dari pegawai pegawai kanan dan pembesar-pembesar negeri yang dilatih oleh Kapten H.A. Anderson, berbangsa Australia.

Perhubungan

Perhubungan udara antara Negeri Kelantan Darulnaim dengan negeri lain telah bermula pada tahun 1930M. Pada 25 Ogos 1930M. sebuah kapalterbang laut yang memakai No. 1420 telah mendarat di perairan kawasan Istana Kota Lama, di dalam Sungai Kelantan Darulnaim.

Pada 2.10.1936 lapangan terbang Pengkalan Chepa mulai dibina untuk memulakan perhubungan udara yang lebih teratur. Pada tahun ini jugalah bermulanya perkhidmatan kapalterbang di dalam negeri di Tanah Melayu.

Pada 5 September, 1931M. jalan keretapi yang menghubungi antara Tumpat dengan Pahang telah dibuka secara rasmi yang membuka perhubungan keretapi antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Jalan keretapi ini mulai dibina pada tahun 1913M

lagi; iaitu melalui Negeri Kelantan Darulnaim, Pahang dan Negeri Sembilan. Jalan itu bermula dari Tumpat terus ke Gemas, dan bersambung pula ke Singapura arah ke Selatan dan arah ke Utara ianya bersambung pula ke Padang Besar, dari sana ia memasuki Negeri Siam, bersambung dengan jalan keretapi Kelantan Darulnaim di Pekan Golok sebelah Siam dan di Rantau Panjang, sebelah Kelantan Darulnaim.

Pada tahun 1927 jalan-jalanraya telah dipermodenkan di mana pada 21 Mei, 1927M jalanraya dalam Bandar Kota Bharu mulai diturap dengan tar.

Pada tahun 1932M jalanraya antara Pasir Puteh dan Kuala Terengganu telah dibuka. Pada 19 April 1932M. KDYMM Baginda Sultan Ismail dan juga Baginda Sultan Terengganu secara serentak telah herangkat merasmikan jalan tersebut.

Bekalan Elektrik Dan Air

Pada akhir tahun 1926 Kota Bharu mulai mendapat bekalan elektrik dengan menggunakan sebuah jentera sederhana terletak di Jalan Tok Hakim. Mulai tahun 1926 pula, lampu-lampu jalan dalam Bandar Kota Bharu mulai menggunakan api elektrik secara beransur-ansur menggantikan lampu minyak yang dikendalikan oleh Jabatan Kerajaan dan pada tahun yang sama juga gudang-gudang dan rumah-rumah di Kota Bharu mendapat bekalan elektrik.

Pada 20 Mac, 1935 penggunaan air paip telah mula digunakan di bandar Kota Bharu.

Di samping bekalan elektrik dan air, kemudahan kesihatan untuk orang ramai juga tidak dilupakan. Pada tahun 1929M Hospital Besar mulai dibina di Kampung Padang Garong, Kota Bharu.

Perkhidmatan Pos

Dalam zaman pemerintahan Baginda Sultan Ismaillah bermulanya perkhidmatan mel udara yang pertama di Kelantan Darulnaim

iaitu pada 6 April 1938M, kemudiannya pada 15 November, 1943M. setem baru Negeri Kelantan Darulnaim telah dikeluar dan mulai dijual kepada orang ramai.

Pertanian

Satu pameran pertanian peringkat Negeri Kelantan Darulnaim yang julung-julung kali telah diadakan di Peringat 12km. dari Kota Bharu di zaman pemerintah Sultan Ismail. Tujuan pameran ini ialah untuk menggalakkan petani-petani di negeri ini menanam berbagai-bagai jenis tanaman yang memberi faedah kepada rakyat sekalian.

Kraaaman

Dalam zaman pemerintahan Baginda Sultan Ismail, projek-projek agama juga diberi perhatian. Masjid kayu di bandar Kota Bharu telah ditukar dengan masjid batu, di mana perlakatan batu asasnya telah disempurnakan oleh Baginda Sultan Ismail, pada pagi Isnin 21 Ogos, 1922M (28 Zulhijjah 1340H), dan masjid ini siap dibina pada tahun 1925M. Perbelanjaan untuk membina masjid tersebut salah sebanyak \$372,395.00 dan dibina atas tapak seluas 10,600 kaki persegi, mempunyai 4 buah menara setiap satunya setinggi 70 kaki seluruh bangunan itu dilengkapkan dengan bekalan elektrik, dan dinamakan Masjid Muhammad mengambil sempena nama Sultan Muhammad IV yang banyak jasanya kepada Negeri Kelantan Darulnaim itu.

Perdagangan

Selaras dengan perkembangan Negeri Kelantan Darulnaim yang bertambah maju dalam berbagai-bagai bidang itu, maka bidang perdagangan juga turut berkembang. Pada 26 Ogos 1922M Mercantile Bank Of India Ltd telah dibuka di Jalan Raja Kota

Bharu dan dirasmikan oleh Baginda Sultan Ismail. Inilah bank yang julung-julung kali menjalankan urusan perdagangannya di Negeri Kelantan Darulnaim.

Pada 1922 export Negeri Kelantan Darulnaim ialah terdiri dari ikan kering, getah, kulit binatang, ayam, kelapa kering, emas, pinang, lembu, padi dan kain sutera yang berjumlah kira-kira \$30.000.00 setahun. Mengikut laporan tahun 1922 jumlah export Kelantan adalah bernilai sebanyak \$1.34 juta, sementara nilai impot Kelantan Darulnaim ialah sebanyak \$5 juta.

Pada tahun 1932M, pula Pasar Kubang Pasu telah siap dibina di atas tapak yang berpaya atau berkubang yang ditibus dengan tanah, di Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.

Kemudiannya untuk memenuhi keperluan ramai sebuah pasar baru lagi telah dibuka pada 3 April 1938M. Baginda Sultan Ismail telah berangkat merasmikan sebuah pasar baru itu yang terletak di Jalan Temenggong, Kota Bharu. Pasar ini dikenali dengan nama "Kedai Baru" dan pasar yang sedia di Jalan Post Office Lama dipanggil "Kedai Buruk". Kedai Baru itu akhirnya berkembang menjadi Pasar Besar, sebelum iaany dikosong dan berpindah ke Pasar Pusat Buluh Kubu pada tahun 1985M.

Pelajaran

Kesedaran untuk mendapat pelajaran tinggi telah lama wujud di Kelantan Darulnaim. Pada 13 September, 1926M Kerajaan Kelantan Darulnaim telah menghantar seorang bupututeranya ke England, iaitu Nik Ahmad Kamil bin Haji Nik Mahmud untuk melanjutkan pelajaran di bidang undang-undang. Kemudian pada bulan April 1931M dua orang lagi anak Kelantan Darulnaim telah dihantar ke London untuk menuntut jurusan undang-undang juga; mereka ialah YM. Tengku Indera Petra dan YM. Tengku Abdullah bin Tengku Hassan.

Ismail English School mulai dibuka pada pagi 5 Januari 1936 yang merupakan Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama di Kelantan Darulnaim, dengan pelajarnya berjumlah seramai 40 orang. Pada permulaannya ia menumpang di kantin Sekolah

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM



ENAM PULUH EMPAT

Melayu Padang Garong. Ia dinamakan Ismail English School mengambil sempena nama KDYMM Sultan Ismail, Ibni Almarhum Sultan Muhammad IV.

Kemudian pada tahun 1938 pula Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah menubuhkan Madrasah Muhammadiyah Al-Arabiah bertempat di Bangunan Majlis Agama Islam Kelantan juga di mana mudirnya yang pertama ialah Abu Bakar Al-Atas dari Johor. Madrasah ini menggunakan bahasa pengantaranya Bahasa Arab. Kemudian pada tahun 1940 sekolah itu telah dipindahkan ke Merbau hingga sekarang.

Senibudaya

Dalam zaman pemerintahan Baginda Sultan Ismail senibudaya bertambah subur di Kelantan Darulnaim di mana Baginda juga seorang yang pernah menjadi pelakon bangsawan dan penari rebana kercing, serta seorang pendekar. Dengan tujuan untuk mengembangkan senibudaya dengan lebih pesat, Baginda telah memerintah supaya beberapa pasukan seni dan budaya yang tertentu dibebaskan daripada dikemasi lesen mainan seperti biasa iaitu Pasukan Silat di bawah pimpinan 21 orang guru, dua Pasukan Makyong untuk mengajar, dua Pasukan Menora untuk mengajar, dua Pasukan Wayang Melayu untuk mengajar, dan berpuluhan-puluhan Pasukan Permainan Petri di bawah pimpinan 78 orang bomoh untuk mengajar dan mengubat orang sakit.

Pada 25 Mac, 1922 satu Rombongan Seni Budaya Kelantan Darulnaim berlepas ke Singapura untuk menyertai Pameran Tanah Melayu dan Borneo yang terdiri daripada seramai 20 orang pemuda.

Oleh sebab Baginda berminat dalam Bangsawan, maka pada 11 Disember, 1922 Baginda Sultan Ismail mengurnikan pingat emas kepada para pelakon opera dalam "The New Peninsula Opera Malaya" menerusi Juruiringnya Kapten Anderson.

Di samping itu dalam zaman pemerintahan Baginda Sultan Ismail juga banyak lahirnya berbagai-bagai pertubuhan, dan majalah-majalah seperti majalah Al-Hikmat lahir pada 1 Julai 1923M, Majalah Kencana lahir pada 1 April, 1930M, pertubuhan-pertubuhan pula di antaranya ialah Setia Kelab lahir pada 14 Disember, 1922M ditubuhkan oleh Baginda Sultan Ismail sendiri, Dewan Bahasa Melayu lahir pada 1 Oktober, 1933M, dan persatuan Melayu Kelantan lahir pada 20 April, 1939M.

Sepanjang zaman pemerintahan Baginda Sultan Ismail Negeri Kelantan Darulnaim terus berkembang maju dalam berbagai-bagai bidang, terutama sebelum pendudukan Jepun di Negeri Kelantan Darulnaim pada tahun 1941M. Di dalam zaman pendudukan Jepun ekonomi menjadi meleset, dan makanan tidak mencukupi menyebabkan pembangunan tidak dapat dilaksanakan dengan sewajarnya, dalam keadaan negeri yang tidak stabil itulah Baginda Sultan Ismail mangkat pada tahun 1944M.

KIRI: KDYMM Baginda Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhamad IV (duduk di tengah-tengah) bergambar ramai.

BAB VII

**KDYMM Tengku Ibrahim Ibni
Almarhum Sultan Muhamad IV
Sebagai Sultan Ibrahim
(1944 – 1960)**



KDYMM SULTAN IBRAHIM

**KDYMM Tengku Ibrahim Ibni
Almarhum Sultan
Muhamad IV Sebagai Sultan Ibrahim
(1944 – 1960)**

Tengku Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Muhamad IV adalah adinda kepada Baginda Sultan Ismail telah menaiki takhta kerajaan Kelantan Darulnaim pada hari Rabu 21 Jun, 1944, menggantikan Sultan Ismail yang mangkat tanpa putera ataupun puteri. Baginda dimahkotakan secara besar-besaran di Istana Balai Besar pada hari Selasa 31 Oktober, 1944 (15 Zulkaedah 1363H) dengan gelaran Sultan Ibrahim. Istiadat penabalan itu berlangsung dalam suasana politik yang telah berubah, iaitu beralihnya kuasa penjajahan di Negeri Kelantan Darulnaim dari tentera Jepun kepada tentera Thai.

Selaras ditabah menjadi Sultan, maka Baginda telah melantik anakanda Baginda Tengku Indera Petra sebagai Raja Muda yang akan mewarisi takhta kerajaan nanti.

Baginda Sultan Ibrahim tidak bersemayam di Istana Balai Besar, tapi diistanaanya sendiri, iaitu Istana Seri Cemerlang yang terletak di Jalan Kebun Sultan dan bucu jalan Pintu Pong, Kota Bharu. Pada tahun 1963 istana itu telah dirobohkan dan tempatnya dijadikan kawasan perumahan.

Baginda diputerakan pada 9 Ogos, 1927 oleh Bonda Baginda permaisuri Sultanah Zainab di Istana Balai Besar dan seorang putera bongsu kepada ayahanda Baginda. Dari sejak kecil lagi Baginda telah diberi asuhan dan didikan termasuklah pelajaran Agama Islam yang suci.

Sewaktu berusia 14 tahun, maka pada 22 Jun 1911M (25 Jamadi Akhir, 1329H), Baginda Sultan Ibrahim telah dikurniakan gelaran Tengku Seri Indra Mahkota Kelantan. Pada tahun 1911M, Baginda juga dilantik menjadi jururuing (A.D.C.) kepada Sri Paduka Ayahanda Baginda Sultan Muhamad IV, iaitu julung-julung kali jururuing kepada Baginda Sultan Negeri Kelantan Darulnaim.

Baginda telah melangsungkan perkahwinan dengan YM. Tengku Zainab binti Tengku Zainal Abidin pada tahun 1914M.

Baginda mempunyai perwatakan yang terpuji, menyukai keindahan, cermat dan sukakan peraturan, di mana dapat dilihat di Istana tempat Baginda bersemayam iaitu Istana Mahkota Seri Cemerlang sentiasa dalam keadaan rapi, kemas dan teratur yang menyenangkan hati sesiapa sahaja yang melihatnya.

Pada 1918M Baginda Tengku Ibrahim telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, dan pada 1919M. Baginda juga

telah dilantik menjadi Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Pada hari Kamis 21 April, 1921 (20 Syaaban 1340H). Baginda telah dilantik oleh bekanda Baginda KDYMM Sultan Ismail menjadi "Raja Kelantan" yang bererti pilihan pertama pewaris takhta kerajaan selepas kemangkatan Baginda. Selepas itu Baginda juga dilantik memegang jawatan Ketua Khazanah Negeri Kelantan Darulnaim dari tahun 1921 hingga 1929M. Di masa yang sama juga Baginda dilantik menjadi Timbalan Hakim Mahkamah Tinggi.

Baginda juga dilantik menjadi Yang Di Pertua Kehormat Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Pada 4 Jun 1934M, semasa memegang jawatan YTM Raja Kelantan Darulnaim Baginda telah dikurniakan Bintang Darjah C.M.G. oleh Raja England.

Kira-kira 6 bulan selepas Jepun memerintah Kelantan Darulnaim maka 4 Jun 1942M. YTM Tengku Ibrahim yang bergelar Raja Kelantan telah berangkat ke Singapura sebagai mewakili Sultan Kelantan Darulnaim bersama-sama dengan Tentera Jepun dan berangkat pulang pada 22 Jun, 1942M. Kemudian pada 2 Julai 1942M hingga 13 Julai 1942 Baginda sekali lagi berangkat ke Singapura sebagai mewakili Baginda Sultan Ismail juga.

Baginda mempunyai 25 orang cahayamata, 12 putera dan 13 puteri.

Baginda Sultan Ibrahim seorang raja yang gemar melihat sendiri segala keadaan rakyat selata Baginda. Pada 9 Mei, 1948M Baginda Sultan Ibrahim membuat lawatan rasmi ke Jajahan Pasir Mas dan pada 4 Jun 1948M Baginda berangkat melawat Jajahan Ulu Kelantan.

Pada 15 Januari 1949M Baginda Sultan Ibrahim telah berangkat ke Tumpat untuk merasmikan pembukaan Pejabat Jajahan Tumpat.

Pada 4 Jun 1949M Baginda telah dikurniakan dengan Darjah K.C.M.G. oleh Raja England yang telah disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British bagi pihak Raja England. Upacara itu telah dilangsungkan di Istana Balai Besar.

Pada 5 Mei 1958M. Baginda Sultan Ibrahim telah berangkat mewakili Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu untuk menghadiri Perayaan Kemahkotaan Ratu Elizabeth II pada 2 Jun

1953M. Sepanjang masa itu pemerintahan Negeri Kelantan Darulnaim dipangku oleh YTM Tengku Mahkota.

Baginda tetap aktif hingga ke akhir tahun hayat Baginda dengan berbagai-bagai aktiviti kemasyarakatan,umpamanya pada 30 Januari 1960 Baginda berangkat dan bertitik merasmikan Majlis Peraduan Syarahan Minggu Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Kelantan Darulnaim yang diadakan di Istana Balai Besar, Kota Bharu. Beberapa bulan selepas itu, atas kehendak Allah S.W.T., maka pada jam 2.30 petang, 9 Julai 1960 (13 Muhamram 1380H) Baginda Sultan Ibrahim pun mangat di Istana Sri Cemerlang, Kota Bharu, dalam usia 63 tahun, dan dimakamkan di Permakaman Di Raja Langgar, Kota Bharu.

Peristiwa Semasa

Jepun yang mendarat di Negeri Kelantan Darulnaim pada tahun 1941 telah tamat pemerintahannya bila Pihak Berikat menggugurkan bom atom ke atas Kota Hiroshima dan Nagasaki Jepun pada 14 dan 15 Ogos 1945M. Dengan itu Jepun terpaksa menyerah kalah tanpa syarat kepada Berikat pada 1 September, 1945. Dengan itu Negeri Kelantan Darulnaim bersama-sama dengan negeri-negeri yang lain jatuh semula ke tangan Kerajaan Tentera British (British Military Administration — BMA) pada 1 Oktober 1945. Kerajaan Tentera British yang kembali semula ke Tanah Melayu mengakui Sultan Ibrahim sebagai Sultan Kelantan Darulnaim yang sah.

Tapi dalam masa peralihan pemerintahan Tentera Jepun kepada Tentera British itu, iaitu pada penghujung bulan September, 1945M telah meletus peristiwa biadab gerumbulan China yang terdiri dari Askar-Askar Bintang Tiga untuk merampas kuasa. Dengan itu Parti Komunis Malaya telah memulakan keganasan untuk mencetuskan huru-hara di Tanah Melayu untuk mencapai maksud jahatnya itu. Pertumpahan darah telah meletus antara gerumbulan China itu dengan anak pribumi Kelantan Darulnaim yang mempertahankan maruah, agama, bangsa dan negaranya. Akhirnya percubaan merampas kuasa itu telah dapat dipatahkan.

Setelah huru hara itu dapat dibendung maka saki baki gerumbulan komunis itu lari ke dalam hutan untuk meneruskan perjuangan ganas mereka yang sia-sia itu, tapi setelah itu timbul pulu Rancangan Malayan Union yang ditaja oleh British yang menjadi ancaman kepada survival masa depan orang-orang Melayu.

Tapi mujurnya, kesedaran politik yang telah meningkat di zaman pendudukan Jepun iaitu semasa dalam pemerintahan Sultan Ismail telah bertambah subur lagi di kalangan pribumi Kelantan Darulnaim khasnya dalam zaman pemerintahan Baginda Sultan Ismail yang telah memusnahkan kepercayaan karut mereka terhadap keunggulan bangsa Inggeris yang telah sekian lama menjajah tanah air mereka. Kedatangan Jepun walaupun membawa petaka, tapi senafas itu juga telah mengajar penduduk pribumi untuk berdikari kerana walaupun pada masa itu Jepun yang berkusa, tapi hakikat sebenarnya peranan Jepun tidak ada, kerana tenaga yang sebenarnya menjalankan segala kerja adalah terdiri dari orang-orang tempatan, dan ini menimbulkan keyakinan bahawa mereka boleh menjalankan sendiri segala urusan yang selama ini diajarkan oleh orang-orang Inggeris, maka dengan itu menghilangkan kepercayaan mereka terhadap kebijaksanaan dan keunggulan bangsa Inggeris. Dengan kesedaran yang membara sebegini rupa maka pribumi Kelantan Darulnaim khasnya telah bangkit dengan beraninya menghalalkan tentang mereka kepada Penjajah Inggeris bila mereka kembali menyambung semula pemerintahan penjajah mereka setelah Jepun berundur kerana tewas perang.

Rancangan Malayan Union yang ditaja dan dipaksa oleh British ke atas negeri-negeri Melayu itu adalah satu bentuk kesatuan pemerintahan di mana kuasa tertinggi terletak ditangan penjajah Inggeris yang Gobenorinya mempunyai kuasa yang mutlak, maka dengan itu kuasa Majlis Mesyuarat Undangan dan kuasa Raja-Raja Melayu akan terhapus; dalam rancangan Malayan Union ini juga Singapura akan menjadi sebuah tanah jajahan takluk British yang terasing dari Negeri-Negeri Melayu, di samping itu Malayan Union membuka pintu kerakyatan seluas-luasnya kepada semua kaum yang terdapat di negara ini. Akibatnya orang-orang Melayu merasa curiga dan bimbang terhadap

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

KANAN, MUKA SEBELAH; DUDUK DARI KIRI KE
KANAN: R. J. Curtis (Pegawai Penasihat British Negeri Kelantan)

Tengku Yahya Petra Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim
(Tengku Mahkota). KDYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum
Sultan Muhamad IV. Nik Ahmad Kamil bin Hj. Nik Mahmud
(Dato' Sri Setia Raja). Menteri Besar Kelantan, Tengku Muhamad
Hamzah bin Tengku Zainal (Tengku Sri Maharaja). Setiausaha
Kerajaan Kelantan, dan Encik Ross
Mereka adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan Darulnaim
tahun 1947

rancangan Malayan Union. Oleh sebab itu memanglah wajar rancangan yang jahat ini mendapat tentangan hebat dari segenap lapisan umat Melayu di seluruh tanah air.

Dalam perjuangan ini, Baginda Sultan Ismail sendiri menyebabkan rakyat dalam menentang Malayan Union itu hingga pada 27 Februari, 1947M. Baginda telah berangkat ke Kuala Krai untuk menghadiri satu perhimpunan rakyat yang dianjurkan oleh Persekutuan Persatuan Melayu Kelantan untuk menentang Malayan Union. Baginda sendiri turut bertitah menyampaikan ucapan di majlis tersebut.

Setelah menerima tentangan yang hebat daripada seluruh umat Melayu dari segenap rantau negara ini, yang telah bangkit bersatu padu, maka Kerajaan British terpaksa mengkaji semula rancangan tersebut, dan akhirnya terpaksa membatal rancangan Malayan Union, dan menggantinya dengan rancangan Persekutuan Tanah Melayu (Federation Of Malaya) pada 1 Februari, 1948.

Sebelum kelahiran Persekutuan Tanah Melayu itu, pada 15

Januari 1948, Baginda Sultan Ibrahim dengan diriringi oleh Tengku Temenggong telah berangkat ke Kuala Lumpur untuk menandatangani surat perjanjian Persekutuan Tanah Melayu antara Raja-Raja Melayu dengan Kerajaan British yang diadakan pada 21 Januari, 1948M. Dengan kelahiran Persekutuan Tanah Melayu ini maka bererti Hak Raja-Raja Melayu telah dikembalikan dan pinta kerakyatan telah diperketat.: Namun begitu Kerajaan British berkursus terhadap pertahanan dan hal ehwal kuar negeri Persekutuan Tanah Melayu.

Seluruh lahirnya Persekutuan Tanah Melayu itu, satu rangka perlumbaananya telah dibuat oleh Jawatankuasa Kerja yang terdiri dari orang-orang Melayu sesudah ianya dirundingan dengan kaum-kaum bukan Melayu dan Kerajaan British. Persekutuan Tanah Melayu mengembalikan semua kedaulatan Raja-Raja Melayu yang telah dirampas oleh Malayan Union, di samping itu ia akan mempunyai seorang Pesuruhjaya Tinggi, dan sebuah Majlis Undangan Persekutuan, dan sebahagian besar daripada

KANAN: KDYMM
Almarhum Sultan
Ibrahim Ibni Almarhum
Sultan Muhamad IV
sedang bertitah kepada
rakyat jelata





kuasanya telah diserahkan kepada kerajaan-kerajaan negeri terutama sekali mengenai hal ehwal tanah. Rancangan ini meliputi Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat, Melaka dan Pulau Pinang kecuali Singapura menjadi sebuah tanah jajahan British yang berasingan di luar Persekutuan Tanah Melayu. Dalam masa yang sama juga telah dimeritaikan perjanjian untuk mengadakan pilihanraya sebaik-baik sahaja masa untuk melaksanakannya tiba nanti.

Dengan kelahiran Persekutuan Tanah Melayu itu, maka Negeri Kelantan Darulnaim juga ikut menubuhkan Undang-Undang tubuhnya sendiri yang dikenali dengan nama "Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan Bahagian Pertama" yang telah diserahkan kepada rakyat.

Berikut dengan penyerahan Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan 1948 itu Baginda Sultan Ibrahim telah bertindak memansuhkan gelaran Raja Muda sebagai bakal Sultan Kelantan di mana Raja Muda yang julung-julung kali dikurniakan oleh Baginda ialah kepada anakanda Baginda Tengku Indera Petra, dan diganti dengan gelaran Tengku Mahkota Kelantan, yang julung-julung kali dikurniakan kepada anakanda Baginda Tengku

Yahya Petra yang telahpun bergelar Tengku Bendahara iaitu setelah Tengku Indera Putera dengan sukarela menolak jawatan itu dan berjanji tidak akan menuntutnya buas selama-lamanya.

Penyerahan Undang-Undang Tubuh itu dibuat oleh Baginda Sultan Ibrahim sempena dengan hari kelahiran Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 bertempat di Istana Balai Besar Kota Bharu. Bagi memenuhi maksud Perlembagaan Negeri itu Baginda juga telah menubuh sebuah Majlis Mesyuarat Undangan Negeri dan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja; kedua-dua majlis ini dipengerusikan oleh Baginda sendiri yang bertanggungjawab melantik ahlihinya seramai 30 orang untuk Dewan Undangan Negeri dan 8 orang untuk Majlis Mesyuarat Kerja (MMK).

Selain daripada Baginda Sultan, lain-lain anggota MMK ialah Penasihat British dan Penolongnya, Penasihat Undang-Undang, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Kerabat-kerabat dan orang-orang Besar Negeri yang difikir layak. MMK bersidang pada setiap hari Selasa, di antara tugasnya ialah untuk mengesahkan undang-undang negeri.

Selaps wujudnya Persekutuan Tanah Melayu 1948, maka persediaan sedang dibuat untuk menuju ke arah kemerdekaan

sendir, di mana tugas-tugas berat untuk membina dan membangun semula negara, terutama di bidang ekonomi sedang menunggu, tapi dalam keadaan seperti itu bila-bila meletus pula ancaman daripada anggota-anggota komunis yang dulunya lari masuk hutan akibat kegagalan merampas kuasa, tapi kali ini bangkit sekali lagi menunjukkan belang mereka dengan mengganas di seluruh negara dengan tujuan utama mereka untuk melumpukan ekonomi Persekutuan Tanah Melayu kerana itu sasaran utama serangan mereka ialah peladang-peladang getah dan pelombongan yang menguasai ekonomi negara waktu itu.

Di antara berbagai-bagai langkah yang telah diambil untuk membendung pengaruh komunis ialah mengenakan kawalan ketat terhadap pergerakan penduduk, iaitu dengan mewujudkan kawasan penempatan semula kepada penduduk-penduduk luar bandar yang tinggal berselerak di sini-sini dan terdahul kepada resapan pengaruh komunis, kebanyakannya mereka pula terdiri dari orang-orang China, di samping itu pembahagian makanan juga telah dicatut untuk mencegah daripada jatuh ke tangan komunis. Dalam hal ini Negeri Kelantan Darulnaim turut terlibat sama dalam rancangan penempatan semula penduduk dan juga dalam pencatuan makanan. Sepanjang masa darurat itu Baginda Sultan Ibrahim telah memain peranan yang penting dengan berangkat melawat ke segenap pelosok Negeri Kelantan Darulnaim untuk melihat sendiri penderitaan rakyatnya, dan juga untuk memberi penerangan dan kesedaran kepada mereka bagi mentantang komunis yang menjadi musuh negara itu.

Walaupun negara berada dalam pemerintahan darurat, tapi gerakan-gerakan politik telah berkembang subur di bumi Kelantan Darulnaim dalam zaman pemerintahan Baginda Sultan Ibrahim, yang telah memulakan zaman baru dalam kebangkitan umat Melayu bukan sahaja di Negeri Kelantan Darulnaim tapi juga di seluruh negara. Di Negeri Kelantan Darulnaim telah lahir berbagai pertubuhan dan gerakan yang bercorak politik, ataupun bertujuan politik dengan peranan masing-masing. Didorong oleh kebangkitan yang meluap-luap inilah maka pada 10 Julai, 1954 satu perarakan raksasa telah diadakan oleh rakyat Kelantan Darulnaim. Tarikh ini dipilih kerana mengenangkan hari kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Pertugis. Se-

ramai kira-kira 20,000 orang terdiri daripada berbagai-bagai peringkat umur telah berarak dalam bandar Kota Bharu untuk menuntut kerajaan supaya mengadakan Suruhanjaya Bebas dari luar negeri untuk mengkaji semula Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bagi mempercepatkan proses kemerdekaan tanah air.

Rombongan ini diketuai oleh Pegawai Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Tengku Indera Petra telah mengadap DYMM Sultan Ibrahim di Istana Balai Besar untuk menyembahkan tuntutan tersebut dan berjanji akan membawaanya ke Persidangan Raja-Raja Melayu yang akan diadakan pada 15 Julai, 1954, tapi tuntutan itu telah ditolak oleh persidangan tersebut.

Hasil daripada perjuangan yang gigih itu, terutama daripada pihak pribumi sendiri maka satu perlembagaan baru telah wujud dan dikuatkuasakan. Mengikut perlembagaan baru ini kuasa pemerintahan yang selama ini terletak di tangan Kerajaan Persekutuan akan diambilbalih oleh wakil-wakil rakyat yang dipilih yang telah diteapkan seramai 52 orang semuanya, ini tidak termasuk 3 orang ahli yang dilantik kerana jawatan, iaitu Setiausaha Kerajaan, Pegawai Negeri dan Setiausaha Kewangan, 11 orang wakil Negeri-Negeri, 22 orang wakil pihak yang berkepentingan, seperti pelombongan dan petani, 3 orang wakil kaum kaum kecil seperti Orang Asli dan Serani, dan 7 orang ahli tambahan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi, di mana 2 daripadanya dilantik sebagai ahli rasmi dan 5 lagi dilantik sebagai ahli ahli tidak rasmi yang dilantik setelah berundung terlebih dulu dengan parti yang menang.

Pilihanraya pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan pada 27.7.1955 bagi kawasan Parlimen, dan pada 19.9.1955 untuk kerusi Dewan Undangan Negeri. Untuk Parlimen terdapat 5 kerusi yang dipertandingkan dan untuk DUN pula sebanyak 16 kerusi. Sebahagian lagi anggota DUN adalah dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dan KDYMM Al Sultan. Menurut peraturan waktu itu Pengerusi atau Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri ialah Menteri Besar dan Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Keputusan kedua-dua pilihanraya Parlimen dan DUN Kelantan Darulnaim itu telah memberi kemenangan yang penuh kepada PERIKATAN, sedangkan di peringkat Pusat pula PERIKATAN

juga mencapai kemenangan besar iaitu membolot 51 daripada 52 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Kawasan-kawasan Parlimen Negeri Kelantan Darulnaim yang dimenangi oleh PERIKATAN dalam pilihanraya 27 Julai 1955 ialah Kelantan Selatan, Kelantan Timur, Pasir Mas, Kelantan Utara dan Kelantan Tengah.

Sementara kawasan DUN Negeri Kelantan Darulnaim yang dimenangi oleh PERIKATAN dalam pilihanraya 19.9.1955 ialah Ulu Kelantan, Machang, Tanah Merah, Bachok Utara, Bachok Selatan, Pasir Puteh Utara, Pasir Puteh Selatan, Pasir Mas Utara, Pasir Mas Selatan, Pasir Mas Tengah, Tumpat Utara, Tumpat Selatan, Bandar Kota Bharu, Kota Bharu Utara, Kota Bharu Tengah dan Kota Bharu Selatan.

Pada tahun 1955 ini juga KDYMM Baginda Al-Sultan Ibrahim mengurniai pula Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Kedua) kepada rakyat Kelantan Darulnaim. Bagi memenuhi kehendak Perlembagaan Bahagian II, Baginda telah menubuh "Majlis Perajaan Negeri" (Council Of Succession Of Kelantan) dan "Majlis Penasihat Raja" di mana kedua-dua ahli majlis itu dilantik oleh KDYMM Baginda Sultan sendiri. Tidak ada sesiapapun yang boleh menaiki takhta kerajaan Kelantan tanpa disahkan oleh MPN terlebih dahulu.

Kemudian pada bulan Mac 1956, sebuah Suruhanjaya Perlembagaan Bebas telah dilantik yang diketuai oleh Lord Reid, di mana penyatanya yang akhir telah dijadikan sasas Perlembagaan Negara ini dan diterbitkan pada bulan Februari, 1957. Selepas dipersetujui oleh semua kaum yang terbesar di negara ini, iaitu Melayu, China dan India, maka pada bulan Ogos, 1957 maka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pun ditandatangani oleh pihak-Ratu Inggeris dengan Raja-Raja Melayu. Akhirnya perjuangan orang Melayu yang panjang itu telah mencapai matlamatnya, di mana Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. KDYMM Baginda Sultan Ibrahim telah berangkat bersama-sama Baginda - Baginda Raja Melayu yang lain untuk menyaksikan sendiri peristiwa yang bersejarah, Persyntahan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur. Ribuan rakyat ikut hadir menyambut ketibaan hari kemerdekaan yang bertuah itu.

Pilihanraya kedua bagi Persekutuan Tanah Melayu dan yang pertama selepas merdeka pula telah diadakan pada tahun 1959M bagi mendapat mandat yang baru untuk memerintah secara demokrasi. Bagi Negeri Kelantan Darulnaim dalam pilihanraya kali ini mempunyai 10 kerusi Parlimen dan 30 kerusi Dewan Undangan Negeri, pilihanraya Parlimen diadakan pada 19.8.1959 dan pilihanraya DUN Kelantan Darulnaim pula diadakan pada 20.6.1959.

Keputusan pilihanraya itu memberi kemenangan besar kepada PAS di Kelantan Darulnaim, iaitu membolot 9 kerusi Parlimen dan 28 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan Darulnaim. Seorang Menteri Besar, seorang Speaker atau Yang Di Pertua Dewan telah dilantik untuk mengetuai Dewan, tapi Pengurus Majlis Mesyuarat Kerja (MMK) adalah Menteri Besar.

Dua puluh lapan kerusi DUN yang dimenangi oleh PAS dalam pilihanraya 20 Jun 1959 itu ialah Machang Selatan, Machang Utara, Tanah Merah Timur, Tanah Merah Barat, Pasir Puteh Utara, Pasir Puteh Tengah, Pasir Puteh Tenggara, Bachok Utara, Bachok Tengah, Bachok Selatan, Tendong, Meranti, Bandar Pasir Mas, Lemal, Tok Uban, Rantau Panjang, Tumpat Tengah, Tumpat Timur, Kuala Kelantan, Kota Bharu Utara, Kota Bharu Pantai, Bandar Hilir, Bandar Hulu, Kota Bharu Tengah, Kota Bharu Timur, Kota Bharu Barat dan Kota Bharu Selatan. Sementara dua kerusi DUN yang dimenangi oleh PERIKATAN pula ialah Ulu Kelantan Barat dan Ulu Kelantan Timur.

Sembilan kerusi Parlimen yang dimenangi oleh PAS dalam pilihanraya 19 Ogos 1959 ialah Tanah Merah, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas Hilir, Pasir Mas Hulu, Tumpat dan Kelantan Hilir. Sementara sebuah kerusi yang dimenangi oleh PERIKATAN ialah Ulu Kelantan.

Sejak itu bermulalah pemerintahan PAS di Negeri Kelantan Darulnaim dengan diketuai oleh Menteri Besarnya yang pertama

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

iaitu Haji Ishak Lotfi yang menang kawasan DUN Kota Bharu Selatan.

Perkembangan Negeri

Selama 16 tahun Negeri Kelantan Darulnaim di bawah pemerintahan KDYMM Baginda Sultan Ibrahim, berbagai-bagai badai dan gelombang telah melanda, berbagai peristiwa suka dan duka telah dijumpai. Pertukaran pemerintahan telah beberapa kali berlaku dalam masa 16 tahun pemerintahan Baginda itu, bermula dengan pemerintahan Jepun kemudian Negeri Kelantan Darulnaim diperintah oleh Siam, dari pemerintahan Siam kepada pemerintahan Inggeris, kemudian beralih ke zaman pemerintahan sendiri. Di samping itu beberapa peristiwa pahit pula telah berlaku, iaitu Jepun tewas, kumpulan Bintang Tiga telah muncul mengganas untuk merampas kuasa, kemudian timbul Rancangan Malayan Union tajaan Inggeris yang menggemparkan Orang Melayu. Selepas itu timbul pula pemberontakan komunis yang membawa kepada perisytiharaan darurat, dan timbulnya Persekutuan Tanah Melayu mengantikkan Malayan Union. Pilihanraya pertama sebelum merdeka pada tahun 1955 yang membawa kemenangan kepada PERIKATAN untuk memerintah Kelantan Darulnaim kemudian kelahiran kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957, dan pilihanraya kali kedua pada tahun 1959 di mana Negeri Kelantan Darulnaim telah jatuh ke tangan PAS pula. Tidaklah dapat dinafikan bahawa semua peristiwa ini telah menyebabkan perkembangan dan kemajuan negara seluruhnya menjadi terbantut, dan tidak dapat berjalan dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun sedikit sebanyak pembangunan memang dapat dirasai sepanjang masa pemerintahan KDYMM Baginda Sultan Ibrahim selama 16 tahun itu, baik dari segi rohani dan juga jasmaninya.

Banci Penduduk

Pada tahun 1947 keramatan penduduk Kelantan Darulnaim telah dibanci dan didapati berjumlah seramai kira-kira 449,000 orang

berbanding dengan jumlah penduduk Persekutuan Tanah Melayu kira-kira seramai 4,908,000 orang.

Pada tahun 1957 sekali lagi penduduk Negeri Kelantan Darulnaim dibanci dan didapati berjumlah seramai kira-kira 506,000 orang, berbanding dengan penduduk Persekutuan Tanah Melayu berjumlah seramai kira-kira 6,279,000 orang (8.1%).

Perkembangan

Pada tahun 1957 Sekolah Arab Nilam Lilbanat telah dibina dan dibuka dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$80,000.00 daripada Kerajaan Pusat.

Pada tahun 1958, Sekolah Menengah Arab Saniah Pasir Puteh mulai dibina dan siap pada tahun 1959, dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$150,000.00 daripada Kerajaan Pusat.

Selain itu beberapa buah sekolah Inggeris juga telah dibuka dalam zaman pemerintahan Baginda KDYMM Al Sultan Ibrahim seperti Sekolah Rendah dan Menengah Inggeris Zainab, Kota Bharu, dan Sekolah Rendah dan Menengah Ibrahim, Pasir Mas.

Perhubungan

Pada tahun 1955 sebuah bangunan terminal baru Lapangan Terbang Pengkalan Chepa telah siap dibina, iaitu serentak dengan siapnya bangunan terminal baru di Lapangan Terbang Kuala Lumpur sebagai sebuah lapangan terbang antara bangsa untuk berkhidmat di dalam dan di luar negeri.

Pada tahun 1959 Jambatan Stan yang menghubungkan Bandar Kota Bharu dengan Jajahan Bachok telah siap dibina dan diresmikan pembukaannya oleh KDYMM Baginda Sultan Ibrahim.

Tanah Dan Pertanian

Mulai tahun 1955 tanah-tanah di Negeri Kelantan Darulnaim disukat sekali lagi, oleh satu pasukan kerja yang dipanggil Pasukan

Rancangan Penyelesaian Tanah Kerajaan Pusat yang telah dihantar ke Kelantan Darulnaim. Tanah-tanah yang disukat kali ini ialah tanah-tanah yang mempunyai hakmilik tapi tidak disukat dengan teliti sebelum itu supaya hakmilik baru bagi tanah-tanah itu dapat dikeluarkan. Pasukan ini telah memberi sumbangan besar kepada pentadbiran tanah negeri.

Pada tahun 1958 rancangan tanah Air Lanas, Tanah Merah, dan Pasir Kelang, Kuala Krai telah dibuka kepada rakyat negeri ini.

Patut benar disebut bahawa salah satu kemajuan yang penting yang telah dicapai di zaman pemerintahan KDYMM Baginda Sultan Ibrahim ialah meningkatnya kesedaran rakyat terhadap harga diri dan menyalanya semangat untuk membebaskan diri dari belenggu penjajah dan mencapai kemerdekaan sebagai suatu bangsa berdaulat yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini.

BAB VIII

**KDYMM Tengku Yahya Petra
Ibni Almarhum Sultan Ibrahim
Sebagai Sultan Yahya Petra**
D.K.M., D.K., D.M.N. S.M.N., S.P.M.K.,
S.J.M.K., S.P.S.K.,
D.K. (Selangor), D.K. (Terengganu),
D.K. (Kedah), D.K. (Brunei), D.K. (Pahang),
D.K. (Perlis), D.P. (Sarawak).
(1960 — 1979)



KDYMM SULTAN YAHYA PETRA



DYMM RAJA PEREMPUAN ZAINAB

Peristiwa Semasa

KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra menaiki takhta kerajaan setelah negara mencapai kemerdekaan selama kira-kira 2 tahun lebih, dan pada masu itu telah dua kali diadakan pilihanraya untuk Parlimen dan juga untuk Dewan Undangan Negeri. Pilihanraya pertama diadakan pada tahun 1955 yang telah memberi kemenangan kepada PERIKATAN untuk memerintah Negeri Kelantan Darulnaim dan pilihanraya kedua pula diadakan pada tahun 1959 yang memberi kemenangan kepada PAS pula untuk memerintah Negeri Kelantan Darulnaim.

Selsetelah beberapa tahun KDYMM Baginda Tengku Yahya Petra menaiki takhta kerajaan pada tahun 1960, maka satu perkembangan yang besar telah berlaku di negara ini, iaitu kemerdekaan negara Malaysia pada 16 September, 1963 yang merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak, tapi Singapura tak lama dalam Malaysia kerana ia ditendang ke luar. Gagasan Malaysia disambut dengan tentangan hebat dari dalam dan luar negeri, termasuklah tentang tentang PAS yang telah berjaya membentuk kerajaan memerintah Negeri Kelantan Darulnaim sejak tahun 1959, iaitu setelah memenangi pilihanraya pertama selepas merdeka; untuk tujuan menentang pembubuhan Malaysia itu PAS telah menyertai Barisan Bersatu, yang dianggotai oleh Barisan Sosialis, People Progressive Party (PPP), dan United Democratic Party (UDP). Malah lebih jauh lagi sebelum kelahiran Malaysia pada 16 September, 1963, PAS telah membuat dakwaan di Mahkamah Tinggi Persekutuan terhadap kerajaan PERIKATAN kerana membentuk Malaysia tanpa mendapat keputusan daripada Raja-Raja Melayu, khususnya KDYMM Al-Sultan Kelantan Darulnaim. Tapi dakwaan itu gagal kerana ditolak oleh Mahkamah yang berpendapat kerajaan PERIKATAN tidak menyalahgunakan kuasanya untuk melulus Akta Malaysia itu.

Pilihanraya ketiga bagi Malaysia dan yang kedua selepas merdeka telah diadakan pada 25 April 1964 iaitu serentak untuk Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Keputusannya untuk DUN PAS telah menang 21 daripada 30 kerusi yang dipertandingkan yang membolehkan PAS terus memerintah Kelantan Darulnaim, dan PERIKATAN memenangi 9 kerusi, dan untuk Parlimen

pula PAS memenangi 9 daripada 10 kerusi yang dipertandingkan dan satu kerusi lagi dimenangi oleh PERIKATAN.

Dua puluh satu kawasan DUN yang dimenangi oleh PAS ialah Tumpat Barat, Kuala Kelantan, Kota Bharu Utara, Kota Bharu Pantai, Meranti, Tendong, Bandar Pasir Mas, Kota Bharu Tengah, Bachok Utara, Bachok Tengah, Bachok Selatan, Kota Bharu Selatan, Rantau Panjang, Lemal, Tok Uban, Pasir Puteh Utara, Pasir Puteh Tenggara, Tanah Merah Timor dan Tanah Merah Barat.

Sementara 9 kawasan DUN yang dimenangi oleh PERIKATAN pula ialah Tumpat Tengah, Tumpat Timor, Bandar Hilir, Bandar Hulu, Pasir Puteh Tengah, Machang Utara, Machang Selatan, Ulu Kelantan Timor dan Ulu Kelantan Barat.

Sembilan kawasan Parlimen yang dimenangi oleh PAS pula ialah Tumpat, Kelantan Hilir, Pasir Mas Hilir, Kota Bharu Hilir, Bachok, Kota Bharu Hilir, Pasir Mas Hulu, Pasir Puteh dan Tanah Merah; hanya 1 kerusi sahaja dimenangi oleh PERIKATAN iaitu di Ulu Kelantan.

Untuk memenuhi hasrat pemerintahan demokrasi maka pada 10 Mei, 1969 tiba pula pilihanraya kebangsaan yang berlangsung dalam suasana yang hangat kerana isu-isu perkauman telah dipergunakan dengan seluas-luasnya oleh parti-parti politik. Keputusan pilihanraya kali ini PAS telah menang sekali lagi di Kelantan Darulnaim dengan merangkul 20 daripada 30 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 6 daripada 10 kerusi Parlimen Kelantan Darulnaim.

Kawasan-kawasan DUN yang dimenangi oleh PAS ialah Tumpat, Kuala Kelantan, Kota Bharu Utara, Kota Bharu Pantai, Meranti, Tendong, Bandar Pasir Mas, Bandar Hilir, Bandar Hulu, Kota Bharu Tengah, Bachok Utara, Bachok Tengah, Bachok Selatan, Kota Bharu Timor, Kota Bharu Barat, Kota Bharu Selatan, Lemal, Tok Uban, Pasir Puteh Utara dan Tanah Merah Timor.

Sementara kawasan DUN yang dimenangi oleh PERIKATAN pula ialah Tumpat Tengah, Tumpat Timor, Rantau Panjang, Pasir Puteh Tengah, Pasir Puteh Tenggara, Machang Utara, Tanah Merah Barat, Machang Selatan, Ulu Kelantan Timor dan Ulu Kelantan Barat.

Kawasan Parlimen yang dimenangi oleh PAS dalam pilihanraya 1969 itu ialah Kelantan Hulu, Pasir Mas Hulu, Bachok, Kota Bharu Hulu, Pasir Mas Hulu dan Pasir Puteh. Sementara kawasan Parlimen yang dimenangi oleh PERIKATAN pula ialah Tumpat, Kota Bharu Hulu, Tanah Merah dan Ulu Kelantan.

Walaupun keputusan pilihanraya telah diisyiharkan, tapi suasana hangat membakar masih lagi membahang, yang menyebabkan meletusnya pergaduhan kaum yang lebih dikenal dengan nama Peristiwa 13 Mei yang meragut ramai nyawa manusia dan memusnahkan banyak harta benda. Untuk mengawal keganasan dari terus merebak, undang-undang Darurat pun diisyiharkan di seluruh negara maka dengan itu Perlembagaan dan Parlimen pun digantung. Untuk menjalankan pemerintahan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) atau National Operation Consul (NOC) telah ditubuhkan oleh kerajaan dengan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai pengarahnya.

Kemudiannya bila ketenteraman awam telah terjamin, maka 22 Februari 1971 MAGERAN pun dibubarakan, dan demokrasi telah dikembalikan semula ke pangkuhan rakyat. Pada 28 – 29 Mac 1971, Perdana Menteri YAB Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein buat pertama kalinya telah berkunjung ke Negeri Kelantan Darulnaim dan disambut oleh Menteri Besar, Dato Haji Mohamed Asri bin Haji Muda. Dalam lawatan itu Allahyarham Tun Abdul Razak telah berucap dan memberi amanat kepada Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Pusat, bertempat di Istana Balai Besar, Kota Bharu, di antara lain Allahyarham Tun Abdul Razak menegaskan ‘Masalah sekarang bukanlah sama ada PERIKATAN akan kekal memerintah atau PAS akan berkuasa tapi ialah soal nasional untuk kepentingan bangsa dan negara’.

Pada 19.8.1971, sekali lagi Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussien berkunjung ke Kelantan Darulnaim dalam kunjungan itu Allahyarham Tun Abdul Razak telah menghadap KDYMM Al Sultan Tengku Yahya Petra dan DYMM Raja Perempuan Tengku Zainah.

Selaras pembubaruan MAGERAN, suasana politik yang baru telah lahir, iaitu wujudnya Kerajaan Campor di peringkat negeri dan pusat. Pada 1 Januari 1973 lahirlah Kerajaan Campor di peringkat Negeri Kelantan Darulnaim, antara PAS – PER-

IKATAN. Di Kelantan Darulnaim, Kerajaan Negeri dipimpin oleh Dato' Haji Mohamed bin Nasir sebagai Menteri Besar yang mengangkat sumpah di hadapan KDYMM Al Sultan pada 2 Januari 1973. Sebagai memenuhi hasrat kerajaan Camporan itu 3 orang anggota UMNO telah dilantik menjadi anggota EXCO bersama-sama dengan anggota PAS yang berjumlah seramai 6 orang semuanya termasuk Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan tidak termasuk tiga orang anggota Ex-Officio yang dilantik kerana jawatan mereka.

Di peringkat Pusat pula selain daripada ditubuh sebuah jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan Kerajaan Camporan beberapa orang Ahli Parlimen PAS telah dilantik menjadi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan juga Duta Yang Di Pertua Agong PAS, Dato' Haji Mohd. Asri bin Haji Muda telah menyertai Kabinet Pusat dan dilantik menjadi Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas.

Kerajaan Camporan ini telah berjaya menukar suasana politik yang lebih stabil lagi, iaitu kelahiran Barisan Nasional (BN) pada 1 Jun. 1974 menggantikan PERIKATAN, pada peringkat awalnya Barisan Nasional disertai oleh berbagai-bagi parti komponen iaitu Pertubuhan Kabangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Pertubuhan China Malaysia (MCA), Kongress India Malaysia (MIC), Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GRM), Parti Proresif Rakyat (PPP), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Pusaka Bumiputra Bersatu (PPBB), dan Parti Perikatan Sabah. Dengan tertubuhnya Kerajaan Barisan Nasional ini maka suasana politik negara bertambah stabil.

Pada 24 Ogos. 1974 Pilihanraya Kebangsaan telah diadakan di mana UMNO, PAS dan MCA telah bertanding atas tiket BN di Kelantan Darulnaim. Keputusannya Barisan Nasional telah mencapai kemenangan membentuk semua kerusi yang dipertandingkan, iaitu 36 kerusi DUN Kelantan Darulnaim dan 12 kerusi Parlimen bagi Negeri Kelantan Darulnaim dengan pembahagian kerusi 22 kerusi DUN untuk PAS, 13 kerusi DUN untuk UMNO, 1 kerusi DUN untuk MCA, sementara kerusi Parlimen pula PAS mendapat 7 kerusi dan UMNO mendapat 5 kerusi. Untuk memimpin Kerajaan Negeri ini (Dato') Haji Mohd. Nasir telah dilantik menjadi Menteri Besarnya.

KDYMM Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim Sebagai Sultan Yahya Petra (1960 — 1979)

Baginda Tengku Yahya Petra

Tengku Yahya Petra adalah putera kepada almarhum KDYMM Sultan Ibrahim. Baginda disyntiharik menaiki takhta kerajaan sebagai Sultan dan Yang Di Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim yang ke 27 pada hari Ahad, 10 Julai, 1960 (16 Muharam 1380) dengan gelaran Sultan "Yahya Petra" menggantikan Sri Paduka ayahandanya Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Muhammad IV yang mangkat pada 9 Julai 1960.

Puja umur Baginda Sultan Yahya Petra yang pertama telah diadakan pada 10 Disember, 1960 (12 Jamadil Akhir 1380) dan kemudiannya diikuti oleh istiadat pertabalan dan kemahkotaan Baginda yang diadakan secara besar-besaran pada 17 Julai, 1961 (4 Safar 1381H), bersama-sama dengan DYMM Raja Perempuan Tengku Zainah binti Almarhum Tengku Muhammad Petra (Tengku Sri Utama Raja) di Istana Balai Besar, Kota Bharu.

KDYMM Tengku Yahya Petra sebelum menaiki takhta kerajaan dan semasa bergelar Tengku Bendahara bersemayam di Istana Batu yang terletak di belakang Istana Jahar. Tapi pada tahun 1961, selepas ditabah menjadi Sultan KDYMM Baginda Tengku Yahya Petra telah berpindah bersemayam di Istana Kota Lama, di Jalan Sultanah Zainab yang dibina pada tahun 1903.

KDYMM Tengku Yahya Petra Ibni Al Marhum Sultan Ibrahim diputerakan pada pukul 4.00 petang, 10 Disember, 1917M (25 Safar 1336H), di Istana Balai Besar, Kota Bharu. Semasa kecilnya Baginda telah dididik dan diaisuh dengan ilmu agama Islam yang sempurna di Istana kediaman Baginda.

Ketika Baginda berusia 14 tahun, iaitu dalam usia muda remaja. Baginda telah berangkat untuk belajar di Prince Light School Penang setelah 4 tahun menuntut di situ, maka 1 November, 1934M; Baginda berangkat pulang ke England selama 6 tahun dan berangkat pulang ke Kelantan pada bulan Februari, 1939. Penghantaran Baginda belajar oleh ayahanda Baginda KDYMM Al Marhum Sultan Ibrahim adalah sejajar dengan seruan ayahanda Baginda yang menggesa Kerajaan Negeri supaya mengadakan biasswa-biasswa untuk anak-anak Kelantan Darulnaim melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Ketika meningkat usia 22 tahun, maka pada 4 Jun, 1939 berlangsunglah istiadat perkahwinan Baginda dengan Yang Mulia Tengku Zainah binti Almarhum Tengku Muhammad Petra (Tengku Sri Utama Raja). Baginda telah dikurniakan dengan 7

orang cahayamat, 6 puteri dan seorang putera, tapi 2 orang daripada puteri-puteri Baginda mangkat sewaktu masih kecil lagi. Putera tunggal Baginda ialah KDYMM Tengku Ismail Petra, Sultan dan Yang Di Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim sekarang.

KDYMM SULTAN YAHYA PETRA IBNI ALMARHUM SULTAN IBRAHIM

- Tengku Marijam
- Tengku Rozan
- Tengku Salwani
- Tengku Rohani
- Tengku Ismail Petra

Baginda dikurniakan dengan gelaran "Tengku Temenggong" pada 21 Julai 1939 dan juga menerima kurniaan Darjah Kebesaran Al-Yunus, Darjah "Kerabat Yang Amat Dihormati" (DK) daripada Almarhum Baginda Sultan Ismail.

Untuk mendekatkan Baginda dengan berbagai-bagai pengalaman dalam pemerintahan dan pentadbiran, maka Baginda telah dilantik memegang beberapa jawatan penting di dalam institusi-institusi Kerajaan Negeri. Pada tahun 1941 hingga 1947M Baginda telah dilantik menjadi Naib Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sebuah institusi agama yang tertua di negeri ini yang telah lama bertanggungjawab meninggikan Syiar Islam.

Pada 13 November, 1943 Baginda Sultan Yahya Petra yang waktu itu bergelar Tengku Temenggong telah dilantik menjadi Setiausaha Sulit kepada Seri Paduka Ayahanda Baginda Sultan Ismail. Pada 2 April, 1944, Baginda telah dilantik menjadi Penolong Ketua Bendahari Negeri, kemudian pada 6 Februari 1945 Baginda dilantik memegang jawatan Ketua Jajahan Kota Bharu, dan dalam tahun 1945M. Baginda telah dilikurniakan dengan gelaran "Tengku Bendahara" oleh ayahanda Baginda Sultan Ibrahim.

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

KANAN: KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim memakai mahkota.

Daripada awal hingga pertengahan tahun 1948, Baginda Sultan Yahya telah dilantik memangku jawatan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, kemudian pada 1 Januari 1948 Baginda dilantik menjadi Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang tetap sehingga 31 Disember, 1953. Dengan itu tidak syak lagi bahawa segala kejayaan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan hari ini adalah juga hasil dari buah fikiran dan kurniahan jasa Baginda sendiri yang secara langsung pernah terlibat dalam institusi agama yang tertua itu.

Pada 1 Februari 1948M sempena dengan kelahiran Persekutuan Tanah Melayu, Baginda dengan rasminya dilantik menjadi Tengku Mahkota Kelantan dalam satu istiadat yang penuh berasjerah bertempat di Istana Balas Besar. Baginda telah dilantik setelah gelaran Raja Muda sebagai Pemangku Raja dimansuhkan, dan selepas kekandanya Tengku Indra Petra membuat keputusan menyerahkan kedudukannya sebagai pewaris takhta kerajaan dan berjanji zuriat-zuriatnya tidak akan menuntut lagi jawatan tersebut di masa-masa akan datang.

Dalam masa Baginda memegang Jawatan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan satu perubahan besar telah berlaku dalam perlantikan anggota Mesyuarat MAIK. Dalam perlantikan yang dibuat pada 19 Disember, 1953M, julung-julung kalinya wakil-wakil dari jajahan-jajahan seluruh Negeri Kelantan Darulnaim telah dilantik menganggotai Majlis Mesyuarat tersebut, di samping wakil-wakil pertubuhan, termasuk wakil UMNO dan Persetiaan Melayu Kelantan yang kesemuanya berjumlah seramai 15 orang, termasuk Yang Di Pertua YTM Tengku Mahkota, Tengku Yahya Petra. Dalam titah ucapannya di majlis mesyuarat pada hari itu, YTM Tengku Yang Di Pertua MAIK telah bermotif menjelaskan bahawa perubahan anggota mesyuarat itu dibuat untuk membolehkan adat dan Agama Islam berkembang dengan lebih baik lagi di Negeri Kelantan Darulnaim. Baginda di antara lain bertitah, "Dengan jalan menubuhkan jawatankuasa yang lebih umum yang mengandungi daripada wakil-wakil pertubuhan Islam yang terkenama dan wakil-wakil penduduk muslimin pada tiap-tiap jajahan di dalam Kelantan Darulnaim supaya asas-asas agama dan adat-adat kita dapat dipelihara dengan lebih teguh dan sempurna".



Di majlis itu juga Baginda Tengku Yahya Petra telah bertitah mengumumkan bahawa khidmat Baginda telah tamat pada hari itu dan Baginda juga bertitah mengumumkan bahawa KDYMM Al Sultan Ibrahim telah mengampuni berkenan dan bersetu selepas itu melantik Yang Di Pertua MAIK terdiri daripada Pegawai-Pegawai Tadbir Melayu Kelantan Darulnaim yang tertua.

Sejak menjadi Tengku Mahkota lagi Baginda Tengku Yahya Petra sangat mengambil berat tentang Negeri Kelantan Darulnaim dan rakyat jelatanya, baik dalam aman ataupun dalam masa kesusahan. Dalam zaman pemerintahan Baginda (1948 — 1960) darurat hermahrajalela di seluruh negara, dan Baginda tidak merasa gentar untuk berangkat menjelajah ke seluruh pelosok

Negeri Kelantan Darulnaim dengan menaiki motokar, keretapi, jip, berperahu dan juga berjalan kaki sampai ke kampung-kampung terpencil untuk menyaksikan sendiri segala penderitaan dan kesusahan yang memimpin rakyatnya, dan memberi nasihat kepada mereka supaya sentiasa awas dan waspada terhadap ancaman-ancaman

komunis yang menjadi musuh negara. Sikap Baginda yang mulia ini menarik rakyat untuk menyayangi Baginda sepanjang masa, dan merapatkan lagi hubungan muhibah Baginda dengan rakyat jelata sekaliannya.

Pada 9 Ogos 1950, bersempena dengan Hari Keputeraan Baginda Sultan Ibrahim, maka Baginda telah dianugerahkan dengan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia Peringkat Pertama Al-Muhammadi (S.P.M.K.) oleh Seri Paduka Ayahanda Baginda Sultan Ibrahim. Kemudian pada 5 Jun. 1952, Baginda telah dilantik menjadi tolan Kemahkotaan Bagi Darjah Kebesaran St. Michael dan St. George Yang Amat Terbilang (C.M.G.) oleh Ratu Elizabeth II, England.

Pada tahun 1953M. Baginda Sultan Yahya Petra sebagai Tengku Mahkota telah dilantik menjadi Pemangku Raja dari 3 hingga 30 Jun. 1953 kerana KDYMM Baginda Sultan Ibrahim berangkat ke England menghadiri Istiadat Kemahkotaan Ratu Inggeris Queen Elizabeth II, dan sekali lagi pada 12 Ogos. 1958 Baginda dilantik sebagai Pemangku Raja sehingga 12 Disember, 1958M.

Pada hari yang bersejarah ulangtahun pertama kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, iaitu 31 Ogos, 1958 Baginda telah dilantik menjadi Seri Maharaja Bagi Darjah Kebesaran Seri Mangku Negara (S.M.N) oleh KDYMM Sri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong yang pertama Kemudian pada 9 Ogos 1959, Baginda telah dikurniakan dengan Darjah Kebesaran Al Ismaili, iaitu Darjah Jwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia, Peringkat Yang Pertama (S.J.M.K.) oleh KDYMM Sri Paduka ayahanda Baginda Sultan Ibrahim. Pada tahun 1961 sempena dengan Hari Kemahkotaan Baginda, maka KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra telah dianugerahkan dengan Darjah Utama Sri Mahkota Negara (D.M.N).

Di samping itu Baginda juga telah dikurniakan dengan berbagai-bagai Darjah Kebesaran yang lain, di antaranya Darjah Kerabat Brunei Yang Amat Dihormati (D.K. Brunei) pada tahun 1961, Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K. Terengganu) pada tahun 1964, Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Mulia (D.K. Selangor) pada tahun 1966, dan Darjah Kerabat Kedah Yang Amat Mulia (D.K. Kedah) pada tahun 1969.

Pada 9 Oktober, 1966 Baginda telah diberi penghormatan sebagai Kernal Ketua Pasukan Meriam Malaysia.

Pada 9 Oktober, 1962 KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra bersama dengan DYMM Raja Perempuan dan rombongannya telah berangkat melawat Negeri Thai selama 12 hari.

Pada 18 April 1966, KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra telah berangkat membuat lawatan keluar negeri, iaitu melawat negara-negara di Timur Jauh selama kira-kira dua bulah setengah dan juga membuat lawatan ke beberapa buah negara lain, termasuk Jepun, Taiwan dan Hongkong, di mana lawatan-lawatan seumpama itu dapat menambah pengalaman Baginda dalam melaksanakan tugas-tugas Baginda sebagai seorang Raja yang memerlukan. Sesama berada di Negeri Matahari terbit itu Baginda berpeluang mengadap Maharaja dan Maharani Jepun yang merupakan satu penghormatan yang tinggi kerajaan Jepun kepada Baginda ketika itu.

Baginda mempunyai pandangan yang jauh untuk melihat syiar Islam berkembang dengan pesat di negara ini, sehingga pada tahun 1965 Baginda tidak keberatan menggunakan Istana Nilam Puri dan kawasannya yang luas itu sebagai bangunan permulaan kepada Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri yang dibina oleh Kerajaan Negeri pada waktu itu.

Kira-kira 8 tahun menaiki takhta kerajaan, maka tiba-tiba pada tahun 1968, Baginda telah jatuh gering dan terpaksa diterbangkan dengan kapal terbang RMAF untuk mendapat rawatan khas di Rumah Sakit Umum Kuala Lumpur selama 3 bulan. Semasa dalam kegagiran itu, menantu Baginda Yang Mulia Tengku Sri Utama Raja, Tengku Abdul Aziz bin Tengku Muhammad Hamzah telah dilantik menjadi Pemangku Raja.

Baginda sentiasa ingin melihat rakyat Baginda hidup dalam kemajuan dan rukun damai, dan menjauhkan perselisihan politik sesama sendiri yang tercermin di dalam setiap ucapan titah Baginda yang menyeru setiap rakyat jelata sekaliannya hidup dalam rukun damai dan membenamkan segala perselisihan politik dan sebaliknya berusaha dengan gigih untuk meninggikan taraf hidup mereka.

KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra gemarkan bunga-bunga kerana itu berbagai jenis bunga boleh didapati di halaman istana Baginda. Di samping itu Baginda juga gemar bermain dengan binatang-binatang liar yang diimakam seperti rusa, kijang dan lain-lain. Baginda pernah menghadiahkan beberapa ekor binatang peliharaan Baginda kepada Taman Negara, Kuala Lumpur.

Pada 22 Julai 1970, Baginda telah dilantik menjadi Timbalan Yang Di Pertuan Agong oleh Persidangan Raja-Raja yang berlangsung pada hari tersebut. Istiadat mengangkat sumpah untuk perlantikan tersebut telah disempurnakan pada 21 September 1970. Kemudiannya Baginda telah dilantik menjadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong oleh Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 19 Jun, 1975, dan istiadat mengangkat sumpah untuk jawatan tersebut berlangsung pada 21 September, 1975. Jawatan yang tinggi ini telah membawa Baginda berangkat ke Kuala Lumpur untuk bertugas sepuken masa anakanda Baginda DYMM Tengku Ismail Petra telah dilantik menjadi Pemangku Sultan menjalankan urusan sebagai Ketua Kerajaan Negeri mengganti Seri Paduka ayahanda Baginda Tengku Yahya Petra.

Dalam zaman pemerintahan Bagindalah negara Malaysia mencapai kemajuan yang amat pesat.

KDYMM Baginda Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Kelantan yang ke 27 dan Yang Di Pertuan Agong yang keenam telah mangkat secara mengejut pada hari Kamis 29 Mac 1979 (1 Jamadil Awal 1399H) jam 3.45 petang di Istana Negara, Kuala Lumpur dalam usia 61 tahun, 3 bulan, 19 hari. Baginda mangkat selepas santapan tengahari dan ketika beristirahat bersama keluarga Baginda di Istana Negara. Kalau tidak ada aral melintang mengikut rancangananya KDYMM Baginda Tengku Yahya Petra akan berangkat ke Labuan, di mana segala persiapan telah dibuat dan diatur dengan cermatnya. Jenazah Baginda telah diterbangkan di Negeri Kelantan Darulnaim untuk disemadikan di Perkuburan Di Raja Langgar, Kota Bharu. Baginda mangkat dalam saat Baginda menghabiskan usia Baginda sebagai Ketua Negara Yang Terhormat dan menjadi lambang sebagai sebuah negara yang berdaulat setelah memerintah Negeri Kelantan Darulnaim dengan aman dan damai selama 15 tahun. Seluruh negara secara spontan diselubungi oleh awan mendung kesedihan yang tidak terkira.

DYMM Tengku Zainab Binti Tengku Muhammad Petra SPMK Raja Perempuan Kelantan (1960 — 1979)

DYMM Tengku Zainab adalah permaisuri kepada Almarhum KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim, dan bonda kepada KDYMM Baginda Sultan Ismail Petra sekarang. Baginda diputerakan pada hari Rabu 7 Ogos 1917 (19 Syawal 1335). Ayahanda Baginda ialah Tengku Muhammad Petra (Tengku Sri Utama Raja) dan bonda Baginda pula ialah Tengku Kembang Petri (Tengku Maharani Petri).

ialah puteri kepada Almarhum Baginda Sultan Muhammad IV yang memerintah Kelantan Darulnaim dari tahun 1899 hingga 1920M.

Semasai Baginda masih kecil, Baginda diberi didikan dan asuhan oleh ayahanda dan bonda Baginda dengan penuh adat sopan dengan tingkah laku yang mulia sebagai seorang puteri Raja Melayu yang kaya dengan adat resam yang turun temurun.



KIRI

DYMM Raja Perempuan Zainab

Baginda Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim sebagai Sultan dan Yang Di Pertuan bagi Negeri Kelantan Darulnaim. Pada waktu yang sama juga Baginda telah dianugerahkan dengan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K) sempena dengan Hari ulangtahan yang pertama Keputeraan KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra.

Baginda pernah berangkat bersama-sama dengan KDYMM Tengku Yahya Petra dan juga bersama-sama dengan anakanda-anakanda Baginda membuat lawatan ke beberapa buah negara seberang laut, di mana lawatan-lawatan yang seumpama itu dapat menambahkan lagi pengetahuan Baginda di bidang pergaulan, dan cara-cara kehidupan rakyat dan bangsa asing. Segala pengalaman ini dapat meninggikan lagi kebijaksanaan Baginda dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai seorang permaisuri, dan juga dalam menjalani kehidupan sebagai seorang kerabat Diraja yang tinggi arasnya di mata rakyat jelata.

DYMM Raja Perempuan Zainab adalah seorang yang pemurah dan mempunyai rasa kasihan belas terhadap hamba rakyat sekalian, dan sewaktu Baginda menjadi Raja Perempuan Baginda suka benar mengambil tahu tentang kerja-kerja amal kebajikan yang berfaedah kepada orang ramai umpananya Baginda pernah berkenan memegang jawatan pucuk pimpinan dalam badan-badan sukarela, di antaranya pernah menjadi Pengelola Negeri Tabung Rayuan Derma Bunga Merah, dan pernah juga menjadi Yang Di Pertua Persekutuan Pandu Puteri Negeri Kelantan dan lain-lain aktiviti kemasyarakatan lagi.

DYMM Baginda Raja Perempuan Zainab sangat mengambil berat tentang urusan-urusan rumah tangga, seperti mengatur alat-alat perhiisan di Istana, dan urusan-urusan santapan diraja setiap hari.

Kegemaran Baginda ialah di bidang pekerjaan tangan, barang-barang perhiisan, termasuk barang-barang lama dan juga menanam pokok-pokok bunga.

di samping itu Baginda juga diberi pelajaran agama oleh guru-guru dari alim ulama yang mashyur dan terkenal di Negeri Kelantan Darulnaim pada waktu itu.

DYMM Tengku Zainab telah melangsungkan istiadat perkahwinan dengan KDYMM Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim pada 4 Jun 1939. Baginda dikurniakan dengan tujuh orang cahayamata, seorang putera, dan enam puteri, tapi dua daripada puteri Baginda itu mangkat sejak masih kecil lagi.

Baginda telah dianugerahkan dengan gelaran Tengku Ampuan Mahkota pada 9 Ogos, 1956 oleh Almarhum KDYMM Baginda Sultan Ibrahim, dan pada tarikh yang sama juga Baginda telah dianugerahkan dengan Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia, Peringkat Pertama (S.P.M.K.).

Baginda telah dilantik menjadi Raja Perempuan Kelantan pada 10 Julai 1910 iaitu serentak dengan perlantikan KDYMM

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM



KDYMM AL SULTAN YAHYA PETRA SEBAGAI SERI
PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG



DYMM RAJA PEREMPUAN ZAINAB SEBAGAI RAJA
PERMAISURI AGONG

KANAN: YBM Tengku Marjan Bte Almarhum Sultan
Yahya Petra

BAWAH: Almarhum Sultan Yahya Petra dan DYMM Raja
Perempuan Zainab bergambar kenangan bersama-sama keluarga.



KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

BAWAH: KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra dan DYMM Raja Perempuan Zainab bergambar bersama-sama dengan putera dan puteri Baginda DUDUK DARI KIRI KE KANAN: YTM Tengku Ismail Petra, KDYMM Sultan Yahya Petra, DYMM Raja Perempuan Zainab, YAM Tengku Rohani, BERDIRI, DARI KIRI KE KANAN: YAM Tengku Marjan, YAM Tengku Rozan dan YAM Tengku Salwani KANAN, MUKA SEBELAH: KDYMM Almarhum Baginda Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim





LAPAN PULUH SEMBILAN

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM





ATAS: KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra dan DYMM Raja Perempuan Zainab bersama-sama keluarga Baginda.

KIRI: YAM Tengku Salwani Bte Almarhum Sultan Yahya Petra.

KIRI, MUKA SEBELAH, DUDUK DARI KIRI KE KANAN:
YTM Tengku Ismail Petra, DYMM Raja Perempuan Zainab,
KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra, YAM Tengku Robani,
BERDIRI, DARI KIRI KE KANAN: YAM Tengku Rozan, YAM
Tengku Salwani dan YAM Tengku Marjan.





KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM



KIRI DAN BAWAH: KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra
bergambar di Istana Kota Lama.



KIRI: KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra bersama dengan
kekandanya Tengku Indera Petra



MUKA SEBELAH KIRI: Bonda DYMM Raja Perempuan Zainab,
Tengku Maharami Petri



ATAS: KDYMM Almarhum Sultan Yahya
Petra dan DYMM Raja Perempuan Zamindar
bersama-sama keluarga

KANAN: YAM Tengku Rozan Bte Almarhum
Sultan Yahya Petra.



KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM



KIRI: DYMM Raja Perempuan Zainab.

BAWAH: YTM Tengku Ampuan Mabkota, Tengku Anis Bte Tengku Abdul Hamid, DYMM Raja Perempuan Zainab dan Toh Puan Reba, isteri Allahyarham Perdana Menteri Tun Abdul Razak. Pertemuan ini berlangsung semasa Toh Puan Reba mengadap Baginda KDYMM Sultan Kelantan.



KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM



KANAN: KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra

BAWAH: YTM Tengku Mahkota, Tengku Ismail Petra, (kiri) bersama-sama dengan ayahanda Baginda KDYMM Sultan Yahya Petra sedang berbincang sesuatu dengan Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Hussein semasa Tun Abdul Razak mengadap Baginda



Semua kawasan-kawasan DUN yang dimenangi oleh Barisan Nasional ialah Simpangan, Sungai Pinang, Wakaf Bharu, Semut Api, Kemumin, Sering, Tendong, Meranti, Bandar Pasir Mas, Sungai Keladi, Telipot, Kubang Kerian, Tawang, Perupok, Jelawat, Gual Periok, Lemal, Tok Uban, Salor, Ketereh, Peringat, Bukit Panau, Lanas, Gual Ipoh, Pulai Chondong, Bandar Machang, Sungai Rasau, Selising, Bandar Pasir Puteh, Cherang Ruku, Temangan, Guchil, Pahi, Jeli, Gua Musang dan Manek Urai.

Sementara kawasan-kawasan Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional ialah Tumpat, Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Rantau Panjang, Nilam Puri, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh, Kuala Krai dan Ulu Kelantan.

Tapi suasana-suasana tenteram yang wujud di Kelantan ini tidaklah lama, kerana pada tahun 1977 telah meletus demonstrasi-demonstrasi yang menggegarkan sebab rakyat membantah terhadap pemimpin pemimpin yang cuba menyengir Dato Haji Mohd. Nasir dari kerusi Menteri Besarnya. Akhirnya pada 19 Oktober, 1977 demonstrasi-demonstrasi itu telah mulai mencetuskan keganasan-keganasan yang bermaharajalela dan tidak, terkawal lagi, berpuh-puh ribu penunjuk perasaan telah membaling batu ke kedai-kedai dan ke Dewan Undangan Negeri dan membakar kereta-kereta. Untuk mententeramkan keadaan daripada terus bermaharajalela, maka pada 8 November, 1977 Kerajaan Pusat telah mengisytiharkan darurat di Kelantan Darulnaim dengan itu Perlembagaan Negeri Kelantan Darulnaim telah digantung di mana kuasa pemerintah yang terletak di tangan Menteri Besar telah dialih kepada seorang pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengarah Kerajaan.

Perdana Menteri Dato' Hussein Onn telah membentang Akta Kuasa Darurat Kelantan itu, akibatnya 8 anggota Parlimen dari PAS telah berucap menentang Rang Undang-Undang itu, termasuklah Yang Di Pertua Agong PAS, Dato' Haji Mohd. Asri bin Muda. Pada 8 November, 1977, wakil-wakil rakyat PAS telah sepakat meletak jawatannya dari kabinet iaitu Dato' Haji Mohd. Asri sebagai Menteri Wilayah, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Pada 17 Disember, 1977 PAS telah terkeluar dari Barisan Nasional, setelah diberi amaran akhir selama 4 hari mulai 13 Disember, 1977 supaya menarik balik perlentakan jawatan anggotanya dari kerajaan diengkari; kini PAS berada di luar BN,

dan menjadi sebuah parti pembangkang bersama-sama dengan parti pembangkang yang lain.

Selepas keadaan kembali tenteram, maka pada 10 Februari, 1978 Undang-Undang Darurat Kelantan Darulnaim telah ditarik balik, dan dengan itu kuasa pemerintahan telah dikembalikan kepada Menteri Besar semula seperti sebelumnya. Untuk meneruskan pemerintahan Negeri Kelantan Darulnaim memerlukan mandat baru daripada rakyat, maka pilihanraya baru bagi Dewan Undangan Negeri Kelantan Darulnaim telah diadakan pada 11 Mac, 1978 kali ini PAS telah berada di luar Barisan Nasional sebagai parti pembangkang, sebaliknya sebuah parti baru BERJASNA telah bekerjasama dengan BN dalam pilihanraya itu. Keputusan pilihanraya kali ini memberi kemenangan besar kepada BN di mana UMNO telah merangkul 22 kerusi DUN, MCA 1 kerusi dan BERJASNA 11 kerusi dan PAS hanya menang 2 kerusi sahaja.

Kawasan-kawasan DUN yang dimenangi oleh Barisan Nasional dan BERJASNA dalam pilihanraya 1978 ialah Simpangan, Sungai Pinang, Wakaf Bharu, Semut Api, Kemumin, Tendong, Meranti, Bandar Pasir Mas, Sungai Keladi, Telipot, Kubang Kerian, Tawang, Perupok, Jelawat, Gual Periok, Lemal, Tok Uban, Salor, Ketereh, Peringat, Bukit Panau, Lanas, Gual Ipoh, Pulai Chondong, Bandar Machang, Sungai Rasau, Selising, Bandar Pasir Puteh, Cherang Ruku, Temangan, Guchil, Pahi, Jeli dan Gua Musang.

Sementara dua kerusi DUN yang dimenangi oleh PAS ialah Sering dan Manek Urai.

Dengan itu BN telah dapat menuhub kerajaan di mana (Dato') Haji Mohamed Yaacob telah dilantik menjadi Menteri Besarnya untuk memerintah negeri ini dalam suasana yang baru, yang menjamin kemajuan yang pesat untuk negeri dan rakyat Kelantan Darulnaim seluruhnya.

Perkembangan Negeri

Pada 1966, Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim telah menuhubkan Perbadanan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) seperti dengan

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

negeri-negeri lain. PKINK ditugaskan untuk memajukan berbagai-jagai jenis rancangan seperti perumahan, pembalakan, penanaman kelapa sawit, perniagaan dan pelombongan. Rancangan-rancangan ini dijalankan secara usahasama dan juga secara bersendirian oleh PKINK.

Antara projek-projek binaan yang telah dijalankan oleh PKINK pada masa itu ialah:

Membina Bangunan Perbadanan di Jalan Maju, Kota Bharu, dengan modal kira-kira \$500,000.00 termasuk harga tanah.

Membina Bangunan Pengakap, Jalan Suara Muda dengan modal \$100,000.00 untuk Persatuan Budak-Budak Pengakap secara tukaran dengan tanah kepunyaannya di Jalan Sultan Ibrahim, Kota Bharu.

Membina Kompleks Taman Sekebum Bunga, Jalan Pos Office Lama, Jalan Tok Hakim Kota Bharu dengan modal sebanyak \$1 juta termasuk harga tanah.

Membina Bangunan Hotel Murni di Jalan Datuk Pati /Jalan Maju, Kota Bharu, dengan modal sebanyak \$83,640.00 termasuk harga tanah.

Menubuh Syarikat Perdagangan PKINK bertempat di Jalan Maju, Kota Bharu dengan PKINK melabur modal sebanyak \$150,000.00.

Membina rumah gudang 5 pintu 3 tingkat di Jalan Datuk Pati, Kota Bharu berharga \$400,000.00 termasuk harga tanah.

Membina rumah gudang 6 pintu 5 tingkat, di Jalan Maju, Kota Bharu dengan modal sebanyak \$800,000.00 termasuk harga tanah.

Membina bangunan perumahan dan perkedai di Jalan Bayam, Kota Bharu dengan modal sebanyak \$10 juta dari punca kewangan Kerajaan Pusat.

Darjah Kebesaran

Pada 10 Disember, 1967, KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra telah bermurah hati mengurniakan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (Al Ibrahim) dan Pingat Setia Mahkota Kelantan (P.S) kepada orang-orang yang berjasa di negeri ini. Darjah Kebesaran Al Ibrahim yang baru ini dan Pingat P.S yang diperkenalkan oleh KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra adalah untuk mengingati zaman pemerintahan Sri Paduka ayahanda Baginda, almarhum Sultan Ibrahim. Darjah Kebesaran baru Al Ibrahim ini terbahagi kepada lima peringkat dan penerima anugerah peringkat pertama dan kedua akan bergelar Dato'.

Pertanian

Rancangan Kemajuan Air Lanas dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat pada tahun 1957, yang merupakan rancangan yang julung-julung kali seumpamanya dijalankan di Tanah Melayu. Rancangan ini mendapat berbagai-bagai bekalan kemudahan yang disalurkan menerusi Rancangan Pembangunan Luar Bandar (PLB), seperti air paip, Pusat Kesihatan Kecil, sekolah-sekolah, padang permainan, pasar, masjid dan sebagainya.

Rancangan Talair Lemal

Rancangan Talair Lemal adalah Talair kedua besarnya di Kelantan Darulnaim selepas KEMUBU yang dibina dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$12.5 juta daripada Kerajaan Pusat yang dimulakan pembinaannya pada tahun 1960. ia memberi faedah

kepada 10,000 ekar bendang padi dalam Jajahan Pasir Mas dan Tumpat, dengan itu seluas 23,000 ekar tanah padi dalam kawasan itu dapat ditanam padi 2 kali setahun.

Juruterba perunding rancangan ini ialah M/S Sagreah dari Perancis. Pelancaran projek ini telah disempurnakan oleh KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra pada 5 Oktober, 1968 di Kok Lanas, Kota Bharu yang dinamakan upacara memecah tanah, dan kemudian pembukaannya pula telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein pada 2 Mac, 1973.

Dalam Rancangan Kemubu ini terdapat pembinaan 484 batu terusan terusan kecil dan besar, 7 batu tebing (dyke) di Sungai Kelantan dan 1,900 buah aneka jenis bangunan mengenai talam, parit dan sebagainya. Ia menelan perbelanjaan sebanyak \$75 juta daripada Kerajaan Pusat.

Tujuan KADA atau Lembaga Kemajuan Kemubu ditutherland untuk memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan KADA, dan merancang serta mengusahakan kemajuan pertanian mengikut skim yang diuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam kawasan KADA.

KADA meliputi kawasan seluas 60,438ha di mana terdapat 33,651ha kawasan padi, 7,717ha getah, 310ha kelapa, 590ha dusun buah-buahan 11,500ha kebun campor dan 6,673ha lain-lain tanaman. Dalam kawasan KADA terdapat penduduk seramai: 254,000 orang, di mana 45,000 orang terdiri daripada bilangan keluarga tami. Dalam kawasan KADA juga terdapat 14 buah Pusat Kemajuan Peladang.

KADA menyalurkan perkhidmatannya kepada petani-petani menerusi pertubuhan pertubuhan peladang, di mana dalam kawasan KADA terdapat sebanyak 13 buah Pusat Kemajuan Peladang dan setiap satunya meliputi kawasan seluas 2,000 — 4,000ha sawah padi.

KADA mentadbir 5 buah rancangan pengairan, iaitu Pengairan Kemubu dan Salor, di kawasan Tebing Timur Sungai Kelantan Darulnaim meliputi kawasan seluas 20,230ha sawah di dalam Jajahan Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh. Pengairan Lemal, Pasir Mas dan Alor Pasir terletak di tebing Barat Sungai Kelantan

meliputi kawasan bendang dalam jajahan Pasir Mas dan Tumpat seluas 12,146ha.

Purata penghasilan padi dalam kawasan KADA telah meningkat kadar pengeluarannya iaitu sebanyak 3.77 tan/ha (600 gantang sekar), sedangkan sebelum projek KADA dilaksanakan pengeluaran padi ialah 2.2 — 2.5 tan/ha (350 — 400 gantang sekar), dan purata pengeluaran padi akan meningkat lagi sebanyak 4.4 tan/ha (700 gantang sekar) setelah RME berakhir.

Selain wujudnya Rancangan Pengairan Kemubu jumlah pengeluaran beras Negeri Kelantan Darulnaim telah berlebihan daripada penggunaan sebanyak 30,000 tan setiap tahun. Penduduk Negeri Kelantan Darulnaim waktu itu berjumlah seramai 102,960 orang sedangkan pengeluaran beras selepas kelahiran KADA ialah sebanyak 132,998 tan setahun.

LPN

Lembaga Pemasaran Padi Dan Beras Negara (LPN) mula menjalankan perannannya di Kelantan Darulnaim pada 1.1.1969 dengan mengambil alih peranan melesen pembeli-pembeli padi yang selama ini dipegang oleh Kerajaan Negeri. Dalam mengeluarkan lesen ini LPN memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat kerjasama dan persatuan-persatuan peladang di negeri ini.

FAMA

Pada tahun 1971, Menteri Pertanian Dan Tanah YB. Tan Sri Haji Mohd. Ghazali Jawi telah merasmikan perlentakan batu asas Kompleks FAMA di Peringat yang menelan perbelanjaan sebanyak \$3,300.00.

Lembaga Kemajuan Tanah Negeri (LKTN)

Kerajaan Negeri telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTN) pada 1 Januari, 1960 dengan tujuan

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

untuk membuka tanah-tanah dan menjalankan rancangan pembahagian tanah. Selepas itu, Rancangan Kemajuan Tanah Air Lanas yang dibuka oleh Kerajaan Pusat telah diambil alih oleh LKTN.

Walaupun LKTN yang membuka tanah-tanah Kerajaan Negeri, tapi Kerajaan Pusat menerusi beberapa agensi turut memain peranan penting, seperti MARA menerusi Perkhidmatan Penasihat Pekebun-Pekebun Kecil, Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu mendirikan Pusat Memproses Getah Berkelompok dalam rancangan getah LKTN yang telah mengeluarkan hasil dan boleh ditoreh.

Bila kerajaan BN mengambil alih teraju pemerintahan Negeri Kelantan Darulnaim pada tahun 1978, Lembaran Kemajuan Tanah Negeri Kelantan telah ditukar namanya kepada Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan Tanah Negeri Kelantan Darulnaim (TAKDIR). Tapi kemudiannya pada 1 Jun, 1983 24 buah rancangan tanah TAKDIR telah diserapkan kepada KESEDAR untuk membolehkan rancangan-rancangan itu mencapai kemajuan yang sewajarnya.

Lembaga Kemajuan Selatan (KESEDAR)

KESEDAR dilancarkan penubuhannya oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn pada 5 Mac, 1978. Ia adalah sebuah agensi Kerajaan Pusat yang terletak di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang merupakan projek pembangunan Wilayah yang terbesar di Malaysia, meliputi kawasan seluas 2.9 juta ekar, iaitu kira-kira 3/4 daripada keluasan Negeri Kelantan.

Objektif KESEDAR ialah untuk membangun kawasan pendalam Negeri Kelantan Darulnaim, iaitu di kawasan Selatan Selatan, dengan tumpuan khusus kepada pembangunan tanah secara besar-besaran, baik untuk tujuan pertanian ataupun penempatan penduduk. Lain-lain objektif KESEDAR ialah untuk membangun perindustrian di wilayah itu dengan menggunakan bahan-bahan logam dan kayu-kayu yang terdapat di dalamnya.

Di samping ditugaskan dengan objektif tersebut, KESEDAR juga bertugas memperbaiki kemudahan-kemudahan asas seperti jalurraya, lapangan terbang, keretapi, talipon, bekalan air, elektrik, kesihatan dan sebagainya.

Pembukaan tanah KESEDAR dijalankan secara berperingkat-peringkat dan secara ala Kelantan di mana mengikut rancangan KESEDAR akan membuka rancangan tanah seluas di antara 15.000 hingga 20.000 ekar setahun. Menjelang tahun 1990 - 2000 kawasan Selatan Selatan akan dapat menampung seramai 200.000 orang penduduk yang akan ditempatkan di pusat-pusat bandar dan juga di kawasan-kawasan pembangunan tanah yang dilengkapkan dengan berbagai-bagi kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan, perhubungan dan sebagainya.

Gua Musang akan dijadikan Pusat Wilayah dalam kawasan Selatan Selatan dan dengan itu Gua Musang akan dimajukan sebagai Pusat Pentadbiran Perdagangan dan juga perusahaan dan lahir sebagai nadi penggerak pembangunan. Mengikut rancangan pada tahun 1990 bandar Gua Musang akan menampung penduduk tak kurang dari 50,000 orang.

Selain daripada balak, di kawasan Selatan Selatan ini banyak mengandungi berbagai-bagan galian seperti emas, besi, maganese, tangstin dan lain-lain lagi, yang akan memberi penghasilan kepada Negeri Kelantan Darulnaim nanti.

PERDAGANGAN

Taman Sekebun Bunga

Pada tahun 1971 sebuah tempat perniagaan yang baru telah dibuka. Projek ini dinamakan Taman Sekebun Bunga dan dibina oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan yang mengandungi 63 gerai menjual makanan dari 13 pintu rumah gudang dua tingkat yang menghalau ke Jalan Post Office Lama untuk memberi kemudahan kepada Bumiputra mencebur diri di bidang perniagaan. Ia dibina dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$500,000.00.

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Taman Sekebum Bunga telah dirasmikan pembukaannya oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan Tengku Ismail Petra pada 12 Oktober, 1971. Selepas istiadat perasmian itu Baginda dan YTM Tengku Ampuan Mahkota telah berkenan berangkat meninggau kompleks tersebut, bertemu mesra dengan penjual-penjual di gerai-gerai makaman dan juga di rumah-rumah gu-dang.

Pesta Kebudayaan Dan Perdagangan

Pada 16 Julai, 1975 Pesta Kebudayaan dan Perdagangan Kelantan Darulnaim diadakan di Padang Dato' Perdana sempena sambutan ulangtauhun 131 Bandar Kota Bharu. Pesta itu berlangsung selama 2 minggu mulai 16 hingga 31 Julai, 1975, dan dirasmikan oleh Allahyarham Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Hussein.

Perniagaan

Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim telah melaksanakan 187 unit rumah murah di Wakaf Mek Zainab pada tahun 1966 yang menelan perbelanjaan sebanyak \$1,148,000.00 termasuk harga tanah, jalanan, pembekalan api, air dan lain-lain kemudahan. Projek ini dirasmikan oleh KDYMM Baginda Sultan Tengku Yahya Petra Ibu Almarhum Sultan Ibrahim pada 23 September, 1967.

Pelajaran

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan ditubuhkan pada tahun 1965, pada mulanya dengan nama "Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan" KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra Ibu Almarhum Sultan Ibrahim telah mengurniakan bekas Istana Nilam Puri dan kawasannya sebagai bangunan yayasan ini. Tujuan utamanya

ialah untuk meninggikan Syiar Islam, khususnya menerusi pendidikan, di antaranya dengan jalan menyediakan peluang-peluang kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Pada bulan Ogos, 1966 Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim telah membuka sebuah TADKA di Jalan Raja Dewa, Kota Bharu dengan diberi peruntukan pokok sebanyak \$54,000.00 dan peruntukan tahunan sebanyak \$10,000.00.

Pada tahun 1969 pula Kementerian Pelajaran telah membina sebuah Kompleks Sekolah-Sekolah Kota Bharu yang terletak di Wakaf Mek Zainab yang telah dirasmikan pembukaannya oleh Menteri Pelajaran, Encik Mohd. Khir Johari pada bulan Mac, 1969. Kompleks ini dibina dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$1,353,000.00 mengandungi 5 buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Ismail Petra \$400,000.00, Sekolah Petra \$320,000.00, Sekolah Petri \$138,000.00, Sekolah Menengah Kota Bharu \$375,000.00 dan Sekolah Kebangsaan Padang Garong \$120,000.00.

Perdagangan

Majlis Bandaran Kota Bharu yang ditadbirkan oleh PERIKATAN telah membuka pasar baru di Wakaf Siku. Pada tahun 1966 perletakan batu asas ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Hussein, dan pembukaannya telah disempurnakan oleh Pemangku Raja, Tengku Sri Utama Raja. Kemudian pasar itu telah diubahsuai dengan gerai-gerai tempat perniagaan seperti sekarang.

PERHUBUNGAN

Stesen Keretapi Wakaf Bharu

Stesen keretapi Wakaf Bharu telah dirasmikan pembukaannya pada pukul 5.00 petang 10 Mac, 1967 oleh KDYMM Al Sultan Tengku Yahya Petra Ibu Almarhum Sultan Ibrahim. Stesen ini

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

dilengkapkan dengan sebuah bilik khas untuk kegunaan KDYMM Al Sultan.

Selepas stesen keretapi Wakaf Bharu itu dibuka, maka mulai 1 Mei, 1968 perkhemidaman feri Kota Bharu Palekbang pun ditutup kerana penumpang penumpang keretapi lebih mudah menaiki keretapi di stesen Palekbang dengan terbukanya Jambatan Sultan Yahya Petra.

Jambatan Sultan Yahya Petra

Jambatan Sultan Yahya Petra dibina dalam tahun 1962 dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$6 juta. Ia dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Baginda Sultan Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan dinamakan sempena dengan nama Baginda. Jambatan ini memudahkan dan memendekkan perjalanan dari Kota Bharu — Tumpat dan ke Pasir Mas kerana sebelum ini terpaksa menaiki feri di Seberang Pasir Mas.

RANCANGAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Oleh sebab di antara Kerajaan Negeri yang diperintah oleh PAS dengan Kerajaan Pusat yang diperintah oleh PERIKATAN tidak mempunyai titik pertemuan dalam perlaksanaan projek-projek pembangunan, maka Kerajaan Pusat terpaksa menyalurkan peruntukan pembangunan menerusi saluran saluran yang lain, seperti RIDA dan kemudiannya namanya ditukar kepada MARA. Tapi pada tahun 1969, untuk lebih memudahkan segala rancangan kemajuan itu dijalankan di Negeri Kelantan Darulnaim, maka Kerajaan Pusat telah menubuh Pejabat Pembangunan Luar Bandar Kelantan Darulnaim.

Ada dua rancangan yang dijalankan oleh PLB Negeri Kelantan Darulnaim yang mendapat peruntukan dari Kerajaan Pusat. Pertama Rancangan-Rancangan Kecil yang lebih dari \$5000.00 diuruskan oleh Jabatan Kerjaraya dan kurang dari \$5000.00 diselenggarakan secara gotong royong, seperti rancangan membina

jambatan, jalan-jalan kampung, telaga dan sebagainya. Dari 1965 hingga 1968 jumlah peruntukan PLB yang diluluskan bagi Negeri Kelantan Darulnaim ialah:

1965	\$ 269,620.00
1966	656,076.00
1967	85,160.00
1968	<u>156,000.00</u>
Jumlah	\$1,166,856.00

Kedua ialah projek di bawah Rancangan Keagaman yang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri, kemudian rancangan itu diserahkan pula kepada Jawatankuasa Masjid masjid dan Yayasan Agama Muis Agama Islam Kelantan. Peruntukan projek projek seperti ini diperolehi daripada Kerajaan Pusat, di antaranya sebagai contoh ialah pembinaan masjid Bandar Machang yang menelan perbelanjaan sebanyak \$283,000.00 dinamakan sempena nama KDYMM Baginda Sultan Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim iaitu Masjid Sultan Yahya Petra.

Peruntukan Rancangan Keagamaan PLB dari tahun 1965 hingga 1968 adalah sebagai berikut:

Tahun	Masjid	Sek. Agama	Madrasah	Banyak Peruntukan
1965	3	2	21	\$ 401,880.00
1966	14	2	1	555,900.00
1967	3	1	26	197,850.00
1968	24	7	41	1,600,000.00
1969	33	3	56	1,600,000.00

KESELAMATAN

Balai Polis Machang yang baru telah dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Baginda Sultan Kelantan Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim pada hari Isnin 12 Julai, 1971 dengan menelan belanja sebanyak \$233,000.00. Di situ juga dibina bangunan kediaman anggota polis yang berharga \$108,500.00. Turut hadir ialah Tan Sri Datok Muhammad Saleh Ismail. Ketua Polis Negara.

BAB IX

**KDYMM Tengku Ismail Petra
Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra
Sebagai Sultan Ismail Petra**

D.K., D.M.N., D.K. (Negeri Sembilan),
D.K. (Selangor), D.K. (Johor),
D.K. (Kedah), D.K. (Perak), D.K. (Terengganu),
D.K. (Perlis), D.P.S.S (Sarawak),
D.P. (Sarawak), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.S.K.

1979 —

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM





KDYMM TUANKU ISMAIL PETRA IBNI ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA,
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI KELANTAN DARULNAIM



DYMM TENKU ANIS BTE TENKU ABDUL HAMID,
RAJA PEREMPUAN KELANTAN DARULNAIM



YTM TENGKU MAHKOTA, TENGKU MUHAMMAD FARIS PETRA

**KDYMM Tengku Ismail Petra
Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra
Sebagai Sultan Ismail Petra**

1979 —

Baginda Sultan Ismail Petra

KDYMM Tengku Ismail Petra adalah putera tunggal kepada Almarhum KDYMM Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan DYMM Raja Perempuan, Tengku Zainab Ibni almarhum Tengku Muhammad Petra (Tengku Sri Utama Raja). KDYMM Tengku Ismail Petra ditabalkan menjadi Sultan Kelantan Darulnaim yang kedua puluh lapan dengan gelaran Sultan Ismail Petra pada 30 Mac, 1979 berikutan dengan kemangkatan Sri Paduka ayahanda Baginda Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim selaku Yang Di Pertuan Agong di Kuala Lumpur pada 29 Mac, 1979. Baginda telah dimahkotakan pada 30 Mac, 1980 (13 Jamadil Awal 1340) secara besar-besaran dan dengan istiadat yang gemilang mengikut adat resam Raja-Raja Kelantan Darulnaim yang turun temurun yang memberi pengharapan yang cemerlang kepada rakyat Negeri Kelantan Darulnaim seluruhnya.

KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, diputerakan pada 11 November, 1949 di Istana Jaha, Kota Bharu. Baginda adalah putera bongsu dan tunggal kepada almarhum KDYMM Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan DYMM Raja Perempuan Tengku Zainab II.

Dari sejak kecil lagi KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra diajar membaca dan menulis serta diberi asuhan dengan ilmu agama dan pengetahuan adat istiadat Raja-Raja Negeri Kelantan Darulnaim. Baginda adalah bekas pelajar di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu dan kemudiannya belajar daripada seorang guru tetap Bahasa Inggeris untuk mendalami pengetahuan dalam matematik pelajaran yang penting, seperti Bahasa Inggeris, Ilmu Alam, Sejarah dan sebagainya.

KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra telah dikurniakan dengan gelaran "Tengku Mahkota Kelantan" pada 11 November, 1967 oleh KDYMM Sri Paduka ayahanda Baginda sekawtu Baginda meningkat usia 18 tahun, dan ditabalkan sempena dengan Hari Keputeraan KDYMM Baginda Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim yang kelima puluh pada tahun 1968. Perlantikan

ini dibuat oleh ayahanda Baginda dengan kuasa-kuasa Baginda di bawah (2) XXVII Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan Bahagian Yang Kedua.

Semenjak dilantik menjadi Tengku Mahkota lagi Baginda telah memperlhatkan kemahuhan dan kecenderungan untuk mempelajari dan mendalami mengenai pentadbiran Negeri di dalam semua bidang, termasuk siasah, ekonomi dan juga keserasukan. Sejak itu Baginda selalu berangkat mengiringi dan juga mewakili KDYMM Sri Paduka Ayahanda Baginda menghadiri majlis-majlis istiadat negeri yang rasmi dan juga tidak rasmi.

Pada bulan April-1968, Baginda juga pernah bertugas di Pejabat Setiausaha Kerajaan dan di Pejabat Tanah Kota Bharu sekawtu Baginda menjadi Tengku Mahkota untuk memperluaskan pengetahuan Baginda dengan perkara-perkara pentadbiran negeri.

Baginda menghadiri persidangan ketua-ketua pejabat, mesyuarat-mesyuarat dan juga perjumpaan-perjumpaan baik di ibu negeri Kota Bharu ataupun di jajahan-jajahan. Baginda juga berangkat melawat beberapa rancangan kemajuan yang dilaksanakan di seluruh Negeri Kelantan Darulnaim. Untuk membolehkan Baginda mencapai maksud tersebut, pihak Kerajaan Negeri telah menyedia dan mengatur segala kemudahan pentadbiran yang ada dalam negeri ini.

Istiadat perkahwinan KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra dengan DYMM Tengku Anis telah disempurnakan pada hari Rabu, 4 Disember, 1968 di Istana Kota Lama, dan istiadat persandingan yang gemilang telah dilangsungkan di Istana Balai Besar antara kedua peganting Di Raja itu pada 12.3.1969, iaitu mengikut adat istiadat Raja-Raja Negeri Kelantan Darulnaim yang turun temurun dengan berbagai-bagai upacara dan temasya bagi memeriahkan lagi istiadat tersebut.

KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra telah dikurniakan dengan empat orang cahayamata, tiga putera dan seorang puteri, iaitu Tengku Muhammad Faris Petra, Tengku Muhammad Faiz-

Petra, Tengku Muhammad Fakry Petra, dan seorang puteri Tengku Amalin A'Ishah Petra

KDYMM TENKU ISMAIL PETRA
IBNI ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA

- Tengku Muhammad Faris Petra
- Tengku Muhammad Fa'iz Petra
- Tengku Muhammad Fakry Petra
- Tengku Amalin A'Ishah Petra

Putera sulung Baginda YT Tengku Muhammad Faris Petra telahpun dilantik oleh Baginda sebagai Tengku Mahkota Kelantan sebagai pewaris takhta kerajaan pada 6 Oktober, 1985.

Pada 15.5.1971 Baginda Tengku Ismail Petra selaku YT Tengku Mahkota telah berangkat dan bertitah merasmikan pelancaran Kursus Sivik anjuran Jabatan Penerangan kepada 400 orang pemimpin masyarakat terdiri dari wakil-wakil rakyat, ketua-ketua pejabat, alim ulama dan guru-guru kanan bertempat di Istana Balai Besar, Kota Bharu.

Pada 21 Julai 1971 Baginda berangkat ke satu rapat raksasa anti komunis yang diadakan di Air Lanas, Tanah Merah. Seramai lebih dari 10,000 orang penduduk jajahan Tanah Merah dari semua keturunan, termasuk orang asli telah hadir.

Dalam tahun 1962 KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra telah berangkat melawat Negeri Thai, dan dalam tahun 1966 Baginda berangkat melawat Jepun, Taiwan dan Hongkong, dan selepas itu Baginda juga berangkat melawat Negara-Negara Eropah, dan ke beberapa buah negara Asia. Segala lawatan itu dapat memperluaskan lagi pengalaman dan pengetahuan Baginda untuk memerintah negeri sesudah Baginda menaiki takhta kerajaan.

Mulai 6 Julai hingga 25 Julai 1974, KDYMM Tengku Ismail Petra telah dilantik menjadi Pemangku Sultan Kelantan, iaitu semasa KDYMM Sri Paduka Ayahanda Baginda berangkat ke ibu negara Kuala Lumpur kerana menjalankan tugas-tugas Sri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, dan pada 12 Julai 1975 hingga 28 Ogos, 1975 KDYMM Tengku Ismail Petra diangkat menjadi Pemangku Sultan kerana KDYMM Sri Paduka ayahanda

Baginda berangkat membuat lawatan ke Benua Eropah, dan KDYMM Tengku Ismail Petra sekali lagi dilantik menjadi Pemangku Sultan pada 21 September, 1975 kerana KDYMM Sri Paduka ayahanda Baginda Tengku Yahya Petra berangkat ke Kuala Lumpur untuk bertugas sebagai Sri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong keenam hingga ke Baginda mangkat pada 29 Mac, 1979.

Pada 1 November, 1974 KDYMM telah dianugerahkan Tauliah Diraja Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah dengan pangkat Major dan pada 1 Januari 1976 telah dinaikkan pangkatnya sebagai Latenan Karmel (Kehormat) dalam Rejimen yang sama.

KDYMM Baginda Al Sultan adalah seorang raja yang sangat suka mengambil berat tentang badan-badan amal dan lain-lain pergerakan yang berkaitan dengan kemajuan serta kebaikan rakyat iaitu sekelian, di samping itu Baginda terkenal sebagai seorang Raja Pemerintah yang baik hati dan pemurah. Di antara berbagai-bagai jawatan yang dipegang oleh Baginda di dalam kegiatan sukarela ialah Penaung Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) cabangan Negeri Kelantan Darulnaim. Penaung Jawatankuasa Penulih Orang-Orang Cacat Negeri Kelantan, Penaung Persatuan Menembak Kelantan, Penaung Persatuan Peladang, Penaung Kelab Rotary Kota Bharu, Penaung Majlis Jaksja Pendamai Kelantan dan Penaung Persekutuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan. Baginda juga telah berkenan menjadi Penaung Jawatankuasa Projek Komputer sekolah-sekolah yang telah dirasmikan pelancarannya oleh Baginda sendiri pada pertengahan tahun 1985 bertempat di Sekolah Menengah Kota, Kota Bharu.

Semasa menjadi Tengku Mahkota, KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra mempunyai minat yang penuh dalam bidang Pergerakan Belia dan Sukan, selaras dengan minat tersebut, maka istiadat yang julung-julung kalinya yang dihadiri oleh KDYMM Baginda semasa menjadi Tengku Mahkota ialah Upacara Perasmian Pembukaan Minggu Kegiatan Persekutuan Sukarela yang terletak di bawah riayah Maktab Sultan Ismail Kota Bharu, di mana keseluruhan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah tersebut. Pesta itu berlangsung dengan jayanya selama seminggu.



KIRI: KDYMM Tengku Ismail Petra,
semasa Baginda menjadi YTM Tengku
Makkota Kelantan.

Baginda adalah seorang Raja yang ramah raus dan luas pergaularan dengan rakyat jelata. Baginda sangat mengambil berat tentang kebijakan rakyat jelata dan negeri serta jajahan takluknya, dan Baginda juga sangat memahami kehendak rakyat Baginda, kerana itulah Baginda tidak segan-silu untuk berangkat menemui rakyat jelata, walaupun ke tempat-tempat yang jauh dan terpencil. Baginda juga sangat mengambil berat tentang Agama Islam, iaitu agama rasmi negara Malaysia yang dijunjung oleh perlumbaan dan rakyat jelata sekelian. Tingkah laku Baginda yang mulia itu adalah membuktikan bahawa KDYMM Tengku Ismail Petra Ibu almarhum Sultan Yahya Petra adalah seorang Raja pemerintah yang berdaulat dan sesuai dengan peredaran zaman.

Berkat daulat pemerintahan KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra Ibu almarhum Sultan Yahya Petra, maka sejak Baginda menaiki takhta kerajaan pada tahun 1979, Negeri Kelantan Darulnaim terus menapak maju selangkah demi selangkah yang memberi manfaat kepada rakyat jelata Negeri Kelantan Darulnaim yang jumlahnya hampir sejuta orang sekarang. Ini semua berkat daripada Baginda seorang Raja yang bersamaan pembangunan yang menitikberatkan kemajuan negeri ini, dan seiring dengan peruntukan-peruntukan yang mencukupi yang telah disediakan oleh kerajaan untuk perlaksanaannya. Dan sebagai seorang raja yang menjadi payung negeri dan tonggak agama Islam, Baginda memberi tumpuan yang khusus terhadap perkembangan Agama Islam di Negeri Kelantan Darulnaim, yang suatu ketika dulu pernah terkenal dengan nama timangan "Serambi Mekah". KDYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra Ibu almarhum Sultan Yahya Petra adalah seorang Sultan yang berwibawa dan berdaulat yang menaungi Negeri Kelantan Darulnaim dan rakyatnya di sepanjang masa untuk terus melangkah maju dengan aman dan jayanya.

DYMM Tengku Anis Binti Tengku Abdul Hamid D.K., S.P.M.K., Raja Perempuan Kelantan 1979 —

DYMM Tengku Anis adalah puteri yang ketiga kepada ayahanda Baginda Tengku Abdul Hamid bin Tengku Muda, bersama

dengan Bonda Baginda Tengku Azizah binti Tengku Mohd. Hamzah (Tengku Sri Maharaja), bekas Menteri Besar Kelantan

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Darulnaim. Ayahanda Baginda Tengku Abdul Hamid telah mangkat di Patani Thailand dalam tahun 1960.

DYMM Baginda Tengku Anis telah dimahkotakan sebagai Raja Perempuan Kelantan pada 29 Mac, 1979 serentak dengan KDYMM Baginda Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra disyitharkan sebagai Sultan dan Yang Di Pertuan bagi Negeri Kelantan Darulnaim.

Baginda diputerikan di Palm Manor di kediaman nendanya pada tahun 1949. Dari sejak kecil lagi Baginda tinggal bersama-sama dengan nendanya Almarhum Tengku Sri Maharaja dalam satu keluarga Diraja yang terkenal di Kelantan Darulnaim.

Sebagai seorang yang beragam Islam, Baginda diberi didikan dan asuhan agama dengan guru agama yang khas di kediaman Baginda.

Raginda belajar di Sekolah Inggeris Zainab dan tamat dengan mendapat kelulusan Senior Cambridge dan Sijil Persekolahan Malaysia.

Istiadat akah nikah DYMM Baginda Tengku Anis dengan KDYMM Tengku Ismail Petra semasa menjadi YTM Tengku Mahkota telah disempurnakan pada 4 Disember, 1968 di Istana Kota Lama. Baginda telah dikurniakan dengan empat orang cahayamata, tiga putera dan seorang puteri.

Baginda telah dianugerahkan gelaran "Tengku Ampuan Mahkota" oleh Almarhum KDYMM Al Sultan, Tengku Yahya Petra Ibni almarhum Sultan Ibrahim pada 1 Januari, 1969 dalam satu istiadat yang sederhana di Istana Balai Besar.

Pada tahun 1983 DYMM Baginda Tengku Anis telah berangkat menuaikna fardhu Haji di Mekah bersama dengan KDYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra.

Dalam masa lapang, Baginda suka menghabiskan masa di bidang jahit menjahit dan masak memasak, serta gemar mengurus dan mengatur sendiri segala alat perabot dan perhiasan di kediaman Baginda.

Sebagai seorang Raja Perempuan yang suka mengambil berat tentang rakyat, DYMM Baginda Tengku Anis sentiasa berangkat untuk menemui mereka, terutama kaum wanita di negeri ini untuk melihat sendiri corak hidup mereka dengan lebih



ATAS : DYMM Tengku Anis semasa menjadi YTM Tengku Ampuan Mahkota

dekat di samping memberi nasihat dan dorongan kepada mereka supaya bergerak lebih maju selaras dengan zaman. Baginda telah berangkat menjelajah ke segenap pelosok Negeri Kelantan Darulnaim bersama-sama dengan KDYMM Baginda Sultan Tengku Ismail Petra sejak menjadi Tengku Mahkota dan Pamangku Raja lagi.

Baginda mempunyai perwatakan yang lemah lembut dan mudah mesra. kerana itu Baginda disenangi oleh seluruh rakyat jelata, khususnya kaum wanita daripada segenap lapisan masyarakat negeri ini.

DYMM Baginda Tengku Anis adalah Raja Perempuan yang menjadi lambang keagungan dan kemegahan rakyat Kelantan Darulnaim, khususnya kepada seluruh kaum wanita di negeri ini

di mana Baginda adalah payung tempat berlindung dan tonggak pendorong untuk terus melangkah maju.

YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA.
TENGKU MUHAMMAD FARIS PETRA

Y.T.M. Tengku Mahkota, Tengku Muhammad Faris Petra adalah seorang yang cekap, ramah tamah dan mudah mesra.

Y.T.M. Tengku Mahkota diputerakaran pada 6hb. Oktober, 1969 di Kota Bharu, Ibu Negeri Kelantan Darulnaim yang bersejarah itu.

Dari sejak kecil lagi, Baginda diberi asuhan dan didikan agama oleh ayahanda Baginda di Istana Baginda oleh ulama-ulama yang terkenal.

Baginda khatam Al-Quran sebelum Baginda berangkat melanjutkan pelajarannya di England pada tahun 1983.

Mula-mula Baginda belajar di Sultan Ismail Satu, Kota Bharu mulai 4.1.1976 hingga 1981 bila Baginda berangkat untuk melanjutkan pelajaran ke Kuala Lumpur. Sepanjang masa persekolahan tersebut setiap tahun Baginda diberi kepercayaan menjadi Ketua Darjah sesuai dengan Baginda pelajar yang berdisiplin dan pintar dalam pelajarannya. Kemudian sewaktu di dalam darjah 6 Baginda telah dipilih menjadi Ketua Pengawas. Sewaktu dalam darjah enam pada tahun 1981 Baginda telah berjaya merangkul Piala Pusingan pelajar terbaik sekolah tersebut.

Sebelum itu, dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima pada tahun 1980 Baginda telah berjaya mencapai keputusan peperiksaan yang membanggakan, iaitu 5A.

Selepas itu Baginda berangkat melanjutkan pelajarannya di Alice Smith School Association, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur. Baginda memasuki sekolah tersebut di dalam kelas persediaan mulai 8.9.1981 dan tamatnya pada 11.7.1983.

Kemudiannya pada bulan 9 tahun 1983 Baginda berangkat ke England melanjutkan pelajarannya di Oakham School Rutland, England dalam Tingkatan 3. Pada tahun 1987 Baginda berada dalam peringkat "A Level" di sekolah yang sama. Di Oakham

School ini Baginda bergiat dalam persatuan 'Duke of Edinburgh Award' sebuah persatuan yang terkenal di sekolah tersebut.

Mata pelajaran yang paling diminati oleh Baginda ialah Pelajaran Ekonomi. Memang menjadi cita-cita Baginda untuk mendapat kejayaan yang tinggi dalam mata pelajaran tersebut.

Baginda mempunyai berbagai-bagai kegemaran seperti memelihara binatang, seperti ikan dan burung, memancing, menembak dan sukan yang paling diminati Baginda ialah bolasepak.

MUKA SERATUS LAPAN BELAS:
Persaudangan DiRaja antara KDYMM Al-Sultan Kelantan Dan DYMM Raja Perempuan Kelantan. Pada 12 Mac, 1969

MUKA SATU RATUS SEMBILAN BELAS:
DYMM Raja Perempuan, Tengku Anis







ATAS: KDYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra bersama keluarga. DARI KIRI KE KANAN, DI BEKALANG: KDYMM Baginda Sultan. DYMM Baginda Raja Perempuan, dan YTM Tengku Mabkota. DUDUK DI HADAPAN, DARI KIRI KE KANAN: Tengku Muhammad Faiz Petra, Tengku Muhammad Fakry Petra, Tengku Muhammad Amalin A Ishah Petra memeluk belakang kakandanya Tengku Muhammad Fakry Petra

SEBELAH: YAM Tengku Muhammad Fakri Petra sedang menggunakan komputer





SEBELAH: YTM, Tengku Mahkota, Tengku Ismail Petra bergambar kenangan bersama-sama dengan Bonda Baginda, DYMM Raja Perempuan Zainab.


BAWAH: DYMM Raja Perempuan, Tengku Anis binti Tengku Abdul Hamid bersama dengan puteri Baginda, YAM Tengku Amalin A'Isah Petri





ATAS: YAM Tengku Muhammad Fakry Petra (di hadapan) dan YAM Tengku Muhammad Faiz Petra (di belakang) menghadiri perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Ayahanda Baginda yang ketiga puluh lapan pada tahun 1987 di Padang Merdeka, Kota Bharu

KANAN: YAM Tengku Muhammad Faiz Petra sedang tekun membaca buku.



SEBELAH: YAM Tengku Muhammad

Fakry Petra beraksi sebagai pemimpin
pancaragam sekolahnya.

BAWAH: YAM Tengku Muhammad

Fakry Petra sedang memimpin pasukan
pancaragam sekolahnya.






KIRI: YTM. Tengku Mahkota, Tengku Muhammad Faris Petra.

BAWAH KIRI: YAM Tengku Muhammad Faiz Petra bersama adikandanya YAM Tengku Muhammad Fakry Petra

BAWAH, KANAN: YAM Tengku Amalin A Islah Petri dalam pelukan nenekandanya, Tengku Azizah binti Tengku Muhammad Hamzah

KANAN, MUKA SEBELAH: DYMM Raja Perempuan, berpakaian seragam pandu puteri.







KIRI: KDYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra semasa kanak-kanak berada di samping "motokar" kesayangan Baginda

BAWAH: KDYMM sedang memandu motokarnya.



KANAN, MUKA SEBELAH: KDYMM Almarhum Sultan Yahya Petra bersama-sama dengan putera Baginda YTM Tengku Ismail Petra dan puteri Baginda YAM Tengku Rohani






ATAS: KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra Ibni
Almarhum Sultan Yahya Petra.

ATAS, KIRI: KDYMM Tengku Ismail Petra masa kecil
berpakaian Melayu.

SEBELAH: KDYMM Tengku Ismail Petra memakai pakaian
sekolah.

KANAN: KDYMM Tengku Ismail Petra semasa menjadi
YTM Tengku Mabkota

BAWAH: DYMM Raja Perempuan, Tengku Anis Bte Tengku
Abdul Hamid membantu puteri Baginda, Tengku Amalin
A Ishah Petri sedang menyampaikan bantuan peribadi Baginda
kepada seorang kanak-kanak sekolah sempena dengan Hari Ulang
Tahun Keputeran Baginda Sultan yang ketiga puluh lapan di
perkarangan Istana Negeri, pada tahun 1987.



KANAN: KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra sedang bertitah ketika menyempurnakan perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan 1980.


BAWAH: KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra Ibu Almarhum Sultan Yahya Petra dan DYMM Raja Perempuan, Tengku Anis sedang bersemayam di atas Singgahsana Kerajaan

KANAN, MUKA SEBELAH: YBM Tengku Ahmad Panglima Raja sedang memahkotakan KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra Ibu Almarhum Sultan Yahya Petra pada hari pertabalan Baginda, 10hb Mac, 1980.










MUKA SEBELAH, ATAS: KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra dan DYMM Raja Perempuan, Tengku Anis berangkat masuk ke Istana Balai Besar untuk menyempurnakan perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ketiga puluh lapan pada tahun 1987.

MUKA SEBELAH, BAWAH KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra sedang membalaik tabik kehormat dalam masa perbarisan di Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ketiga Puluh Lapan, 1987 di Padang Merdeka, Kota Bharu.

ATAS: KDYMM Al Sultan, DYMM Raja Perempuan, YTM Tengku Mahkota dan puteri Baginda, Tengku Amalin A'Ishah Petri di Majlis Taman di perkaranan Istana Negeri kerana menyambut Hari Ulangtahun Keputeraan Baginda Yang Ketiga Puluh Lapan 1987.





MUKA SEBELAH, KIRI: YTM Tengku Mahkota, Tengku Muhammad Faris Petra, mengiringi ayahandanya, KDYMM Al Sultan memeriksa perbarisan kehormat pasukan bersenjata di Kem Gong Kedak, Pasir Putih, semasa KDYMM Al Sultan berangkat melawat Kem Gong Kedak.

MUKA SEBELAH, KANAN: YTM, Tengku Mahkota di Kem Gong Kedak.

MUKA SEBELAH, BAWAH: YTM, Tengku Mahkota, nombor dua dari hadapan dalam barisan sebelah kiri menyertai perlumbaan kayuh perahu di Pesta Sungai yang diadakan kerana sempena menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Al Sultan 1987.


BAWAH: DYMM Raja Perempuan dengan ramah mesra telah berkenan menyampaikan derma peribadi Baginda kepada pelajar-pelajar sekolah di Malis Taman yang diadakan di perkurangan Istana Negeri sempena Hari Ulangtahan Keputeraan KDYMM Al Sultan 1987.





KIRI: KDYMM Al Sultan berpakaian tentera ketika berangkat membuat lawatan ke Kem Gong Kedak, Pasir Putih.

BAWAH: KDYMM Al Sultan berpakaian pengakap telah berkenan menyampaikan sijil pengakap kepada pengakap-pengakap yang bersaya di Mallis Taman yang diadakan di perkurangan Istana Negeri Sempena dengan Hari Ulangtahan Keputeraan Baginda, 1987





ATAS: KDYMM Al
Sultan menyertai
sukan menembak yang
amat disukai Baginda.

SEBELAH, KANAN:
DYMM Raja Perempuan
juga menyertai sukan
menembak.







KIRI: YAM Tengku Amalin A Ishah Petri

BAWAH: YAM Tengku Amalin
A Ishah Petri dengan
dibantu oleh kedua ayahanda dan bondanya
sedang memotong kek harijadi.

MUKA SEBELAH, KIRI: YAM Tengku
Amalin A Ishah Petri dengan wajah yang
terpesona dengan sesuatu.





ATAS, DARI KIRI KE KANAN:
DYMM Raja Perempuan, Tengku
Anis, KDYMM Al Sultan, Tengku
Ismail Petra dan DYMM Raja
Perempuan Zamah.



SEBELAH: KDYMM Al Sultan dan
DYMM Raja Perempuan berangkat
meninjau kerja-kerja yang dijalankan di
sebuah kilang di Pengkalan Chepa
selepas Baginda selsas menyempurnakan
perasmian pembukaannya

MUKA SEBELAH: KDYMM Al
Sultan sedang bertitah



SATU RATUS EMPAT PULUH SATU



ATAS & BAWAH: KDYMM
Al Sultan dan DYMM Raja
Perempuan ketika berangkat melayat
ke huar negeri



Peristiwa Semasa

Pada tahun 1975 KDYMM Tengku Ismail Petra Ibni almarhum Sultan Yahya Petra dilantik menjadi Pemangku Sultan Kelantan bila Almarhum Sri Paduka ayahanda Baginda KDYMM Tengku Yahya Petra dilantik menjadi Yang Di Pertuan Agong Yang Ke Enam dan bersemayam di Kuala Lumpur, iaitu kira-kira setahun empat bulan selepas pilihanraya kebangsaan yang diadakan pada 24.8.1974. Pilihanraya Negeri Kelantan Darulnaim pada tahun 1974 adalah satu pilihanraya yang tenang dalam sejarah pilihanraya negeri ini, kerana dua buah parti, PAS dan PERIKATAN telah menjadi kerabat dalam sebuah badan yang lebih besar, iaitu Barisan Nasional.

Tapi suasana politik yang tenteram di Kelantan Darulnaim itu tidak terus berlanjutan kerana dalam tahun 1977 suasana politik di Negeri Kelantan Darulnaim mulai bergelora di mana rakyat Kelantan Darulnaim telah berdemonstrasi secara besar-besaran yang telah mencetuskan keganasan-keganasan yang akhirnya darurat terpaksa disyutarkan di Kelantan Darulnaim oleh Kerajaan Pusat untuk mententeramkan keadaan. PAS membantah perisytiharaan darurat Negeri Kelantan Darulnaim itu, dan ini membawa parti itu terkeluar dari Barisan Nasional. Untuk mendapat mandat baru daripada rakyat, maka pilihanraya khusus bagi Negeri Kelantan Darulnaim telah diadakan pada Mac 1978 yang membawa kemenangan besar kepada Barisan Nasional, dengan kerjasama daripada sebuah parti baru, BERJASA. Selepas kemenangan itu (Dato') Haji Mohamed Yaacob telah dilantik menjadi Menteri Besar untuk memimpin kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim ini.

Kawasan-Kawasan Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh BN — UMINO — MCA ialah Pasir Mas, Sungai Keladi, Telipot, Jelawat, Gual Periorek, Bukit Panau, Ketereh, Lanas, Gual Ipoh, Pulai Chondong, Sungai Rasau, Selising, Bandar Pasir Puteh, Cherang Ruku, Temangan, Guchil, Pahi, Jeli, Gua Musang, Sungai Pinang, Wakaf Bharu dan Semut Api.

Sebelas kawasan DUN yang dimenangi oleh BERJASA pula ialah Simpangan, Kemumin, Tendong, Meranti, Kubang Kerian, Tawang, Perupok, Lemal, Tok Uban, Salor dan Peringat. Ti-

dak lama selepas pilihanraya tersebut, BERJASA telah menyertai Barisan Nasional bersama-sama dengan parti-parti lain.

Sementara dua kerusi DUN yang dimenangi oleh PAS ialah Sering dan Manek Urai.

Bagi kerusi Parlimen pula sepuluh kerusi yang dimenangi oleh BN ialah Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Rantau Panjang, Nilam Puri, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh, Kuala Krai dan Ulu Kelantan. Sementara dua kawasan Parlimen yang dimenangi oleh PAS ialah Pengkalan Chepa dan Bachok.

Dalam masa 1 tahun 18 hari selepas Barisan Nasional merintah Negeri Kelantan Darulnaim, maka dengan sedihnya KDYMM Baginda Tengku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim telah mangkat pada 29 Mac, 1979 yang disambut dengan penuh kesedihan oleh rakyat jelata sekeliannya. Selepas itu puteranya, KDYMM Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah ditabalkan menjadi Sultan menduduki takhta kerajaan. Sepanjang masa setahun di bawah pemerintahan kerajaan BN itu berbagai-bagai kemajuan telah dilaksana dan dirancang untuk Negeri Kelantan Darulnaim.

Sebagai sebuah negara demokrasi, maka pada 22 April 1982, BN sekali lagi diadakan pilihanraya untuk mengembalikan kuasa kepada rakyat untuk memilih semula kerajaan yang baru. Keputusan pilihanraya kali ini BN sekali lagi dapat membentuk kerajaan memenangi 26 kerusi Dewan Undangan Negeri, PAS memenangi 10 kerusi, sementara Parlimen pula BN memenangi 8 kerusi dan PAS 4 kerusi. Kemudiannya dalam pilihanraya kecil DUN yang diadakan pada 8.9.1983, BN telah dapat merampas balik 2 kerusi lagi yang dimenangi oleh PAS tanpa bertanding kerana keslapaan mengisi borang pencalonan calon Barisan Nasional. Selepas kemenangan itu sekali lagi Dato' Haji Mohamed Yaacob telah dilantik menjadi Menteri Besar untuk memimpin Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim.

Dua puluh lapan kerusi DUN yang dimenangi oleh Barisan Nasional itu ialah Simpangan, Sungai Pinang, Wakaf Bharu, Tendong, Bandar Pasir Mas, Sungai Keladi, Telipot, Jelawat,

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Gual Periorek, Tok Uban, Ketereh, Peringat, Bukit Panau, Lanas, Gual Ipoh, Pulai Chondong, Bandar Machang, Sungai Rasau, Bandar Pasir Puteh, Cherang Ruku, Temangan, Guchil, Pahi, Jeli, Gua Musang dan Manek Urai. Sementara dua kerusi DUN yang dimenangi dalam pilihanraya kecil yang diadakan kemudiannya ialah Kemumin dan Selising.

Sementara 8 kawasan DUN yang dimenangi oleh PAS ialah Semut Api, Sering, Meranti, Kubang Kerian, Tawang, Perupok, Lemal dan Salor.

Lapan kerusi Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional ialah Tumpat, Kota Bharu, Nilam Puri, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh, Kuala Krai dan Ulu Kelantan.

Sementara empat kerusi Parlimen yang dimenangi oleh PAS pula ialah Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Bachok dan Rantau Panjang.

Kemudian pada 3 Ogos 1986 sekali lagi, diadakan pilihanraya untuk memberi mandat kepada rakyat untuk memilih pemerintah, untuk pilihanraya kali ini kerusi DUN dan Parlimen telah bertambah daripada 12 menjadi 13 kerusi dan daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan Darulnaim bertambah menjadi 39 kerusi.

Keputusan pilihanraya tahun 1986 ini sekali lagi Barisan Nasional mendapat mandat baru untuk memerintah Negeri Kelantan Darulnaim di mana keputusannya Barisan Nasional yang terdiri daripada UMNO — MCA dan HAMIM, sebuah parti baru memenangi 29 kerusi DUN dan 12 kerusi Parlimen, sementara PAS memenangi 10 kerusi DUN dan 1 kerusi Parlimen. Dari pada 29 kerusi yang dimenangi oleh BN itu, 26 kerusi UMNO, 2 kerusi HAMIM dan 1 kerusi dimenangi oleh MCA. Selepas kemenangan itu Dato' Haji Mohamed Yaacob sekali lagi dilantik menjadi Menteri Besar untuk memimpin Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim.

Kawasan-kawasan DUN yang dimenangi oleh Barisan Nasional kali ini ialah Geting, Sungai Pinang, Wakaf Bharu, Padang Garong, Bunut Payong, Tendong, Pengkalan Pasir, Meranti, Gual Periorek, Bukit Tuku, Chetok, Salor, Peringat, Jelawat, Cherang Ruku, Limbongan, Gaal, Selising, Ketereh, Pulai Chondong, Bukit Panau, Panglima Bayu, Jeli, Gual Ipoh, Banggol Judah, Temangan, Dabong, Paloh dan Galas.

Sementara kawasan DUN yang dimenangi oleh PAS pula ialah Semut Api, Kemumin, Banggol, Lundang, Mulong, Tawang, Perupok, Labok, Guchil, dan Manek Urai.

Kawasan-kawasan Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional ialah Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Rantau Panjang, Nilam Puri, Bachok, Pasir Puteh, Kota Lanas, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai dan Gua Musang. Sementara sebuah kerusi Parlimen yang dimenangi oleh PAS ialah Pengkalan Chepa.

Dengan berkat daulat KDYMM Tengku Ismail Petra Ibni almarhum Sultan Yahya Petra yang memayungi pemerintahan Negeri Kelantan Darulnaim dengan adil dan saksama maka bererti rakyat Negeri Kelantan Darulnaim akan terus dapat menikmati pembangunan baik di bidang rohani dan juga jasmani.

PERKEMBANGAN NEGERI

Peruntukan Dan Strategi Pembangunan

Zaman pemerintahan KDYMM Baginda Sultan Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Sultan Kelantan Darulnaim yang ke 28 adalah merupakan zaman yang bermula kepada rakyat Negeri Kelantan Darulnaim kerana dalam zaman pemerintahan Bagindalah terserlahnya era baru yang gemilang dalam pembangunan Negeri Kelantan Darulnaim yang telah kettinggalan begitu jauh daripada arus pembangunan yang telah melimpah di seluruh negara Malaysia. Dalam zaman pemerintahan Bagindalah seluruh pelosok Negeri Kelantan Darulnaim menjadi tumpuan pembangunan, termasuklah daerah-daerah yang jauh di Ulu Kelantan telah menerima arus pembangunan itu.

Pembangunan moden yang pesat dan yang begitu ketara bagi Negeri Kelantan Darulnaim hanya baru bermula pada tahun 1978 yang telah membawa berbagai-bagai riau dan gelombang pembangunan bagi seluruh Negeri Kelantan Darulnaim ini.

Dasar dan matlamat pembangunan Negeri Kelantan Darulnaim adalah diselaras dengan dasar pembangunan negara seluruhnya, iaitu berlandaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berobjektif untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Bagi memusatkan proses pembangunan Negeri Kelantan Darulnaim yang kettinggalan jauh dari arus kemajuan itu, maka peruntukan yang besar telah disediakan oleh Kerajaan Pusat. Dalam peruntukan asal Rancangan Malaysia Ketiga — RMT (1970 — 1980) Negeri Kelantan Darulnaim mendapat sebanyak \$1.018.82 juta, daripada itu sebanyak \$897.73 juta daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, \$17.65 juta daripada Kerajaan Negeri dan sebanyak \$103.44 juta daripada perbadanan-perbadanan.

Tapi dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga jumlah peruntukan keseluruhannya bagi Negeri Kelantan Darulnaim telah ditambah sebanyak \$726 juta, dan ini menjadikan semuanya sebanyak \$1.744 juta, iaitu tambahan sebanyak 71.3% yang merupakan tambahan peruntukan yang terbesar bagi negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Daripada peruntukan sebanyak \$1.744 juta itu sebanyak \$1.590.83 juta (91.2%) adalah daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, \$95.53 juta (5.48%) daripada peruntukan negeri, dan sebanyak \$57.71 juta (3.31%) adalah daripada peruntukan perbadanan-perbadanan.

Daripada peruntukan sebanyak \$1.744 juta itu dibahagikan kepada berbagai sektor, iaitu 75.50% untuk sektor ekonomi, yang dibahagikan pula kepada sektor pertanian sebanyak 31.58%, pengangkutan sebanyak 20.53%, dan perdagangan dan perusahaan sebanyak 12.52%. Selain daripada sektor ekonomi, sektor sosial ialah sebanyak 12.59%, 4.86% untuk sektor pertanian awam dan sektor keselamatan pula sebanyak 7.05%.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat — RME (1981 — 1985) selepas kajian separuh penggal RME Negeri Kelantan Darulnaim mendapat peruntukan sebanyak \$2.914.95 juta berbanding dengan RMT sebanyak \$1.744.00 juta. Peruntukan sebanyak \$2.914.95 juta itu dibahagikan kepada beberapa sek-

tor, iaitu untuk sektor ekonomi sebanyak \$2.017.13 juta (64.2%) sektor sosial sebanyak \$489.12 juta (16.78%), untuk sektor keselamatan sebanyak \$78.59 juta (2.7%), untuk sektor pentadbiran sebanyak \$68.52 juta (2.35%) untuk peruntukan Negeri sebanyak \$95.43 juta (3.2%) dan untuk Badan-Badan Berkanun sebanyak \$66.16 juta (5.7%).

Strategi pembangunan bagi Negeri Kelantan Darulnaim adalah untuk meninggikan pendapatan penduduk dengan cara mengadakan rancangan pertanian secara intensif dan extensif; mengadakan peluang pekerjaan kepada rakyat supaya dapat mengurangkan pengangguran, mengadakan rancangan pembukaan tanah secara besar-besaran dan mengadakan kemudahan asas dan sosial di kawasan-kawasan pendalaman.

PENTADBIRAN

Kota Darulnaim

Pada tahun 1983, sebuah Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri telah dibina di Kampung Puteh, Kota Bharu, dinamakan Kota Darulnaim di atas tapak seluas 12 hektar dan menelan perbelanjaan sebanyak \$63.6 juta. Bangunan ini dibina untuk menampung semua jabatan-jabatan kerajaan yang sedia ada di Jabatan Setiausaha, Jalan Doktor. Kompleks ini dalam bentuk tradisi Melayu Kelantan Darulnaim dan dihiasi dengan ukiran-ukiran yang cantik yang menjadi lambang identiti budaya Melayu Kelantan Darulnaim yang kaya. Kompleks ini di antaranya akan mengandungi Pejabat Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Kemajuan Negeri, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, dan juga Dewan Undangan Negeri. Persidangan Belanjawan Dewan Undangan Negeri Kelantan Darulnaim 1987 telah diadakan di dewan barunya yang terletak di Kompleks Kota Darulnaim. KDYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra telah berangkat bertitah merasmikan Persidangan Belanjawan itu, pada hari pertama 29 November, di mana sidangnya diadakan 4 hari iaitu pada 29 November, hingga 1 — 3 Disember, 1986. Kompleks Kota Darulnaim ini telah dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum

Sultan Yahya Petra sempena dengan hari ulangtahun Keputeraan Baginda yang ke 38, pada 1 April 1987 (2 Syaaban 1407).

Jeli Sebagai Jajahan

Pada tahun 1986 Jajahan Kecil Jeli telah dinaikkan tarafnya sebagai sebuah jajahan penuh menjadikan Negeri Kelantan Darulnaim terbahagi kepada 10 buah jajahan semuanya. Luas jajahan Jeli ialah 1,329 km persegi, mempunyai 3 daerah dan 13 mukim semuanya, jajahan lain ialah Kota Bharu, luas 409km persegi, mempunyai 14 daerah dan 110 mukim. Tumpat luasnya 168km persegi, mempunyai 7 daerah dan 48 mukim. Pasir Mas luasnya 578km persegi, mempunyai 10 daerah dan 66 mukim, Machang luasnya 544km persegi, mempunyai 6 daerah dan 39 mukim. Pasir Puteh luasnya 433km persegi, mempunyai 8 daerah dan 46 mukim, Bachok luasnya 264km persegi, mempunyai 8 daerah dan 46 mukim. Tanah Merah luasnya 868km persegi, mempunyai 3 daerah dan 31 mukim. Ulu Kelantan luas 8.104km persegi, mempunyai 2 daerah dan 9 mukim dan Kuala Krai luasnya 1.329km persegi, mempunyai 3 daerah dan 13 mukim. Ini menjadikan Negeri Kelantan Darulnaim seluas 14,929km persegi dengan 64 daerah dan 445 mukim semuanya.

KEAGAMAN

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Di Negeri Kelantan Darulnaim hari ini terdapat tiga buah agensi agama yang utama yang mentadbir dan mengendalikan urusan-urusan mengenai Agama Islam, iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan. Setiap agensi itu mempunyai tugas masing-masing dalam meninggikan syiar Islam di negeri ini.

Daripada ketiga-tiga buah agensi itu, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan adalah merupakan agensi induk agama yang tertinggi sekali dan juga tertua sekali di negeri

ini, malah juga merupakan salah sebuah agensi yang tertua di Malaysia.

Dengan tertubuhnya Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1915 itu, maka sistem pentadbiran agama Islam di negeri ini menjadi bertambah kemas tersusun rapi, baik dari segi pentadbiran bahagian zakat ataupun baitulmal, dan khususnya dalam soal mengeluarkan fatwa-fatwa yang dipertanggungjawabkan kepada Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam yang dianggotai oleh Ulamak-Ulamak yang terkenal dan telah diakui kealimanannya.

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah ditubuhkan oleh Baginda Sultan Muhammad Keempat pada 17 Safar tahun 1334 Hijrah bersamaan dengan 24 Disember 1915, di antara lain bertujuan untuk mentadbir dan memajukan kumpulan harta baitulmal dan zakat orang-orang Islam, mentadbir kehakiman Islam dan juga mentadbir mengenai persekolahan Agama dan Arab, juga untuk meningkatkan kegiatan dakwah Islamiah dan memperkemaskan lagi kegiatan mengawal segala kegiatan maksiat dan segala bentuk penyelewengan dalam Islam.

Berhubung dengan bidang persekolahan yang pernah ditadbirkkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan itu, maka selaras dengan perkembangan masa dan perkembangan yang muktahir, maka bahagian Persekolahan Agama dan Arab dengan keampunan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Ismail Petra telah diseraf dan ditetakkan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri melalui JASA dan kemudiannya Yayasan Islam Kelantan, di mana sehingga sekarang berjalan dengan baiknya.

Pada tahun 1979, Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim dengan keampunan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Yahya Petra dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah menubuh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan untuk membantu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dalam meninggikan syiar Islam di negeri ini, di antaranya dengan mengurus dan mentadbir bidang kehakiman dan juga penguatkuasaan undang-undang pentadbiran Agama Islam negeri ini. Walau bagaimanapun urusan-urusan pentadbiran zakat,

baitulmal dan mengeluarkan fatwa dan sebagainya masih terletak di bawah Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Di Bidang Dakwah

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menjalankan dakwah ke dalam dan juga ke luar, iaitu di kalangan orang-

orang Islam dan juga bukan Islam, khususnya di kalangan orang-orang Asli di negeri ini.

MAIK telah menyediakan peruntukan yang khas untuk menjalankan dakwah di kalangan orang-orang Asli, iaitu sebanyak \$30,000.00 setahun.

MAIK juga menyediakan peruntukan sebanyak \$130.00 sebulan kepada saudara-saudara baru yang memeluk Agama Islam itu untuk selama tiga bulan, iaitu sebanyak \$40.00 untuk saudara baru itu sendiri, \$50.00 untuk keluarga angkat jika mereka tinggal dengan keluarga angkat dan sebanyak \$40.00 kepada guru-guru agama yang mengajar agama kepada mereka secara sukarela.



ATAS: KDYMM Almarhum Sultan Muhamad IV menubuhkan Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1915.

Di Bidang Kebajikan Anak-Anak Yatim

MAIK telah menyediakan Rumah Kebajikan Anak Yatim yang khas (Darul Aitam) untuk membela kebajikan anak-anak yatim yang biasanya hidup menderita tanpa perlindungan yang selamat. Rumah Darul Aitam itu terletak di bangunan bekas sebuah sekolah Arab di Jalan Yakobiah, Kota Bharu.

Rumah Darul Aitam ini mulai menempatkan anak-anak yatim pada 5 Mei, 1985 dengan pengambilan anak yatim seramai sebelas orang pada peringkat pertamanya, kemudian jumlah anak-anak yatim yang ditempatkan di situ terus meningkat mengikut keadaan masa.

MAIK telah menyediakan peruntukan yang khas untuk melaksanakan projek Anak-Anak Yatim itu,umpamanya dalam tahun 1985 MAIK menyediakan peruntukan sebanyak \$128,170.00 untuk menjalankan kegiatan tersebut.

Di Bidang Pendidikan

Walaupun MAIK telah menyerahkan sekolah-sekolah Agama dan Arab negeri ini di bawah tadbiran Kerajaan Negeri, tapi MAIK masih tetap memberi perhatian terhadap kemajuan pendidikan di negeri ini, di antara langkah-langkah penting yang

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

dambil oleh MAIK ialah menyediakan Skim Bantuan Buku Teks, Biasiswa Kecil Majlis Agama dan Biasiswa Pelajaran Tinggi.

SKIM BANTUAN BUKU TEKS MAIK telah melaksanakan projek ini sejak tahun 1974 lagi, iaitu dengan menyediakan buku-buku bantuan yang disediakan oleh MAIK sendiri. Peruntukan yang besar juga telah disediakan untuk melaksanakannya, iaitu mengikut keperluan semasa, umpannya dalam tahun 1985 peruntukan sebanyak \$62,587.00 telah disumbangkan dengan jumlah buku sebanyak 36,660 buah untuk 73 buah sekolah, sedangkan dalam tahun 1984 sumbangan yang dikeluaran oleh MAIK untuk tujuan tersebut ialah sebanyak \$47,484.68 dengan 29,637 buah buku kepada 68 buah sekolah agama.

BIASISWA KECIL MAJLIS MAIK juga menyediakan bantuan kecil untuk kanak-kanak miskin dalam pelajaran; peruntukan yang disediakan juga adalah mengikut keperluan semasa, umpannya Dermasiswa itu dibuat dalam tiga peringkat, iaitu Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan Tiga diberi sebanyak \$120.00 setahun, pelajar-pelajar dari Tingkatan Empat dan Lima sebanyak \$180.00 setahun dan pelajar-pelajar Tingkatan Enam pula diberi sebanyak \$240.00 setahun.

TABUNG BIASISWA MAJLIS Bagi membantu pelajar-pelajar Kelantan yang tidak mampu yang sedang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri, MAIK telah menubuhkan Tabung Biasiswa Pelajaran Tinggi Majlis. Sehingga tahun 1985, Tabung ini mempunyai peruntukan sebanyak \$188,662.54.

Semenjak ditubuhkan pada tahun 1915, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah memainkan peranananya yang penting dan berkesan di bidang keagamaan, sehingga perkembangan syiar Islam di negeri ini sentiasa meningkat dari masa ke semasa, lebih-lebih lagi dengan mendapat perhatian yang berat daripada Raja-Raja yang memerintah dan menaungi Negeri Kelantan Darulnaim, khususnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra sekarang.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan

Pada tahun 1979, dengan keampunan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan

Ibrahim, dan juga dengan keampunan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, maka Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan untuk membantu Majlis Agama Islam Kelantan mengembangkan syiar Islam, melainkan mempergiatkan lagi projek-projek dan aktiviti-aktiviti keagamaan, serta menjamin keteguhan dan kesucian Agama Islam.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan telah diberikan peruntukan yang besar setiap tahun untuk meningkatkan Syiar Islam di negeri ini, dalam tahun 1978 peruntukan sebanyak \$6,338,942.71 telah diluluskan untuk JHEAIK, 1979 sebanyak \$7,113,650.51, 1980 sebanyak \$9,707,682.27, 1981 sebanyak \$13,451,132.39, 1982 sebanyak \$13,172,612.82, 1983 sebanyak \$14,281,980.38, 1984 sebanyak \$11,634,205.49 1985 sebanyak \$14,200,000.00, 1986 sebanyak \$15,300,000.00 dan 1987 sebanyak \$16.5 juta.

Enakmen Keluarga Islam

Enakmen Keluarga Islam telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1984 yang mempermudahkan undang-undang nikah kahwin dan yang berkaitan dengannya yang telah berjaya menurunkan jumlah percereraan bagi seluruh Negeri Kelantan Darulnaim, di samping mencegah daripada berlaku panganianya terhadap kaum wanita. Sejak wujudnya Enakmen ini bidang kuasa berhubung dengan nikah kahwin tidak lagi terletak di tangan imam-imam seperti biasa tapi terletak di tangan kadi.

Kompleks Balai Islam

Kompleks Balai Islam merupakan sebuah kompleks yang memuatkan berbagai-bagai jabatan yang sebahagiannya telah siap dan mulai dipergunakan pada tahun 1986. Ia dibina dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$23 juta. Di antara jabatan-jabatan yang ditempatkan di Kompleks ini ialah Jabatan Hal

KANAN: KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail

Petra sedang menyempurnakan perasmian
masjid tambahan Bandar Pasir Mas.



BAWAH: KDYMM Al Sultan dan YTM

Tengku Mahkota menaangkan tangan
berdoa ke hadirat Allah S W T selepas
KDYMM Al Sultan sempurna merasmikan
masjid Kampung Sireh, Kota Bharu.



KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Ehwal Agama Islam, Pejabat Kadi Besar, Mahkamah Kadi Besar dan sebagainya. Ia dibina dengan bentuknya yang tersendiri, dan letaknya di Lundang, iaitu dalam perjalanan masuk ke Ibu Negeri Kelantan Darulnaim yang menjadi mercutanda, serta menjadi lambang tentang majoriti umat Islam di negeri ini.

Yayasan Islam Kelantan

Yayasan Islam Kelantan (YIK) mulai berkuatkuasa pada 1 Mac 1983. Dengan itu institusi-institusi sebelumnya yang dikenali dengan nama Yayasan Pengajian Tinggi Islam (1968) dan Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan telah mansuh.

Di antara tanggungjawab Yayasan Islam Kelantan ialah mengurus dan mentadbir pembangunan sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim, menguruskan pendtabiran Pengajian Pondok Moden di Bachok, dan mengurus pendtabiran Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri. Di samping mendapat

peruntukan dari Kerajaan Negeri, YIK juga mendapat sumbangan daripada beberapa buah Kerajaan Islam, seperti Kuwait.

Pusat Bahasa Arab

Pusat Bahasa Arab lahir pada tahun 1981, dan ianya satu-satunya institusi seumpama itu di Malaysia. Tujuan penubuhannya ialah untuk memperluaskan pelajaran Bahasa Al Quraan di Malaysia khasnya, malah juga di Asia Tenggara amnya. Pusat ini mempunyai kompleks banggunannya sendiri yang terletak di Nilam Puri Kota Bharu, dan dibina dengan menelan perbelanjaan sebanyak kira-kira \$4 juta, mengandungi sebuah asrama yang dapat menampung seramai 500 orang, perpustakaan, bangunan pejabat, bangunan 2 tingkat untuk bilik-bilik darjah, makmal bahasa dan bangunan asrama 3 tingkat. Pusat Bahasa Arab ini telah dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra pada 1 April, 1986.



Putra Bahasa Arab mengadakan kursus Bahasa Arab secara intensif kepada pelajar-pelajar di seluruh Malaysia yang sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia selama 3 bulan, mulai 1 Januari hingga 3 Mac setiap tahun; mengadakan Kursus Bahasa Arab untuk orang-orang dewasa umum selama 2 tahun, selama 3 kali seminggu secara 4 peringkat; mengadakan kursus Bahasa Arab untuk meningkatkan kebolehan Bahasa Arab untuk guru-guru agama dan Bahasa Arab di sekolah-sekolah YIK dalam masa cuti sekolah, mengadakan kursus Bahasa Arab untuk pelajar yang layak melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi di negara Arab dan meningkatkan kemampuan Bahasa Arab di kalangan guru-guru agama dan Bahasa Arab di sekolah-sekolah kerajaan.

Pondok Moden

Putra Pengajian Pondok Moden terletak di Pantai Qudus, Teleng Bachok, Kelantan Darulnaim di atas tapak seluas 60 ekar merupakan projek agama Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim sendiri, di mana pengurusan dan pentadbirannya terletak di bawah Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri. Pondok ini dibuka pada 9 Februari 1984 (7 Jamadil Awal 1404H), dan pusat inilah julung-julung kalinya diwujudkan di Negeri Kelantan Darulnaim, malah mungkin juga di seluruh Malaysia, di mana pengajiannya dijalankan secara ala pondok yang biasa, tapi dengan praturan yang tertentu mengikut cara baru dan di samping pengajian agama di sini juga terdapat kegiatan jasmaniah seperti bertani, bertukang, berjahit dan bermain sepak raga dan seumpamanya.

Pondok ini ditubuhkan dengan tujuan untuk melahirkan ulamak ulamak yang berkemampuan memahami isi kandungan kitab-kitab lama dalam berbagai-bagi ilmu, melahirkan siswa-siswi yang mempunyai wibawa sebagai muhaligh, pendakwah, imam, dan sebagainya, melahirkan cerdik pandai dalam bidang agama serta memahami perkembangan ilmu pengetahuan dan masyarakat semasi, dan melahirkan siswa-siswi yang dapat menjadi penyambung tugas-tugas ulamak pondok yang terdahulu dan juga mengekalkan pengajian cara pondok dengan mengadakan peperiksaan-peperiksaan kepada pelajar-pelajar dan meng-

anugerahkan sijil-sijil kepada mereka, serta mengelola dan mengadakan kursus-kursus umum dan vokasional seperti pertanian, jahitan, pertukangan dan sebagainya.

Pada permulaannya ter dapat sebanyak 15 buah pondok dan pada peringkat awalnya terdapat seramai 40 orang pelajar yang terpilih dari Negeri Kelantan Darulnaim, Pulau Pinang, Pahang Darulmakmur dan Johor yang dipimpin oleh seorang pengetua dipanggil Syikh Pondok. Mengikut perancangan pada peringkat awalnya seramai 100 orang pelajar akan ditambah setiap tahun, masa pengajiannya selama 10 tahun, iaitu 3 tahun peringkat pertama (setara dengan STU), 4 tahun peringkat kedua (setara BA), dan 3 tahun peringkat ketiga (setara dengan izajah MA).

LUTH Di Kelantan Darulnaim

Lembaga Urusan Dan Tabung Haji Kelantan Darulnaim telah membina sebuah bangunan pencakar langit di Jalan Doktor, Kota Bharu dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam

KANAN: KDYMM Al Sultan sedang menyempurnakan perasmian Pejabat Tana Dan Jajahan Machang, 1980.

MUKA SEBELAH, DARI KIRI KE KANAN: YTMR Tengku Mahkota, KDYMM Al Sultan, DYMM Raja Permeuan dan YAM Tengku Muhammad Faiz Petra di majlis perasmian Pusat Babasa Arab, Nilam Puri oleh KDYMM Al Sultan.



KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

Negeri Kelantan, bangunan ini tingginya 12 tingkat yang menelan perbelanjaan sebanyak \$12.2 juta yang menjadi kimbang bagaimana besarnya sumbangsan masyarakat Islam Kelantan Darulnaim terhadap pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia menerusi LUTH. Bangunan ini telah dirasmikan pembukaannya oleh DYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra Ibni almarhum Sultan Yahya Petra pada tahun 1985.

Rumah-Rumah Ibadat


Sejak tahun 1978 banyak rumah-rumah ibadat, seperti masjid, surau dan madrasah dibina oleh kerajaan ataupun ditambah dan diperbaiki. Dari 1979 hingga 1983, peruntukan sebanyak \$5,294,063.33 telah disediakan oleh kerajaan untuk tujuan pembinaan rumah-rumah ibadat itu. Sebagai contohnya masjid yang dibina baru ialah masjid Kampung Tunku Abdul Rahman Kuala Bahal, masjid Kampung Sireh, masjid Telipot, dan masjid yang ditambah bangunannya ialah masjid Bandar Pasir Mas.

PERDAGANGAN

Pembangunan Buluh Kubu

Kawasan Buluh Kubu yang terletak berhampiran dengan Istana Balai Besar adalah kawasan yang bersejarah, tapi pada suatu ketika merupakan sebuah kawasan yang termundur dalam Bandar Kota Bharu, terdapat seramai kira-kira 3.000 orang penduduk yang tinggal di kawasan tersebut dalam pondok usang yang buruk yang mempunyai berbagai-bagai permasalahan masyarakat.

Walaupun projek pembangunan Buluh Kubu telah dikenalpasti pada tahun 1973 lagi, tapi hanyalah mulai tahun 1978 kawasan Buluh Kubu itu benar-benar diberi perhatian untuk dibangunkan semula menerusi beberapa buah agensi, sehingga kini kawasan tersebut sedang pesat membangun, di mana terdapat 6 blok rumah pangsa yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara, di mana fasa pertamanya berharga \$2,640,616.27 sebuah Pasar Pusat Buluh Kubu dibina oleh MPKB dengan harga \$11.5 juta, sebuah Kompleks Buluh Kubu oleh PKINK berharga \$10 juta,



143 unit rumah kedai yang dibina oleh PKINK berharga \$5 juta dan Bangunan Bank Negara Cawangan Kelantan berharga \$7 juta, dan sebuah Kompleks Letak Kereta bertingkat dan pusat membeli-belah termoden berharga \$45 juta dalam proses pembinaan.

Dalam membangun kawasan Buluh Kubu ini binaan-binaan lama yang bersejarah dalam kawasan itu terus dipertahankan dan diperbaharui, di antara lain terdapat empat buah istana iaitu Istana Balai Besar, Istana Tengku Sri Akar, Istana Jahar, dan Istana Mahkota.

Pasar Pusat Buluh Kubu

Pasar Pusat Kota Bharu terletak di Kawasan Buluh Kubu, dibina oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu. Perletakan batu asas projek ini telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan Malaysia, Tengku Razaleigh Hamzah pada hari Jumaat 20 Mei 1983 (8 Syaaban



SEBELAH:
KDYMM Al Sultan sedang menyempurnakan perasmian sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa

BAWAH: KDYMM Al Sultan sedang menyempurnakan perasmian Hospital Universiti Sains Kubang Kerian.



1403H). Ia dibina dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$11.6 juta, termasuk \$944,000.00 harga tanah dan \$810,000.00 bayaran iktisas, dan dapat menampung lebih daripada 3,000 orang penjaja kecil. Pasar ini mulai dibuka pada bulan Julai, 1985 dan dibina untuk menggantikan Pasar Besar MPKB yang lama yang tidak mampu lagi menampung para penjual yang kian bertambah dengan pesat.

Pasar Besar Tanah Merah

Pasar Besar Tanah Merah dibina pada tahun 1983 di atas tapak pasar lama dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$2.6 juta. Pasar ini dibina setinggi dua tingkat dan dibuat secara gotong-royong. Ia telah dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Baginda Al Sultan Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, pada 13 Mei 1984.

Bank Negara Malaysia Cawangan Kota Bharu

Bank Negara kini mempunyai cawangannya di Kota Bharu yang dibuka pada tahun 1985. Tapak bangunan Bank Negara luasnya 1.6 ekar terletak berhampiran dengan Istana Balai Besar, Istana Jahar (Muzium) dan Padang Merdeka. Ia mula dibina pada bulan Ogos, 1983 dan siap bualat Disember, 1984 dan memulakan urusannya pada 1 Januari, 1985. Bank ini dibina dengan menelan belanja sebanyak \$7 juta dan telah dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.

PERKHIDMATAN BANK

Sejak tahun 1978 perkhidmatan Bank di Negeri Kelantan Darulnaim bertambah meningkat setelah ekonomi negeri ini berkembang dengan lebih pesat. Dalam tahun 1984 terdapat sebanyak 34 buah bank berkhidmat di Negeri Kelantan Darulnaim

KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

SEBELAH KDYMM Al
Sultan dan DYMM Raja
Perempuan, ketika melawat
KESEDAR pada tahun 1987.



di mana 21 buah daripadanya terletak di Kota Bharu. Ini tidak termasuk institusi kewangan yang lain yang berkhidmat di negeri ini.

Pelajaran

Salah satu lagi bidang yang terus berkembang dalam zaman pemerintahan KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra ialah pelajaran. Dari segi fizikal saja, jumlah sekolah rendah bagi Negeri Kelantan Darulnaim pada tahun 1983 ialah sebanyak 331 buah, herbanding dengan tahun 1980 sebanyak 321 buah, demikian juga bilangan sekolah menengah telah bertambah iaitu 71 buah dalam tahun 1980, kepada 80 buah dalam tahun 1983; sementara bilangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah juga telah bertambah, iaitu 207,367 orang dalam tahun 1980, kepada 228,036 dalam tahun 1983 (9.9%), dan bilangan guru juga turut meningkat iaitu dari 6,838 orang pada tahun 1978 kepada 9724 dalam tahun 1983. Nisbah guru dengan murid juga telah berkurangan iaitu 1:29 dalam tahun 1978 kepada 1:24 dalam tahun 1983.

Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)

Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) ditubuhkan pada 1.1.1981 yang memulih tanggungjawab di peringkat negeri untuk membayar

bantuan pelajaran kepada anak-anak Kelantan Darulnaim belajar di dalam ataupun di luar negeri, dalam bentuk biasiswa dan pinjaman.

Akademik Islam Universiti Malaya

Akademik Islam Universiti Malaya ditubuh dengan rasminya pada 1 April, 1981, dan kampus cawangan bagi Negeri Kelantan Darulnaim ditempatkan di Nilam Puri, walau bagaimanapun tapak seluas 559.4 ekar di Jajahan Bachok telah disediakan untuk kampus akademik tersebut.

Sekolah Menengah Sains Labok Machang

Sekolah Menengah ini dibina dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$12 juta dan mulai dibuka pada penggal kedua tahun 1983. Perasmian pembukaannya telah disempurnakan oleh KDYMM Baginda Al Sultan Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra pada tahun 1985.

ITM Cawangan Kelantan

Institusi Teknologi MARA Cawangan Kelantan Darulnaim telah memulakan operasinya pada 1 Julai, 1985 dengan pengambilan

pelajar permulaan seramai 200 orang. Buat sementara kampus ITM Cawangan Kelantan Darulnaim ini ditumpangkan di Kem Kijang sementara menunggu pembinaan bangunannya sendiri di atas tapak seluas 550 ekar di Machang yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Penubuhan Cawangan ITM ini adalah merupakan rancangan ITM dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk menubuhkan sebuah Kampus Kota di setiap buah bandar utama di negara ini. Menjelang tahun 1990 ITM Cawangan Kelantan Darulnaim dijangka mempunyai pelajar seramai 4,500 orang. Ia pun dirasmikan pembukaannya oleh YAB Menteri Besar, Dato' Haji Mohamed Yaacob.

Perpustakaan Awam Negeri Kelantan

Bangunan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan Darulnaim yang lengkap dan cantik ini telah dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Baginda Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, pada 1 April, 1983. Bangunan baru ini mulai dibina pada tahun 1981 dengan peruntukan sebanyak \$4.1 juta, iaitu \$1.5 juta peruntukan Kerajaan Persekutuan dan selebihnya daripada Kerajaan Negeri. Bangunan ini dibina untuk menggantikan bangunan kecil dan lama yang dibina pada zaman penjajah, sejak tahun 1938 lagi yang terletak di Jalan Doktor, Kota Bharu, kepunyaan Carnegie Corporation di New York. Bangunan baru ini sekarang adalah kepunyaan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan Darulnaim.

PERHUBUNGAN

Dua buah lebuhraya yang terbesar telah dibina di Negeri Kelantan Darulnaim, iaitu Lebuhraya Timur Barat dan Lebuhraya Kuala Krai, Gua Musang.

Lebuhraya Kuala Krai — Gua Musang

Lebuhraya Kuala Krai — Gua Musang dibina oleh Kerajaan Pusat dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$180 juta. Lebuh-

raya ini akan merupakan nadi penggerak yang dapat mempercepatkan lagi pembangunan di Ulu Kelantan dan pembangunan di kawasan sepanjang lebuhraya itu; sebelum ini satu-satunya jalan yang boleh dilalui untuk ke Gua Musang ialah melalui keretapi sahaja.

Panjang lebuhraya ini ialah 115km. (72 batu) lebarinya 6.70m (22 kaki) dan mulai dibina pada tahun 1979. Sepuluh buah jambatan terdapat di sepanjang lebuhraya ini, dan jambatan yang terpanjang sekali ialah merentangi Sungai Lebir yang panjangnya 160m dan tingginya 32m.

Lebuhraya ini mulai dibuka pada lalulintas pada 1 September, 1983. Ia dirasmikan pembukaannya oleh KDYMM Al Sultan Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra pada hari Ahmad 23 Oktober 1983.

Ia dibina secara usahamasa antara kontraktor-kontraktor luar negeri iaitu Italian — Thai dan Kenneison Brothers.

Lebuhraya Kuala Krai — Gua Musang ini juga menyambungkan Kota Bharu — Kuala Lumpur, yang dapat memendekkan perjalanan sejauh kira-kira 164km. (102 batu), jika dibandingkan dengan perjalanan biasa melalui Terengganu dan Pahang.

Lebuhraya Timur Barat

Lebuhraya Timur Barat panjangnya 115km. dan berjaya memendekkan perjalanan antara Kota Bharu — Butterworth sejauh 671 km. mengikut jalan biasa. Lebuhraya ini letaknya di sebelah Barat Negeri Kelantan Darulnaim dan sebelah Timur Perak dan merupakan lambang kerjasama yang erat antara negeri-negeri Pantai Timur dengan negeri-negeri di Pantai Barat. Sejauh 49.6km. lebuhraya ini terletak di sebelah Negeri Kelantan Darulnaim bermula tidak jauh dari pekan Jeli, manakala 65.6km. lagi di sebelah Perak bermula dari Pekan Grik.

Lebuhraya ini selain daripada memendekkan perjalanan Pantai Timur dengan Pantai Barat, juga dapat menghalang kegiatan anasir anti nasional, khususnya komunis dan juga menolong

Hospital Universiti bertanggungjawab untuk merawat penyakit dan juga sebagai hospital pengajar dan bersedia memberi perkhidmatan pakar kepada hospital-hospital daerah. Selain itu hospital ini juga menjadi tempat latihan kepada pelajar-pelajar perubatan, farmasi, teknologi, makmal perubatan, kejururawatan dan bidang-bidang latihan yang lain. Hospital ini menjadi lambang kemajuan perubatan dan kesihatan bagi Negeri Kelantan Darulnaim.

Di samping itu, untuk memberi kemudahan kesihatan yang lebih baik lagi, hospital-hospital daerah juga telah dibina, iaitu Hospital Jajahan Tanah Merah, Tumpat dan Pasir Mas di mana ketiga-tiganya telah dirasmikan oleh KDYMM Al Sultan, Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.

PERTANIAN

Projek Kemasin Semerak

Projek ini meliputi kawasan seluas 68,350 ha dijalankan secara berperingkat-peringkat. Dari tahun 1981 — 1987 dijalankan peringkat pertama meliputi kawasan seluas 28,665 ha. bagi Kawasan Sungai Kemasin Semerak dan sebahagian daripada Lembah Sungai Pengkalan Datu dengan anggaran kos sebanyak \$206 juta; pembangunan peringkat II seluas 39,685ha. di kawasan Semerak bermula dari tahun 1988 hingga 1991.

Projek ini adalah projek pembangunan kawasan pertanian yang bersepada, yang berdasarkan kepada konsep pembangunan

kawasan pertanian yang disatukan di kawasan di mana penduduknya telah sedia ada. Jumlah penduduk di kawasan ini dianggar seramai 86,000 orang, terdiri daripada 15,900 keluarga.

Projek Penempatan Semula Nelayan Kandis

Projek penempatan ini dilaksanakan pada tahun 1983 yang melibatkan seramai 61 keluarga nelayan yang menukar corak hidup mereka dari nelayan kepada bertani, terutama dengan menanam tembakau. Projek ini telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka mengatasi garis kemiskinan.

Pusat Pendaratan Ikan Geting

Pusat Pendaratan Ikan Geting telah dibuka pada tahun 1983 yang memberi kemudahan pendapatan ikan kepada 1624 orang nelayan di Jajahan Tumpat.

Pemulihara Tanah Terbiar

Mulai tahun 1981 tanah-tanah terbiar yang begitu banyak di Negeri Kelantan Darulnaim mulai dipulihkan, sehingga tahun 1983 sebanyak 18 buah projek pemulihara tanah terbiar telah dilaksanakan yang meliputi kawasan seluas 3,597ha dengan peruntukan sebanyak \$3.72 juta, dan seramai 3,139 orang petani telah mendapat faedah daripada projek tersebut.

PERINDUSTRIAN

Lapangan perindustrian adalah satu bidang yang penting untuk pembangunan. Pada tahun 1978 Kerajaan Negeri telah mulai membuka kawasan perindustrian seluas 9.72ha, tapi dalam tahun 1984 telah meningkat 738ha yang terletak pada 6 kawasan perindustrian yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$81.74 juta; kawasan-kawasan itu ialah Pengkalan Chepa fasa 1 seluas 24




KELUARGA DIRAJA KELANTAN DARULNAIM

ekar, Pengkalan Chepa II seluas 1000 ekar, Tanah Merah kira-kira 400 ekar, Jeli dan Gua Musang kira-kira 438 ekar. Pada permulaannya peruntukan sebanyak \$56.68 juta telah diberikan kepada PKINK untuk melaksanakan projek tersebut.

Demikianlah sebahagian daripada begitu banyak kemajuan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Kelantan Darulnaim dalam


zaman pemerintahan KDYMM Baginda Sultan Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra. Berkat daulat payung pemerintahan Baginda yang adil dan saksama sudah tentu dengan izin Allah masih banyak kemajuan yang dapat dilaksanakan untuk rakyat Kelantan Darulnaim di masa-masa akan datang.




Istana Mahkota,
Istana Kediaman
Baginda di Kubang
Kerian

PETUNJUK:

- — — SEMPADAN JAJAHAN
- — — SEMPADAN KELANTAN UTARA DAN SEMPADAN KELANTAN SELATAN





PERTALIAN



DIRAJA

(1)
SULTAN SKANDAR SHAH
Negeri
Shawal 819 (TM 1418)

(2)
SULTAN MANSUR SHAH
TH 868 (TM 1465)



Diputerakan pada 20th Muharram 1369 bersamaan 11 November 1949 Telah naiki Takhta Kerajaan Kelantan pada 2 Janadil Awal (1399 bersamaan 20 Mac 1979)

BAHAN-BAHAN KAJIAN

- 1 RINGKASAN CETERA KELANTAN
Oleh Mahmud Bin Ismail. Dato' Perdana Menteri Paduka Raja. Kelantan.
- 2 KELANTAN DARI ZAMAN KE ZAMAN
Oleh Mohd Hussein Khalie Hj Awang. Syarikat Dian Sdn Bhd. Jln. Tengku Chik. Kota Bharu. Kelantan.
- 3 DETIK-DETIK SEJARAH KELANTAN
Oleh Saad Shukri Bin Hj Muda. Pustaka Aman Press. Kota Bharu. Kelantan.
- 4 SEJARAH KELANTAN
Oleh Ariffin Bin Abdul Rashid. Al-Ahlyah Press. 5509. Jalan Sultanah Zainab. Kota Bharu. Kelantan.
- 5 PERKEMBANGAN POLITIK MELAYU TRADISIONAL KELANTAN 1776-1842
Oleh Rahmat Saripan. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- 6 PANDUAN TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH KELANTAN
Oleh Abdul Halim Nasir. Jabatan Muzium. Jalan Damansara. Kuala Lumpur.
- 7 WARISAN KELANTAN III
Diselenggara Oleh Nik Mohamed Bin Nik Mohd Salleh. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Istana Jahar. Kota Bharu. Kelantan.
- 8 KETURUNAN RAJA RAJA KELANTAN DAN PERISTIWA PERISTIWA BERSEJARAH
Oleh Abdullah b. Mohamed (Nakula). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. JKR 12A. Kampong Sireh. Kota Bharu. Kelantan.
- 9 NUSANTARA
Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- 10 SEJARAH PERKEMBANGAN ULAMAK KELANTAN
Oleh Nik Abdul Aziz Bin Hj Nik Hassan. Pustaka Aman Press Sdn Bhd. Kota Bharu. Kelantan.
- 11 SEJARAH UMNO KELANTAN.
Oleh Mohd Zain Saleh. Jawatankuasa Penerangan UMNO Perhubungan Negeri Kelantan.
- 12 ANALISA PILIHANRAYA NEGERI KELANTAN 1986
Oleh Mohd Zain Saleh. Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan. Pejabat SUK. Kota Bharu. Kelantan.
- 13 RIWAYAT TANAH MELAYU
Philip N Nazareth. Peter Chong & Co. Singapura.
- 14 SEJARAH HIDUP TOK KENALI.
Oleh Abdillah Al Qari Hj. Saleh. Pustaka Aman Press. Kota Bharu. Kelantan.
- 15 FUKUS NEGERI KELANTAN
Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan. Pejabat SUK Kota Bharu. Kelantan.
- 16 SEJARAH KELANTAN
Oleh Saad Shukri Hj Muda. Pustaka Aman Press. Kota Bharu. Kelantan.

- 17 KELANTAN, RELIGION, SOCIETY AND POLITICS IN A MALAY STATE
Edited William R. Roff. Oxford University Press, Kuala Lumpur
- 18 BUKU PERAYAAN KEMAHKOTAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU ISMAIL PETRA IBNI ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA DAN DULI YANG MAHA MULIA TENGKU ANIS BINTI TENGKU ABDUL HAMID RAJA PEREMPUAN KELANTAN 30 MAC 1980.
- 19 THE MAKING OF MODERN MALAYA
By N. J. Ryan, Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- 20 A HANDBOOK OF MALAYAN STUDIES.
by S A DAS, M R A S A R H S, Malaya Publishing House Limited, Singapore.
- 21 AKHBAR-AKHBAR & MAJALAH
- 1 MAJALAH KELANTAN
Kerajaan Negeri Kelantan
 - 2 SINAR KELANTAN
Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan, Pejabat SUK Kota Bharu, Kelantan.
 - 3 MINGGUAN KOTA BHARU
Syarikat Dian Sdn Bhd, Kota Bharu, Kelantan.
 - 4 PENGASUH
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

20 APR. 1992

Penghargaan
Setinggi-tinggi Penghargaan Diucapkan kepada:
Nik Hashiah Bt Wan Yusuff

Cetakan Pertama 1987



Diterbitkan Oleh:
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar,
Kota Bharu, Kelantan.



Dicetak Oleh:
Dian Darulnaim Sdn. Bhd., Jalan Yahya Petra,
15200 Kota Bharu, Kelantan.